



**2025**

# LAPORAN TAHUNAN AUDIT DALAM

UNIT AUDIT DALAM  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
<b>PRAKATA KETUA AUDIT DALAM .....</b>	<b>2</b>
<b>PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA .....</b>	<b>3</b>
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF .....</b>	<b>4 - 14</b>
<b>1. PENDAHULUAN</b>	
• Penubuhan Unit Audit Dalam, Visi, Misi Dan Objektif Serta Bidang Tugas	<b>15</b>
• Kedudukan Perjawatan Dan Struktur Organisasi	<b>16 - 20</b>
<b>2. RANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT</b>	
• Rancangan dan Pencapaian Program Audit	<b>21 - 23</b>
<b>3. PENGAUDITAN PRESTASI</b>	
• Pengauditan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal	<b>24 - 39</b>
• Pengurusan Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) Di Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja Dan Peniaga Kecil	<b>40 - 67</b>
• Pengauditan Pelaksanaan Program Pemerksaan Digitalisasi Koperasi (CODE)	<b>68 - 86</b>
• Penaguditan Pelaksanaan Program Malaysian Entrepreneur Hub (MEH)	<b>87 - 101</b>
<b>4. PENGAUDITAN PEMATUHAN</b>	
• Pengauditan Pengesahan Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)	<b>102 - 107</b>
• Pengauditan Pengurusan Keselamatan Bangunan KUSKOP	<b>108 - 117</b>
• Pengauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan Bangunan KUSKOP	<b>118 - 123</b>

**5. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**

- Pengauditan Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan KUSKOP Dan Pusat Khidmat Kontraktor Tahun 2025 **124 – 128**

**6. PENGAUDITAN KEWANGAN**

- Pengauditan Arahan Pembayaran Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi **129 - 136**
- Pengauditan Arahan Pembayaran Pusat Khidmat Kontraktor **137 – 141**
- Pengesahan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) Bagi Data Cut-Off 31 Disember 2024 **142 - 143**

**7. KEBERKESANAN JAWATANKUASA AUDIT**

- Penubuhan Dan Keahlian Jawatankuasa Audit, Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Status Isu Audit **144 - 146**

**8. PENINGKATAN PENGETAHUAN BERTERUSAN**

- Kursus/Latihan Anjuran Unit Audit Dalam **147**
- Kursus/Latihan Yang Dihadiri Pegawai **148 - 150**

**9. PERKARA AM**

- Impak Pengauditan Audit Dalam Terhadap Organisasi **151 – 152**
- Penglibatan Pegawai Audit Dalam Di Organisasi **152 - 153**
- Kekangan Dan Cabaran Yang Dihadapi **153 - 154**
- Aktiviti-Aktiviti Audit Dalam **154 - 158**

# PENDAHULUAN

Laporan Tahunan Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) disediakan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PS 3.1. Laporan ini dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada mekanisme pelaporan akauntabiliti.

Laporan ini membentangkan rumusan komprehensif mengenai aktiviti pengauditan, ringkasan isu, serta Pemerhatian Audit yang telah dikenal pasti sepanjang tahun 2025. Intipati penemuan dan syor yang dikemukakan bertujuan untuk memperkukuh sistem kawalan dalaman, mencegah pengulangan isu serta memacu kecemerlangan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan program di peringkat kementerian.

UAD merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama erat serta komitmen tinggi yang diberikan oleh semua pihak sepanjang proses pengauditan dijalankan. Adalah menjadi harapan agar sinergi ini terus diperkasa bagi menjamin tahap kecekapan pengurusan serta memartabatkan standard tata kelola KUSKOP yang lebih tinggi.

**“Laporan ini adalah untuk rujukan dan panduan kepada warga KUSKOP sahaja. Laporan ini tidak boleh disiarkan tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Setiausaha KUSKOP. Segala maklumat yang terdapat di dalam laporan ini tidak boleh digunakan sebagai asas kepada sebarang tindakan undang-undang oleh mana-mana pihak ketiga atau bagi apa-apa tujuan lain.”**



## PRAKATA

### KETUA AUDIT DALAM

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Laporan Tahunan Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) 2025 dapat diterbitkan.



Penerbitan laporan ini merupakan satu manifestasi terhadap komitmen tinggi warga UAD dalam memartabatkan budaya tata kelola yang baik serta memperkukuh sistem kawalan dalaman di peringkat kementerian. Sebagai nadi pemantauan yang bebas dan objektif, UAD memainkan peranan strategik dalam memastikan setiap perancangan serta pencapaian program audit dilaksanakan dengan penuh integriti demi kecemerlangan KUSKOP.

Laporan ini adalah untuk rujukan dan dokumentasi rasmi yang merangkumi perancangan dan pencapaian program audit, ringkasan isu, maklum balas auditi, sumbangan berterusan UAD dalam menambah baik pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi serta pelbagai aktiviti UAD sepanjang tahun 2025.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha atas kepercayaan, bimbingan serta sokongan padu yang diberikan dalam memperkasakan fungsi UAD. Penghargaan juga dirakamkan kepada semua Setiausaha Bahagian, Ketua Unit, Ketua Agensi, dan para pegawai atas kerjasama erat serta tindakan proaktif yang diambil terhadap setiap syor penambahbaikan yang dilaporkan.

Akhir kata, terima kasih khususnya kepada semua pegawai UAD atas dedikasi dan profesionalisme yang tidak berbelah bahagi dalam menggalas amanah tugas pengauditan ini.

Sekian, terima kasih.

**ROSMASNI BINTI MD ISA**

**Ketua Audit Dalam**

**Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

**18 Mac 2026**

## PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum dan salam sejahtera,**

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Unit Audit Dalam, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (UAD KUSKOP) atas kejayaan menerbitkan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam bagi tahun 2025. Penerbitan dokumen ini merupakan manifestasi serta komitmen UAD dalam menggalas amanah pengauditan secara objektif dan sistematik selaras dengan Rancangan Audit yang telah diluluskan.



Dalam usaha memacu kecemerlangan organisasi, UAD memainkan peranan strategik sebagai instrumen pemantauan terhadap aktiviti berisiko tinggi, khususnya dalam aspek pengurusan kewangan dan perolehan di peringkat kementerian. Peranan ini bukan sekadar memenuhi tuntutan fungsian, malah merupakan teras kepada pengukuhan akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam. Hal ini adalah selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang menitikberatkan tata kelola yang baik demi menjamin kesejahteraan rakyat dan memastikan setiap sumber negara diuruskan dengan penuh amanah dan telus.

Saya berharap laporan ini dijadikan rujukan strategik bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan KUSKOP agar setiap program yang dilaksanakan memberikan impak optimum kepada golongan sasaran serta memartabatkan budaya kerja berprestasi tinggi.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga KUSKOP atas segala komitmen dan kerjasama yang telah diberikan kepada UAD semasa pengauditan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

18 Mac 2026

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan Unit Audit Dalam Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi ini disediakan bagi melaporkan pencapaian aktiviti pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Laporan ini diharap dapat membantu Bahagian/ Pusat Tanggungjawab meningkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan dan program berdasarkan peraturan kewangan dan undang-undang sedia ada.

Pada tahun 2025, Unit Audit Dalam (UAD) telah berjaya melaksanakan 4 Pengauditan Prestasi, 3 Pengauditan Pematuhan, 2 Pengauditan Pengurusan Kewangan dan 3 Pengauditan Kewangan serta Susulan Audit Terhadap Isu-Isu di AG's Dashboard.

## Jenis Dan Tajuk Pengauditan

### Prestasi

- Pengauditan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal
- Pengauditan Program Pembangunan Premis Tamu Desa
- Pengauditan Pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE)
- Pengauditan Program Malaysian Entrepreneur Hub

### Pematuhan

- Pengesahan Program Pemerksaan Rangkaian Bekalan Koperasi (SCOPE)
- Pengauditan Pematuhan Pengurusan Kawalan Keselamatan Bangunan KUSKOP
- Pengauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan KUSKOP


### Pengurusan Kewangan

- Pengauditan Pengurusan Kewangan Kendiri KUSKOP dan PKK Tahun 2025

## PTJ Yang Terlibat

- Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi
- Pusat Khidmat Kontraktor

## Bilangan Pengauditan Yang Telah Dilaksanakan Tahun 2025



### Kewangan

- Pengauditan Arahan Pembayaran KUSKOP Tahun 2024
- Pengauditan Arahan Pembayaran PKK Tahun 2024
- Pengesahan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti KUSKOP Bagi Cut-Off 31 Disember 2024

### Susulan

- Susulan Audit Terhadap Isu-Isu di AG's Dashboard

## 1. PENGAUDITAN PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI USAHAWAN INDUSTRI HALAL

Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal (PPKUIH) merupakan salah satu program di bawah Program Pembangunan Keusahawanan Halal yang diuruskan oleh BPFV. Objektif PPKUIH adalah untuk memandu arah pembangunan sektor secara bersasar dalam industri halal dan meningkatkan keupayaan usahawan serta koperasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang berdaya saing.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Bilangan usahawan yang telah menerima manfaat tidak dapat disahkan.
- Sasaran tahun 2021 tidak dicapai iaitu hanya 61/100 usahawan menerima manfaat.
- Daripada 351 usahawan yang menerima geran hanya 295 (84%) usahawan telah mengemukakan permohonan pensijilan halal.
- Sebanyak 7 usahawan terlebih nyata pada tahun 2024.
- Tiga usahawan masih belum terima sijil halal pada tahun 2024 dan 2025.
- BPFV tidak mempunyai garis panduan khusus.
- Kaedah bayaran bantuan oleh TEKUN Nasional adalah berbeza daripada PERNAS dan SKM.
- Keperluan memohon pensijilan halal untuk bayaran bantuan tidak dinyatakan pada SOP TEKUN Nasional.
- Baki peruntukan tahun 2021 berjumlah RM142,549.05 tidak dapat ditentukan.
- RM0.81 juta perbelanjaan bagi tahun 2021 dan 2022 tidak direkodkan.
- Perbelanjaan PPKUIH oleh AP/PD berjumlah RM2.03 juta bagi tahun 2021 hingga 2024 tidak dapat disahkan.
- Pada tahun 2021 dan 2022, TEKUN telah meluluskan bantuan geran PPKUIH kepada 6 usahawan yang sama sebanyak dua kali.
- Pada tahun 2023, sebanyak 4 usahawan telah diluluskan bantuan geran PPKUIH sebanyak 2 kali daripada agensi yang berbeza.
- Pada tahun 2024, sebanyak 4 usahawan telah diluluskan bantuan geran sebanyak 2 hingga 5 kali.
- Anak syarikat PERNAS telah diluluskan geran tertinggi iaitu sejumlah RM50,000.00 bagi 5 outletnya.
- Keputusan kelulusan geran sebanyak 2 hingga 5 kali kepada 4 usahawan bercanggah dengan keputusan Mesyuarat JPPP dan tidak mendapat kelulusan Ketua Setiausaha KUSKOP.
- Kelewatan Mengeluarkan Surat Tawaran Bantuan Kepada Koperasi.
- Bayaran Melebihi Kelulusan Jawatankuasa Program Pembangunan Keusahawanan Halal (JPPKH).

- Bayaran Bagi Kelengkapan/Peralatan yang tidak wujud.
- Minit mesyuarat telah lewat dikemukakan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk kelulusan.

Secara keseluruhannya, program PPKUIH telah berjaya dilaksanakan di mana seramai 288 (82.1%) usahawan yang menerima geran telah memohon pensijilan halal Malaysia. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- BPFV menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan PPKUIH ;
- BPFV menetapkan kaedah pembayaran bantuan oleh Agensi Pelaksana/Pengurus Dana supaya seragam dan kurang berisiko;
- BPFV memastikan semua penyaluran peruntukan dan perbelanjaan direkodkan;
- BPFV menyelenggara rekod kelulusan bantuan supaya tidak berlaku pertindihan kelulusan bantuan oleh AP/PD;
- JPPKH hendaklah meluluskan bantuan berdasarkan keputusan JPPP; dan
- Minit mesyuarat JPPKH perlu disediakan oleh BPFV dalam tempoh tiga hari bekerja.

## **2. PENGAUDITAN PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN PREMIS (TAMU DESA) DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL**

Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) (PPPTD) di laksanakan oleh Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK) berdasarkan kelulusan mandat YAB Perdana Menteri semasa Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan (HPPK) tahun 2023 di Penampang, Sabah pada 7 Disember 2023. Skop kerja PPPTD adalah naik taraf, bina baharu, selenggara dan ubah suai.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Pencapaian PPPTD adalah kurang memuaskan.
- 141 (96.6%) Tamu Desa telah dibina/dinaiktaraf berbanding kelulusan.
- Tamu Desa dibina di tempat yang tidak diluluskan.
- Tamu Desa dibina melebihi kos anggaran.
- 1 Tamu Desa bakal di robohkan.
- Objektif PPPTD tercapai.
- Tiada garis panduan khusus untuk PPPTD.
- RM1.44 juta disalurkan walaupun kerja tidak disempurnakan.
- 17 Kerja Tidak Dapat Disahkan.
- Kadar Harga Berbeza Bagi 2 Meja Yang Sama.
- 8 Perubahan Kerja Tanpa Arahan Perubahan Kerja.
- Kerja-kerja Tidak Disempurnakan.
- 4 Kerja Tidak Dilaksanakan.

- 4 Kerja Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi.
- Tiada rekod yang diselenggara oleh BKPPK untuk memantau penghantaran laporan oleh pihak yang terlibat.

Secara keseluruhannya, PPPTD telah berjaya mencapai objektifnya. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan PPPTD;
- Tidak melepaskan bon pelaksanaan sehingga kerja-kerja disempurnakan;
- Menambahbaik business model program sedia ada dengan lebih komprehensif;
- Menyediakan template BQ yang terperinci sebagai panduan kepada Agensi Pelaksana bagi memperkukuhkan proses perolehan dan pemantauan program;
- Mewujudkan perjawatan teknikal yang bersesuaian untuk menguruskan PPPTD; dan
- Meningkatkan aspek tatakelola program bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kerajaan.

### 3. PENGAUDITAN PELAKSANAAN PROGRAM MEMPERKASAKAN DIGITALISASI KOPERASI (CODE)

Program CODE bertujuan membantu koperasi melengkapkan keupayaan ekosistem digital melalui bantuan teknikal dan latihan. Tumpuan program CODE adalah terhadap adaptasi digital, latihan bimbingan, fokus kepada transformasi digital, jualan secara digital/promosi dan kepakaran teknologi.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Julai hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Pencapaian prestasi koperasi yang menyertai program CODE telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali pada tahun 2024.
- Pencapaian pelaksanaan program CODE masih rendah, hanya 32.5% koperasi menggunakan modul CODE.
- Objektif program CODE tidak tercapai.
- RM154,535 dibayar luar skop (seminar & tuntutan Ahli Lembaga Koperasi (ALK)).
- Perolehan dilaksanakan secara pecah kecil : 8 perolehan (RM3.73 juta) melalui sebut harga.
- Pemilihan pembekal tidak mengikut keputusan jawatankuasa penilaian dan tiada justifikasi diminitkan.
- ALK dan pegawai pembekal terlibat dalam jawatankuasa (spesifikasi, sebut harga, induk, kerja) serta mengesahkan baucar bernilai RM1.46 juta.
- Kelemahan terma perjanjian (tiada larangan sub kontrak).

- Bayaran dibuat untuk perkhidmatan yang tidak diterima iaitu bilangan hari latihan tidak mencukupi, laporan impak tidak disediakan dan pemilihan koperasi dilaksanakan oleh IKMa.
- Bon Pelaksanaan tidak meliputi sehingga 12 bulan selepas tarikh obligasi terakhir.
- JKI hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2024 dan tiada bukti pemantauan terhadap status penggunaan sistem.
- Terdapat perbezaan maklumat yang dikunci masuk ke ePMS berbanding maklumat dalam MyProjek ICU JPM.

Secara keseluruhannya, program CODE telah dilaksanakan di semua koperasi yang terpilih. Pelaksanaan dan penggunaan CODE oleh koperasi adalah masih rendah (32.5%) dan kedua - dua objektif CODE masih belum tercapai. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Membuat perancangan yang lebih teratur dalam penetapan sasaran pelaksanaan dan objektif program;
- Sebarang perubahan atau ketidakcapaian sasaran hendaklah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa berkenaan dan justifikasi serta keputusan berkaitan perubahan sasaran program hendaklah direkodkan dan diminitkan dengan jelas;
- Lebih telus dalam melaksanakan proses perolehan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan serta mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan dalam pekeliling/peraturan yang berkuat kuasa;
- Memastikan semua perbelanjaan di bawah peruntukan pembangunan adalah selaras dengan skop program yang telah diluluskan dan pembayaran hanya dibuat selepas perkhidmatan disempurnakan mengikut terma perjanjian; dan
- Meningkatkan pemantauan pelaksanaan program bagi memastikan objektif program tercapai, pelaporan yang tepat dan konsisten.

#### 4. PENGAUDITAN PELAKSANAAN PROGRAM MALAYSIAN ENTREPRENEUR HUB (MEH)

Melalui program MEH, UDA Holdings menyediakan ruang niaga yang strategik di bangunan, premis, dan tanah yang diuruskan atau dimiliki oleh UDA Holdings. UDA Holdings sebagai pemilik premis seterusnya melantik pengendali untuk urusan penyewaan kepada usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi menjalankan operasi perniagaan.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Bilangan usahawan yang menerima manfaat bagi program ini hanya disasarkan bagi satu projek MEH iaitu Morten Walk, Melaka manakala tiada sasaran bilangan usahawan ditetapkan bagi projek MEH yang lain.

- Sebanyak tiga projek MEH telah siap iaitu MEH Morten Walk Melaka, MEH Heritage Valley Kuala Lumpur dan MEH Johor Bahru. Bagi MEH Kundasang Sabah masih dalam pelaksanaan dan dijadualkan siap pada Jun 2026.
- Setakat Oktober 2025, sasaran bilangan penerima manfaat masih belum dicapai iaitu hanya 76 daripada 100 (76%) usahawan.
- UDA Holdings masih belum melaksanakan penilaian pendapatan bagi semua penyewa ruang niaga.
- Lawatan Audit ke semua projek MEH mendapati hanya 44 daripada 124 (35.5%) ruang niaga sedang disewakan manakala baki 80 (64.5%) ruang niaga tiada penyewa.
- Perbelanjaan program sejumlah RM1,694,253 tidak dapat disahkan disebabkan tiada dokumen dikemukakan untuk semakan.
- Pembayaran tidak mengikut kaedah bayaran yang ditetapkan. Selain itu, pembayaran tersebut dibuat sebelum tamat tempoh tanggung kecacatan.
- Program MEH di zon timur tidak dapat dilaksanakan dan telah digantikan dengan MEH negeri Johor dan Sabah.
- Kerja pembekalan dan penghantaran push cart kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral telah lewat antara 23 hingga 27 hari.
- Tiada kelulusan lanjutan tempoh masa diberikan kepada pembekal dan tiada tindakan dikenakan.
- Pagar yang dipasang bagi projek MEH Johor Bahru adalah pagar jenis fascia board bukan seperti yang dinyatakan dalam butiran kerja/senarai kuantiti (BQ).
- Kadar sewa bagi ruang niaga adalah berbeza antara penyewa. Penetapan dan kelulusan kadar sewa dibuat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan promosi (JPTP). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat tersebut kerana tiada rekod/minit disediakan terhadap keputusan mesyuarat JPTP.
- Sebanyak 10 (25%) daripada 40 usahawan yang masih meneruskan operasi perniagaan di ruang niaga Morten Walk, Melaka.
- Tiada garis panduan/SOP pelaksanaan program MEH disediakan oleh UDA Holdings sebagai panduan pelaksanaan program MEH.
- Tiada kaedah pemantauan dilaksanakan oleh UDA Holdings sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan PB 1.2.

Secara keseluruhannya, program MEH telah berjaya mencapai objektifnya iaitu penyediaan akses pasaran dan daya saing usahawan PMKS melalui penyediaan lokasi, infrastruktur, bangunan dan ruang niaga di lokasi strategik sebagai hub usahawan. Bagaimanapun, bagi objektif peningkatan pendapatan, ia tidak dapat diukur kerana tiada data pendapatan usahawan disenggara atau dipantau oleh UDA Holdings. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Merangka pelan tindakan segera bagi menangani isu penyewaan ruang niaga yang masih rendah dan kadar pusingan (turnover) penyewa yang kurang dari tempoh kontrak sewaan di MEH Morten Walk, Melaka;
- Mengukuhkan pengurusan dokumen kewangan bagi memastikan pengurusan kewangan UDA Holdings teratur;
- Meningkatkan tata kelola program bagi memastikan semua objektif dan *outcome* program dapat dicapai sebagaimana sasaran; dan
- Menjalankan kajian impak untuk menilai pencapaian outcome sebenar program MEH.

## 5. PENGAUDITAN PENGESAHAN PROGRAM PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN KOPERASI (SCOPE)

Selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 4 Tahun 2024, SKM bersama-sama UAD KUSKOP melaksanakan lawatan ke atas 5 koperasi yang masih belum menerima dana bantuan SCOPE bagi tujuan penilaian status pelaksanaan program sebelum sebarang pembayaran dibuat kepada koperasi berkenaan.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Julai hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- 1 koperasi telah melaksanakan perolehan sepenuhnya, 3 koperasi membuat sebahagian perolehan manakala 1 koperasi masih belum membuat perolehan.
- Perbezaan berjumlah RM20,890 antara bantuan yang diluluskan dengan perolehan sebenar koperasi.
- Kelulusan perolehan lori melebihi jumlah ditetapkan dengan lebih RM14,736.
- Kelulusan Bersyarat tidak dipatuhi - Laporan Kewangan Diaudit tidak dikemukakan.
- Koperasi tidak mempunyai kemampuan untuk menjelaskan baki bayaran perolehan lori.
- Tiada SOP standard terhadap kelulusan pembelian lori - Keperluan, kapasiti.
- Isu yang dibangkitkan oleh UAD tidak dibincangkan diperingkat pegawai pelaksana menyebabkan isu sama masih berulang.

Secara keseluruhannya, hanya 1 daripada 5 koperasi (20%), telah melaksanakan perolehan secara sepenuhnya dengan jumlah perolehan yang telah dibuat oleh koperasi yang terlibat adalah sebanyak RM449,020 (48%) daripada jumlah kelulusan sebanyak RM935,310. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Bayaran kepada koperasi berdasarkan nilai perolehan sebenar;
- Pembayaran terus oleh SKM kepada pembekal;
- Melaksanakan program latihan kepada pegawai agar isu sama tidak berulang;
- Membuat kajian pasaran terhadap harga lori dan menetapkan siling kelulusan; dan

- Siasatan terhadap pegawai yang terlibat menyebabkan kelulusan melebihi jumlah ditetapkan dan meluluskan permohonan kepada koperasi yang tidak berkelayakan.

## 6. PENGAUDITAN PENGURUSAN KESELAMATAN BANGUNAN KUSKOP

Pengurusan keselamatan bangunan KUSKOP merangkumi perkhidmatan anggota RELA sebagai Penugasan Kawalan Keselamatan Tetap tanpa senjata api, kamera litar tertutup dan penggunaan kad akses di bawah kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan oleh syarikat Barisan Semarak Sdn. Bhd. Bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan keselamatan bangunan adalah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP).

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Kehadiran sebenar petugas tidak mencapai bilangan yang sepatutnya.
- Tiada bukti semakan dan pengesahan ke atas dokumen kedatangan petugas RELA.
- Tiada SOP khusus bagi pengurusan perkhidmatan RELA.
- Tiada mekanisma pemantauan bagi rondaan yang dibuat petugas RELA.
- Keadaan dalam bilik kawalan sekuriti tidak teratur.
- Kamera CCTV tidak berfungsi dan monitor paparan rakaman rosak.
- Kedudukan alat kawalan CCTV dan skrin monitor tidak sesuai - menyukarkan pemantauan dibuat.
- Rakaman bagi kamera CCTV tidak dapat dipaparkan.
- Paparan imej di monitor kurang jelas.
- Status bilangan kad akses aktif atau tidak aktif tidak dapat disahkan.
- 10 kad akses dengan nombor siri yang sama dikeluarkan kepada individu berbeza.
- Perkara berkaitan CCTV dan kad akses tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat peringkat KUSKOP.

Secara keseluruhannya pengurusan keselamatan bangunan kuskop adalah kurang memuaskan. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Menyediakan SOP pengurusan kawalan keselamatan bangunan KUSKOP;
- Penggunaan CCTV dapat dioptimumkan melalui perancangan yang teliti, pengurusan yang cekap dan pemantauan yang berterusan;
- Wujudkan kaedah pemantauan bagi pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan Syarikat FM dibuat dengan betul dan tepat; dan
- Membincangkan perkara berkaitan pengurusan CCTV dan kad akses di dalam mesyuarat JKPAK (Fasiliti).

## 7. PENGAUDITAN PENGURUSAN KONTRAK PEMBERSIHAN BANGUNAN KUSKOP

Perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP adalah untuk mewujudkan persekitaran pejabat yang bersih, selamat dan menyenangkan bagi warga KUSKOP serta pengguna lain.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- KUSKOP tidak mengeluarkan surat pelantikan Agensi Pelaksana kepada JKRWPP bagi menguruskan dua projek kerja perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP tahun 2025.
- Jadual pemantauan di lapangan dan laporan pemantauan tidak disediakan oleh BKP untuk melaporkan hasil pemantauan.

Secara keseluruhannya, kontrak pembersihan bangunan KUSKOP (pelantikan Agensi Pelaksana, penyaluran peruntukan dan pemantauan) telah diurus dengan teratur. Bagaimanapun, pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan dengan memperkasa mekanisme/tatacara pemantauan di lapangan dengan penyediaan jadual dan sistem pelaporan bagi pengesahan prestasi kerja kontraktor.

## 8. PENGAUDITAN PENILAIAN KENDIRI PENGURUSAN KEWANGAN KUSKOP DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR TAHUN 2025

Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK) adalah satu pendekatan menyemak dan menilai secara atas talian sama ada Pusat Tanggungjawab (PTJ) melaksanakan kawalan dalaman dengan cekap.

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga November 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Penilaian tidak dapat dijalankan terhadap BKEW kerana jawapan set soalan tidak dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- Penilaian Kendiri – Pengurusan Kewangan PKK pada tahun 2025 adalah Cemerlang (97.59%).
- Pengesahan Oleh UAD – Pengurusan Kewangan PKK pada tahun 2025 adalah Cemerlang (99.42%).

Secara keseluruhannya, objektif PKPK kurang berjaya dicapai kerana daripada dua PTJ, hanya PKK mengemukakan jawapan set soalan dalam tempoh masa ditetapkan manakala BKEW tidak mengemukakan jawapan set soalan dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak yang terlibat disyorkan untuk melaksanakan penyelarasan antara auditi penyedia dan auditi pengesah serta memastikan jawapan set soalan dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada UAD.

## 9. PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Arahan Pembayaran merupakan dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/ perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Pada tahun 2024 KUSKOP telah membuat bayaran berjumlah RM685.6 juta melalui 4,336 Arahan Pembayaran.

Pengauditan telah dijalankan pada 3 hingga 27 Mac 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Bayaran perkhidmatan mengurus *content Whatsapp Channel* melebihi 10 content dan bayaran berjumlah RM1,000 berbanding SST.
- 6 kontrak telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diturunkan kuasa oleh Menteri di bawah Akta Kontrak 1949.
- Bayaran upah Personel MySTEP telah terlebih bayar sebanyak RM1,245.43.
- Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP tidak mendapat kelulusan Pegawai Pengawal.
- Tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian semasa bertugas rasmi telah terlebih bayar sebanyak RM102.50.
- Dokumen sokongan bayaran Elaun Lebih Masa (ELM) tidak teratur.
- Dokumen sokongan bayaran Tuntutan Perjalan Dalam Negeri tidak teratur.

Secara keseluruhannya, pengurusan Arahan Pembayaran adalah kurang teratur dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Semua pembayaran dibuat secara teratur, munasabah dan berpatutan;
- Kelulusan daripada Pegawai Pengawal diperolehi bagi penetapan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP; dan
- Kutipan balik terhadap Bayaran Upah Personel MySTEP yang terlebih bayar diambil.

## 10. PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

Arahan Pembayaran merupakan dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/ perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Pada tahun 2024 PKK telah membuat bayaran berjumlah RM8.50 juta melalui 2,375 Arahan Pembayaran.

Pengauditan telah dijalankan pada 3 hingga 21 Februari 2025 mendapati perkara seperti berikut:

- Tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian telah terlebih bayar sebanyak RM188.50.
- Pegawai berkursus menginap melebihi 25 km daripada tempat berkursus dan menyebabkan bayaran tambang pengangkutan awam sebanyak RM367.10.
- Dokumen sokongan tidak disertakan bersama Arahan Pembayaran.
- Dokumen sokongan tidak disahkan oleh pegawai yang dibenarkan.
- Tiada kelulusan daripada Pegawai Pengawal bagi pelaksanaan Sasaran Pencapaian Output Personel MySTEP.
- Bayaran upah Personel MySTEP telah terlebih bayar sebanyak RM1,076.67 bagi bulan Jun 2023.

Secara keseluruhannya, pengurusan Arahan Pembayaran adalah kurang teratur dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak yang terlibat disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

- Semua pembayaran dibuat secara teratur, munasabah dan berpatutan;
- Peraturan dalaman disediakan bagi menentukan lokasi dan jarak penginapan yang dibenarkan semasa pegawai menghadiri kursus;
- Kelulusan daripada Pegawai Pengawal diperolehi bagi penetapan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP; dan
- Kutipan balik terhadap Bayaran Upah Personel MySTEP yang terlebih bayar diambil.

## **11. PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) BAGI DATA CUT-OFF 31 DISEMBER 2024**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bilangan 4 Tahun 2024 bertarikh 27 Disember 2024 telah meluluskan Strategi Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti Tahun 2025. UAD KUSKOP dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan verifikasi ke atas data aset dan liabiliti sebelum data tersebut dihantar ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk dibawa masuk sebagai data baki awal.

- UAD telah melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap 28 sampel aset dan mengesahkan status dan kewujudan aset tersebut.
- UAD telah mengesahkan baki awal 39 aset berjumlah RM4,231,262.50 dan 8 liabiliti pajakan kewangan berjumlah RM433,329.34.

Secara keseluruhannya, proses pengesahan data baki awal aset dan liabiliti adalah baik. Pengumpulan data dan pemantauan telah dilaksanakan dengan teratur terhadap rekod-rekod berkaitan aset dan liabiliti.

The background features a complex, abstract geometric pattern. It consists of numerous purple hexagons of varying sizes and shades, ranging from light lavender to deep, dark purple. These hexagons are interconnected by a network of thin, grey lines that form a grid-like structure with various angles and orientations, creating a sense of depth and connectivity. The overall aesthetic is modern and technical.

# BAHAGIAN I

# **ORGANISASI**

# **AUDIT DALAM**

# 1. ORGANISASI AUDIT DALAM

## 1.1 PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam (UAD), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah ditubuhkan pada 2 Julai 2018 selaras dengan penubuhan KUSKOP. UAD bertanggungjawab secara terus kepada Ketua Setiausaha (KSU) KUSKOP dan diberi kebebasan melaksanakan pengauditan terhadap program/aktiviti Kementerian. Penubuhan, peranan dan tanggungjawab UAD telah dinyatakan dengan jelas di dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. UAD berperanan sebagai satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan (*assurance and consulting*) secara objektif untuk menambah nilai serta mempertingkatkan tahap operasi Kementerian.

## 1.2 VISI, MISI DAN OBJEKTIF

### VISI

Menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian/agensi.

### MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional dan bebas serta mengemukakan Laporan Audit kepada KSU KUSKOP bagi meningkatkan akauntabiliti pengurusan awam.

### OBJEKTIF

Membantu Kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dalaman berdasarkan risiko terutamanya melibatkan operasi dan tatakelola Kementerian, kewangan serta sistem.

## 1.3 BIDANG TUGAS

UAD KUSKOP melaksanakan fungsi pengauditan meliputi semua Bahagian/Seksyen di peringkat KUSKOP. Dalam melaksanakan fungsi ini, bidang tugas UAD merangkumi perkara berikut:

1

**MENILAI KEBERKESANAN SISTEM**

Menilai kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman termasuk pelan pengurusan risiko dan tatakelola Kementerian.

**MENILAI TAHAP PEMATUHAN**

Menilai tahap pematuhan terhadap dasar, arahan dan peraturan melibatkan kewangan dan operasi Kementerian termasuk pengurusan program/projek/aktiviti serta sistem ICT bagi memastikan ia telah diuruskan dengan teratur dan cekap selaras dengan objektif yang ditetapkan.

2

3

**MEMBERI KHIDMAT NASIHAT**

Memberi khidmat perundingan mengenai kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan, program/projek/aktiviti termasuk sistem ICT dan keberkesanan pelan pengurusan risiko di Kementerian.

**MELAPORKAN HASIL PENGAUDITAN**

Melaporkan kepada KSU/Jawatankuasa Audit hasil pengauditan termasuk penemuan audit yang berkemungkinan mempunyai unsur pembaziran, pemborosan, penyelewengan, penyalahgunaan, ketirisan dan kecuaiian, serta memantau tindakan susulan berbentuk pembetulan atau penambahbaikan yang diambil oleh Auditi terhadap perkara yang dibangkitkan.

4

5

**MENYEDIAKAN RANCANGAN DAN LAPORAN UAD**

Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Unit Audit Dalam untuk kelulusan KSU.

**URUSETIA JAWATANKUASA AUDIT**

Menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan membentangkan laporan meliputi perkara berikut:

- status perancangan dan pencapaian Rancangan Audit Tahunan;
- penemuan audit yang signifikan dan tindakan susulan yang diambil;
- statistik dan status tindakan terhadap penemuan audit; dan
- halangan dan kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan pengauditan (sekiranya ada).

6

7

**MENGEMASKINI SISTEM PEMANTAUAN AUDIT DALAM**

Mengunci masuk dan mengemas kini maklumat pelaksanaan pengauditan termasuk sumber manusia dalam sistem elektronik pemantauan audit dalam.


**1.4 KEDUDUKAN PERJAWATAN DAN STRUKTUR ORGANISASI**

Berdasarkan Waran Perjawatan Bil. E20/2025, sebanyak lapan perjawatan telah diluluskan dan telah diisi. Semua perjawatan di UAD KUSKOP merupakan jawatan kader dari Jabatan Audit Negara kecuali bagi jawatan Pembantu Tadbir. Kedudukan perjawatan dan struktur organisasi UAD pada 31 Disember 2025 adalah seperti di **Jadual 1**.

**JADUAL 1  
KEDUDUKAN PERJAWATAN UAD PADA 31 DISEMBER 2025**

BIL.	JAWATAN/ GRED	PERJAWATAN		NAMA PEGAWAI
		LULUS	ISI	
1.	Juruaudit W13	1	1	Rosmasni binti Md Isa
2.	Juruaudit W10	2	2	Norhazlin binti Mohd Hanapi
				Syariffuddin bin Sharif
3.	Juruaudit W9/W10	1	1	Noor Azriana Farhanim binti Mohamad Nazri
4.	Penolong Juruaudit W6/W7 (TBK 2)	1	1	Ahmad Fiqrie Bin Md Noor
5.	Penolong Juruaudit W5/W6 (TBK 1 dan TBK 2)	2	2	Siti Norfadzilah binti Ismail
				Zamani Shah bin Zainal
6.	Pembantu Tadbir N1/N2/N3 (TBK 1 dan TBK 2)	1	1	Siti Zaharah binti Ab Rahman
<b>JUMLAH</b>		<b>8</b>	<b>8</b>	

**CARTA 1  
STRUKTUR ORGANISASI UNIT AUDIT DALAM**



## 1.5 PERGERAKAN PEGAWAI DI UNIT AUDIT DALAM

Sepanjang tahun 2025, lima orang pegawai telah melaporkan diri ke UAD KUSKOP, manakala lima orang pegawai lagi telah bertukar keluar daripada UAD KUSKOP.

### 1.5.1 KEMASUKAN PEGAWAI



PUAN ROSMASNI BINTI MD ISA  
KETUA AUDIT DALAM W13  
17 SEPTEMBER 2025



CIK NOOR AZRIANA FARHANIM  
BINTI MOHAMAD NAZRI  
JURUAUDIT W9  
25 OGOS 2025



ENCIK AHMAD FIQRIE BIN MD NOOR  
PENOLONG JURUAUDIT W6  
27 OKTOBER 2025



ENCIK ZAMANI SHAH BIN ZAINAL  
PENOLONG JURUAUDIT W6  
7 JULAI 2025



CIK SITI ZAHARAH BINTI AB RAHMAN  
PEMBANTU TADBIR (P/O) N1  
16 JUN 2025

UAD KUSKOP merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Rosmasni binti Md Isa atas kenaikan pangkat dan turut mengalu-alukan kehadiran Cik Noor Azriana Farhanim binti Mohamad Nazri, Encik Ahmad Fiqrie bin Md Noor, Encik Zamani Shah bin Zainal dan

Cik Siti Zaharah binti Ab Rahman. UAD KUSKOP amat mengharapkan komitmen serta kerjasama pegawai agar pengurusan UAD terus berjalan dengan lancar.

### 1.5.2 PEGAWAI BERTUKAR KELUAR



ENCIK MOHD ISKANDAR BIN AMRAN  
KETUA AUDIT DALAM W13  
2 JULAI 2025



ENCIK SYAZWAN BIN RASHID  
JURUAUDIT W9  
27 JANUARI 2025



PUAN AIDAWATI BINTI ABD. GHANI  
PENOLONG JURUAUDIT W7  
24 OKTOBER 2025



PUAN LIYANA BINTI MOHAMMAD  
PENOLONG JURUAUDIT W6  
8 JULAI 2025



PUAN NURIESYA NADIA BINTI MOHD RADZIF  
PEMBANTU TADBIR (P/O) N1  
16 JUN 2025

UAD KUSKOP merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Encik Mohd Iskandar bin Amran, Puan Aidawati binti Abd. Ghani, Puan Liyana binti Mohammad dan Puan Nuriesya Nadia Binti Mohd Radzif atas khidmat bakti selama di UAD KUSKOP.

## 1.6 HUBUNGAN UNIT AUDIT DALAM DENGAN JABATAN AUDIT NEGARA

Pada dasarnya, peranan dan tanggungjawab Unit Audit Dalam (UAD) adalah berbeza daripada Jabatan Audit Negara (JAN) yang berfungsi selaku Audit Luar. Kuasa dan tanggungjawab Jabatan Audit Negara ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 manakala kuasa dan tanggungjawab UAD dinyatakan secara pentadbiran melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 dan Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bilangan 1 Tahun 2024. Walau bagaimanapun, Jabatan Audit Negara dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

Kerjasama dan hubungan yang baik di antara Jabatan Audit Negara dan UAD dalam memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan ketelusan sektor awam merupakan kunci keberkesanan pengauditan. Sehubungan itu, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Garis Panduan Peranan dan Tanggungjawab Pegawai Jabatan Audit Negara yang Ditempatkan di UAD Kementerian melalui Arahan KAN Bilangan 3 Tahun 2024.

Garis panduan tersebut bertujuan memperkukuh kerjasama antara JAN dan UAD.



Sebagai langkah susulan, UAD telah mengemukakan satu salinan Rancangan Audit Dalam Tahun 2025 dan Laporan Tahunan 2024 yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Jabatan Audit Negara. Selain itu, pegawai UAD turut dijemput menghadiri kursus, aktiviti, perhimpunan bulanan, ceramah eksekutif dan Persidangan Juruaudit ASEAN yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara bagi meningkatkan kompetensi pegawai secara berterusan.

The background features a complex, abstract geometric pattern. It consists of various shades of purple (from light lavender to deep indigo) hexagons of different sizes, some solid and some outlined. These hexagons are interconnected by a network of thin, grey lines that form a grid-like structure with some irregularities, suggesting a technical or architectural theme.

BAHAGIAN II

**PELAKSANAAN  
PENGAUDITAN**


## 2. PELAKSANAAN PENGAUDITAN

### 2.1 RANCANGAN DAN PENCAPAIAN PROGRAM AUDIT

Rancangan Audit Tahun 2025 telah dibentang dalam Jawatankuasa Audit Bilangan 3 Tahun 2024 dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KSU KUSKOP). Rancangan Audit ini disediakan mengikut format yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia dan dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian. Program Audit ini merangkumi antaranya Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Pengauditan Pematuhan, Pengauditan Kewangan dan Susulan Audit. Rancangan dan pencapaian Audit bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:



#### 2.1.1. JADUAL PENGAUDITAN TAHUN 2025

BIL.	PERKARA/BULAN	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
1.	Penyediaan Rancangan Audit Tahunan (2025)	■											
2.	Penyediaan Laporan Audit Tahunan (2024)	■	■	■									
3.	Pengauditan Arahan Pembayaran : KUSKOP & PKK		■	■	■	■							
4.	Pengauditan Pengurusan Keselamatan Bangunan KUSKOP				■	■	■						
5.	Pengauditan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal							■	■	■			
6.	Pengauditan Pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE)							■	■	■			
7.	Pengauditan Program Malaysian Entrepreneur Hub									■	■	■	
8.	Pengauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan KUSKOP										■	■	■
9.	Pengauditan Program Pembangunan Premis Tamu Desa										■	■	■
10.	Pengauditan Pengurusan Kewangan – Pengauditan Kendiri : KUSKOP & PKK										■	■	■
11.	Susulan - AGD Dashboard	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■	■
12.	Penyediaan Rancangan Audit Tahunan (2026)											■	■



**2.2. PENCAPAIAN KERJA**

Pencapaian dan pengauditan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025.



Status pelaksanaan pengauditan seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Audit Tahun 2025 adalah seperti **Jadual 2** berikut:

**JADUAL 2**  
**PENCAPAIAN KERJA PENGAUDITAN TAHUN 2025**

BIL.	RANCANGAN AUDIT YANG DILULUSKAN		PENCAPAIAN (BIL.) / (✓ / X)	ULASAN
	JENIS PENGAUDITAN	BILANGAN (PTJ)		
<b>PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN</b>				
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan Kendiri KUSKOP dan PKK Tahun 2025	2	✓	Selesai
<b>PENGAUDITAN PRESTASI</b>				
2.	Pengauditan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal	1	✓	Selesai
3.	Pengauditan Program Pembangunan Premis Tamu Desa	1	✓	Selesai
4.	Pengauditan Pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE)	1	✓	Selesai
5.	Pengauditan Program Malaysian Entrepreneur Hub (MEH)	1	✓	Selesai
<b>PENGAUDITAN PEMATUHAN</b>				
6.	Pengesahan Program Pemerksaan Rantainya Bekalan Koperasi (SCOPE)*	1	✓	Selesai
7.	Pengauditan Pematuhan Pengurusan Kawalan Keselamatan Bangunan KUSKOP	1	✓	Selesai
8.	Pengauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan KUSKOP	1	✓	Selesai
<b>PENGAUDITAN KEWANGAN</b>				
9.	Pengauditan Arahan Pembayaran KUSKOP Tahun 2024	1	✓	Selesai
10.	Pengauditan Arahan Pembayaran PKK Tahun 2024	1	✓	Selesai
11.	Pengesahan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti KUSKOP Bagi Cut-Off 31 Disember 2024*	1	✓	Selesai
<b>SUSULAN AUDIT</b>				
12.	AG Dashboard	TB	✓	Selesai

\*Nota : Pengauditan Susulan  
TB – Tidak Berkaitan

Secara keseluruhannya, pencapaian dari aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2025 telah mencapai sasaran sepenuhnya (100%).

The background features a complex, abstract geometric pattern. It consists of various shades of purple (from light lavender to deep indigo) hexagons and lines of different colors (grey, black, and purple) that intersect and overlap, creating a sense of depth and movement. The pattern is most dense in the upper right and lower right corners, with more open space in the lower left.

BAHAGIAN III

**PELAPORAN  
PENGAUDITAN**

## 3. PENGAUDITAN PRESTASI

### 3.1 PENGAUDITAN PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI USAHAWAN INDUSTRI HALAL

#### 3.1.1 LATAR BELAKANG

Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal (PPKUIH) merupakan salah satu program di bawah Program Pembangunan Keusahawanan Halal yang diuruskan oleh Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor (BPFV), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Objektif PPKUIH adalah untuk memandu arah pembangunan sektor secara bersasar dalam industri halal dan meningkatkan keupayaan usahawan serta koperasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang berdaya saing.

Objektif, skop dan kriteria kelayakan permohonan bantuan PPKUIH adalah seperti berikut:

1

#### Halal Development Officer

- Membantu dan memudah cara usahawan mendapatkan pensijilan halal.
- Terbuka kepada semua usahawan.
- Skop :
  - ✓ Khidmat bimbingan mengenai pensijilan halal Malaysia;
  - ✓ Membantu permohonan usahawan melalui sistem MYeHALAL JAKIM;
  - ✓ Memudahkan proses penyediaan dokumen sokongan; dan
  - ✓ Melaksanakan pra-audit sebelum JAKIM /MAIN/ JAIN melaksanakan audit premis.

2

#### Bantuan Pematuhan Pensijilan Halal

- Meningkatkan keupayaan usahawan dan koperasi dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal yang berdaya saing.
- Terbuka kepada PKS yang berdaftar dengan SSM, SKM, badan profesional atau pihak berkuasa berkaitan, serta dimiliki 100% oleh warganegara Malaysia.
- Skop :
  - ✓ Kursus pensijilan halal;
  - ✓ Khidmat rundingan;
  - ✓ Fi pensijilan;
  - ✓ Perkhidmatan analisis produk;
  - ✓ Pengubahsuaian/ perpindahan premis; dan
  - ✓ Pematuhan syarat-syarat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), kos keseluruhan yang diluluskan bagi PPKUIH adalah berjumlah RM10 juta manakala siling tahunan yang diluluskan berjumlah RM7 juta. Sehingga bulan Jun 2025, KUSKOP telah menerima peruntukan berjumlah RM5.57 juta untuk melaksanakan PPKUIH manakala sejumlah RM5.42 juta (97.3%) telah dibelanjakan.

### 3.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada PPKUIH telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap, berkesan dan mengikut peraturan yang berkuatkuasa bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.


### 3.1.3 SKOP PENGAUDITAN

Bantuan Pematuhan Pensijilan Halal (BPPH) bagi tahun 2021 hingga Jun 2025.



Pengauditan telah dilaksanakan di BPFV, TEKUN Nasional, PERNAS dan SKM. Sebanyak sembilan sampel usahawan telah dipilih berdasarkan materialiti kewangan serta lokasi premis usahawan sebagai sampel lawatan fizikal.

### 3.1.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 3.1.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mei hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.1.5.1. Pencapaian Bilangan Usahawan Yang Menerima Manfaat

- a. Berdasarkan Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMKe-12, seramai 2,805 usahawan telah menerima manfaat melalui program PKUIH bagi tempoh tahun 2021 hingga bulan Jun 2025. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan usahawan yang telah menerima manfaat kerana senarai terperinci usahawan tidak dikemukakan untuk semakan Audit. Sasaran dan pencapaian PPKUIH bagi tempoh tahun 2021 hingga Jun 2025 adalah seperti dalam Jadual 3.

**JADUAL 3**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN PPKUIH BAGI**  
**TAHUN 2021 HINGGA 2025**

TAHUN	SASARAN (a)	PENCAPAIAN (b)	PERBEZAAN (c = b-a)
2021	100	61	-39
2022	200	748	548
2023	300	970	670
2024	400	579	179
2025	500	447*	-53
<b>JUMLAH</b>	<b>1,500</b>	<b>2,805</b>	<b>1,305</b>

Sumber: Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMK12

Nota: (\*) - Sehingga 30 Jun 2025

*Setelah dikemaskini, seramai 2,692 usahawan telah menerima manfaat melalui program PPKUIH bagi tempoh 2021 hingga Ogos 2025.*

- b. Analisis Audit mendapati sasaran bagi tahun 2021 tidak dicapai iaitu hanya 61 usahawan yang menerima manfaat berbanding sasaran sebanyak 100 usahawan. Berdasarkan rekod BPFV, kekurangan ini berlaku akibat penularan COVID-19.

**Pendapat Audit : Pencapaian bilangan usahawan yang menerima manfaat tidak dapat disahkan kerana senarai terperinci usahawan tidak dikemukakan untuk semakan audit.**

*Berdasarkan rekod Seksyen Pembangunan Halal (SPH), kekangan tersebut berpunca daripada penularan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pelaksanaan program, kadar penyertaan usahawan serta pergerakan ekonomi secara keseluruhan pada tahun berkenaan. Situasi ini telah menyebabkan beberapa aktiviti di bawah program tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya mengikut jadual dan skop asal.*

*Walau bagaimanapun, pelaksanaan program telah disusun semula selepas tempoh pandemik bagi memastikan objektif program tercapai dan manfaat dapat disalurkan kepada usahawan sasaran.*

### 3.1.5.2. Pencapaian Pensijilan Halal Oleh Penerima Geran

- Berdasarkan Brif Projek dalam sistem MyProjek, *outcome* PPKUIH dicapai apabila sekurang-kurangnya 50% penerima geran memohon pensijilan halal Malaysia.
- Berdasarkan Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMKe-12, terdapat 351 usahawan disasarkan bagi pensijilan halal Malaysia. Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2021 hingga bulan Jun 2025, BPFV telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali bagi tahun 2023 disebabkan seramai tiga usahawan telah menarik diri selepas fasa 1. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 4 dan 5.

**JADUAL 4**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN PPKUIH BAGI TAHUN 2021**  
**HINGGA 2025**

TAHUN	SASARAN (a)	PENCAPAIAN (b)		PERBEZAAN (c = b - a)
		BILANGAN	%	
2021	38	38	100	0
2022	41	41	100	0
2023	176	173	98.3	-3
2024	96	96	100	0
2025	PK	PK	-	PK
<b>JUMLAH</b>	<b>351</b>	<b>348</b>	<b>99.1</b>	<b>-3</b>

Sumber: Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMK12

Nota: PK-BPFV Masih Dalam Proses Mengemaskini Maklumat

**JADUAL 5**  
**PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL MENGIKUT AGENSI**  
**PELAKSANA BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025**

AGENSI PELAKSANA	BILANGAN USAHAWAN		PENCAPAIAN OUTCOME (%) [(b)/(a)X100]
	PENERIMA GERAN (a)	MOHON PENSIJILAN HALAL (b)	
<b>TAHUN 2021</b>			
SME Corp.	13	13	100
TEKUN Nasional	13	13	100
SKM	12	12	100
<b>Jumlah</b>	<b>38</b>	<b>38</b>	<b>100</b>
<b>TAHUN 2022</b>			
SME Corp.	20	20	100
TEKUN Nasional	21	21	100
<b>Jumlah</b>	<b>41</b>	<b>41</b>	<b>100</b>
<b>TAHUN 2023</b>			
SME Corp.	59	59	100
SME Bank	90	90	100
PERNAS	27	24	88.9

**JADUAL 5**  
**PERMOHONAN PENSIJILAN HALAL MENGIKUT AGENSI**  
**PELAKSANA BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025**

AGENCI PELAKSANA	BILANGAN USAHAWAN		PENCAPAIAN <i>OUTCOME</i> (%) [(b)/(a)X100]
	PENERIMA GERAN (a)	MOHON PENSIJILAN HALAL (b)	
<b>Jumlah</b>	<b>176</b>	<b>173</b>	<b>98.3</b>
<b>TAHUN 2024</b>			
TEKUN Nasional	92	92	100
SKM	4	4	100
<b>Jumlah</b>	<b>96</b>	<b>96</b>	<b>100</b>
<b>TAHUN 2025</b>			
TM	TM	TM	TM
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>351</b>	<b>348</b>	<b>99.1</b>

Sumber: Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMK12

- c. Analisis Audit terhadap senarai usahawan yang menerima geran dan memohon pensijilan halal mendapati daripada 351 usahawan yang menerima geran hanya 295 (84%) usahawan telah mengemukakan permohonan pensijilan halal; empat usahawan sedang dalam proses menaik taraf premis; tiga usahawan telah menarik diri selepas Fasa 1; dan 49 usahawan tidak mempunyai status berkaitan permohonan pensijilan halal seperti dalam Jadual 6.

**JADUAL 6**  
**STATUS USAHAWAN YANG TELAH MENERIMA GERAN**

PERKARA	USAHAWAN (Bil.)
Usahawan Telah Memohon Pensijilan Halal	295
Usahawan Dalam Proses Menaiktaraf Premis	4
Usahawan Menarik Diri Selepas Fasa 1	3
Data Usahawan Tidak Mempunyai Sebarang Catatan Atau Status Permohonan Pensijilan Halal	49
<b>JUMLAH</b>	<b>351</b>

Sumber: Laporan Bilangan Penerima Manfaat Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal RMK12

*Status terkini pensijilan halal bagi 49 usahawan adalah seperti Jadual 7 berikut:*

**JADUAL 7**  
**STATUS PENSIJILAN HALAL 49 USAHAWAN**

MAKLUMAT STATUS PENSIJILAN HALAL	USAHAWAN (Bil.)
<i>Sijil Telah Disahkan</i>	<i>36</i>
<i>Tiada Permohonan Pensijilan Halal</i>	<i>4</i>
<i>Akaun Syarikat Tidak Wujud</i>	<i>3</i>
<i>Draf Permohonan Pensijilan Halal</i>	<i>3</i>
<i>Permohonan Tidak Lengkap</i>	<i>1</i>
<i>Permohonan Ditolak</i>	<i>2</i>
<b>JUMLAH</b>	<b>49</b>

- d. Bagaimanapun, semakan Audit terperinci mendapati sebanyak tujuh usahawan terlebih nyata pada tahun 2024. Ini disebabkan pihak BPFV telah mengambilkira 11 *outlet* di bawah empat usahawan yang sama sebagai 11 usahawan. Bilangan usahawan adalah dikira berdasarkan konsep satu usahawan satu *outlet*. Oleh itu, bilangan sebenar usahawan yang telah memohon pensijilan halal adalah sebanyak 288 (82.1%) daripada 351 jumlah penerima geran. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 8.

**JADUAL 8**  
**JUMLAH SEBENAR USAHAWAN YANG TELAH MOHON SIJIL HALAL**

BIL. USAHAWAN	BIL. USAHAWAN YANG TELAH MEMOHON SIJIL HALAL (a)	BILANGAN USAHAWAN TERLEBIH NYATA OLEH PIHAK BPFV (b)	JUMLAH SEBENAR USAHAWAN YANG TELAH MEMOHON SIJIL HALAL (c = a-b)	
351	295	7	288	82.1 %

*Pelaksanaan bantuan ini disalurkan bagi tujuan pematuhan piawaian halal, penambahbaikan fasiliti, proses penyediaan makanan dan minuman, latihan tenaga kerja serta penyediaan dokumentasi halal di semua cawangan Gloria Jean's tersebut. Ini adalah selaras dengan dasar pensijilan halal Malaysia, "Restoran Berangkai" ialah salah satu skim dalam pensijilan halal untuk premis makanan (restoran/kafe) yang mempunyai lebih daripada satu outlet menggunakan jenama sama dan mempunyai beberapa elemen operasi berpusat seperti pembelian bahan secara berpusat atau penggunaan dapur berpusat.*

**Pendapat Audit : Pencapaian pensijilan halal oleh penerima geran telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali bagi tahun 2023 disebabkan seramai tiga usahawan telah menarik diri selepas fasa 1.**

### 3.1.5.3. Prestasi Jualan Usahawan Selepas Pensijilan Halal

- a. Lawatan fizikal terhadap sembilan usahawan terpilih yang telah dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2025 mendapati tiga usahawan masih belum menerima pensijilan halal manakala enam usahawan telah menerima pensijilan halal pada tahun 2024 dan 2025. Secara keseluruhannya jualan usahawan telah meningkat selepas menerima pensijilan halal.

**Pendapat Audit : Berdasarkan sampel lawatan Audit, terdapat peningkatan jumlah jualan antara RM6,816.39 sehingga RM159,069.53 bagi usahawan yang telah menerima pensijilan halal.**

*BPFV mengambil maklum perkara ini.*

### 3.1.5.4. Garis Panduan Pengurusan PPKUIH

- a. BPFV tidak mempunyai garis panduan khusus untuk dijadikan panduan/rujukan semasa menguruskan PPKUIH. Bagaimanapun, Agensi Pelaksana (AP)/Pengurus Dana (PD) yang

dilawati menyediakan garis panduan/SOP masing-masing sebagai panduan/rujukan semasa menguruskan PPKUIH.

*BPFV telah menyediakan draf Garis Panduan Pelaksanaan PPKH KUSKOP untuk dibincangkan dan dimuktamadkan melalui sesi bengkel bersama agensi-agensi di bawah KUSKOP yang akan diadakan pada 4 hingga 6 Februari 2026 bertempat di Lexis Hotel, Port Dickson.*

- b. Semakan Audit selanjutnya terhadap garis panduan/SOP TEKUN Nasional, PERNAS dan SKM mendapati kaedah bayaran bantuan oleh TEKUN Nasional adalah berbeza dengan kaedah bayaran bantuan oleh PERNAS dan SKM. PERNAS dan SKM melaksanakan pembayaran setelah usahawan memohon pensijilan halal daripada JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) manakala TEKUN Nasional menyediakan dua peringkat bayaran. Selain itu, keperluan memohon pensijilan halal untuk bayaran bantuan tidak dinyatakan pada SOP TEKUN Nasional.
- c. Perbezaan kaedah bayaran bantuan oleh TEKUN adalah disebabkan tiada ketetapan kaedah bayaran bantuan yang dibuat oleh pemilik program iaitu BPFV. TEKUN menetapkan kaedah bayaran bantuan berdasarkan keperluan usahawannya. Keadaan ini menyebabkan wujudnya risiko sekiranya usahawan menarik diri daripada memohon pensijilan halal setelah menerima bayaran pendahuluan sebanyak 60%.

**Pendapat Audit : Pengurusan program PKUIH tanpa garis panduan boleh memberi risiko kepada pengurusan tata kelola program yang kurang cekap.**

*KUSKOP berpandukan pada skop program yang telah diluluskan untuk RMK12. Sekiranya program ini diteruskan lagi pada tahun 2026, BPFV akan menyelaras kaedah bayaran yang seragam bagi semua agensi pelaksana.*

### 3.1.5.5. Prestasi Kewangan KUSKOP

- a. Berdasarkan rekod MyProjek bagi tempoh tahun 2021 sehingga bulan Jun 2025, KUSKOP telah menerima peruntukan berjumlah RM5.57 juta untuk melaksanakan PPKUIH manakala sejumlah RM5.42 juta (97.4%) telah dibelanjakan. Butirannya seperti di dalam Jadual 9.

**JADUAL 9  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUSKOP UNTUK PPKUIH  
BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	(a)	(b)	(a)-(b)	[(b)/(a) x 100]
<b>2021</b>	566,420	423,871	142,549	74.8
<b>2022</b>	1,000,000	999,955	45	99.9

**JADUAL 9**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUSKOP UNTUK PPKUIH**  
**BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	(a)	(b)	(a)-(b)	[(b)/(a) x 100]
2023	1,500,000	1,500,000	0	100
2024	1,000,000	1,000,000	0	100
2025	1,500,000	1,500,000	0	100
<b>JUMLAH</b>	<b>5,566,420</b>	<b>5,423,826</b>	<b>142,594</b>	<b>97.4</b>

Sumber: Maklumat PPKUIH dalam Sistem MyProjek, ICU JPM

- b. Semakan Audit mendapati pada tahun 2021 KUSKOP telah diperuntukkan sejumlah RM0.57 juta untuk PPKUIH. Sejumlah RM423,870.95 telah dibelanjakan oleh BPFV serta disalurkan kepada Agensi Pelaksana/Pengurus Dana. Pihak Audit tidak dapat menentukan status baki peruntukan yang diterima bagi tahun 2021 berjumlah RM142,549.05 kerana tiada rekod yang dikemukakan untuk semakan. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 10.

**JADUAL 10**  
**PERUNTUKAN, PENYALURAN DAN PERBELANJAAN PPKUIH BAGI**  
**TAHUN 2021**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	PERBELANJAAN BPFV DAN PENYALURAN KEPADA AGENSI PELAKSANA (RM)	BAKI (RM)
	(a)	(b)	(a-b)
2021	566,420.00	423,870.95	142,549.05

Sumber: Sistem MyProjek, ICU JPM, Minit Mesyuarat JPPKH Bil. 2 Tahun 2025, Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMK12 dan Arahan Pembayaran

*BKEW telah mengesahkan bahawa terdapat penjimatan sebanyak RM142,549.05. Sehubungan itu, bagi membolehkan perancangan dan perbelanjaan dilaksanakan menggunakan baki penjimatan tersebut, kelulusan daripada BKEW dan Kementerian Ekonomi diperlukan, memandangkan tempoh RMKe12 telah tamat.*

### 3.1.5.6. Prestasi Kewangan Agensi Pelaksana/Pengurus Dana

- a. Berdasarkan Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMKe-12 dan Minit Mesyuarat JPPKH Bilangan 2 tahun 2025 yang diadakan pada 15 Mei 2025 sejumlah RM4.61 juta peruntukan telah disalurkan oleh KUSKOP kepada enam Agensi Pelaksana (AP)/Pengurus Dana (PD) dan sejumlah RM2.03 juta (43.9%) telah dibelanjakan. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 11.

**JADUAL 11**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN AGENSI PELAKSANA/ PENGURUS DANA PPKUIH**  
**BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2025**

TAHUN	PENYALURAN PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)	PERATUS BELANJA (%)
	(a)	(b)	(a)-(b)	[(b)/(a) x 100]
2021	40,000	34,200	5,800	85.5
2022	574,700	330,122	244,578	57.4
2023	1,500,000	1,401,578	98,422	93.4
2024	1,000,000	263,760	736,240	26.4
2025	1,500,000	-	1,500,000	-
<b>JUMLAH</b>	<b>4,614,700</b>	<b>2,029,660</b>	<b>2,585,040</b>	<b>43.9</b>

Sumber: Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMK12 / Minit Mesyuarat JPPKH Bil. 2 Tahun 2025

- b. Semakan Audit terhadap Laporan Status Baki Perbelanjaan PPKUIH dan Laporan Bilangan Penerima Manfaat PPKUIH RP1-RP5 RMKe-12 oleh BPFV mendapati sejumlah RM0.81 juta perbelanjaan bagi tahun 2021 dan 2022 tidak direkodkan. Perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan oleh BPFV sejumlah RM793,725.89 dan penyaluran peruntukan kepada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) sejumlah RM14,000. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 12.

**JADUAL 12**  
**PENYALURAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PPKUIH PADA TAHUN**  
**2021 DAN 2022 YANG TIDAK DIAMBIL KIRA DALAM PELAPORAN**

ARAHAN PEMBAYARAN (No./Tarikh)	PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
<b>Bahagian Pembangunan Francais dan Vendor (BPFV)</b>		
12001062/ 04.06.2021	Perkhidmatan Penyedia Latihan Bagi Program <i>Halal Development Officer</i> (HDO) MEDAC	100,000
12002534/ 25.11.2021	Pelan Perancangan, Bahan Promosi – Write Up dan Media Cetak – Surat Khabar	279,8701
12001564/ 05.07.2022	Perkhidmatan Penjenamaan Halal Di Bawah KUSKOP	240,255
12002899/ 26.10.2022	Perkhidmatan Penyedia Latihan Bagi Program <i>Halal Development Officer</i> (HDO) KUSKOP	173,600
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>793,726</b>
<b>Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)</b>		
12001989/ 06.10.2021	Penyaluran Bagi Program Webinar Kesedaran Pra Sijil Halal	4,000
12000810/ 06.04.2022	Penyaluran Peruntukan Untuk Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal	6,000
12001640/ 07.07.2022	Penyaluran Peruntukan Bagi Program Pembangunan Kapasiti Halal – Webinar	4,000
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>14,000</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>		<b>807,726</b>

*BPFV telah melaporkan prestasi perbelanjaan PPKUIH bagi RMKe12 (2021-2025) khususnya yang melibatkan agihan peruntukan kepada Agensi Pelaksana bagi PPKH telah selesai dibelanjakan. Perkara ini juga telah direkodkan di dalam MyProjek.*

- c. Selain itu, perbelanjaan PPKUIH oleh Agensi Pelaksana/Pengurus Dana berjumlah RM2.03 juta bagi tahun 2021 hingga 2024 yang dilaporkan semasa Mesyuarat JPPKH Bilangan 2 tahun 2025 bertarikh 15 Mei 2025 tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan yang dikemukakan untuk semakan Audit.

*Pelaporan perbelanjaan oleh Agensi Pelaksana/ Pengurus Dana telah direkodkan di dalam JPPKH KUSKOP. Perkara ini juga telah direkodkan di dalam MyProjek. BPFV juga sedang mendapatkan dokumen berkaitan perbelanjaan ini daripada agensi-agensi pelaksana PPKH dari Tahun 2021 hingga 2024.*

**Pendapat Audit : Sehingga Mei 2025, perbelanjaan PPKUIH masih rendah iaitu hanya 43.9% daripada peruntukan yang diterima. Selain itu, terdapat kelemahan dalam penyelenggaraan rekod kewangan menyebabkan RM0.81 juta tidak direkodkan dan perbelanjaan RM2.03 juta oleh Agensi Pelaksana/Pengurus Dana tidak dapat disahkan.**

### 3.1.5.7. Kelulusan Bantuan Melebihi Had Maksima

- a. Berdasarkan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Pembangunan KUSKOP (JPPP) Bilangan 1 Tahun 2022 bertarikh 7 Mac 2022, bantuan maksimum PPKUIH bagi setiap usahawan adalah berjumlah RM10,000.
- b. Selain itu, berdasarkan Minit Mesyuarat JPPP Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 15 Januari 2025, sebarang pindaan atau perubahan pentadbiran, termasuk penyesuaian semula agensi pelaksana atau pengurus dana hendaklah mendapat kelulusan Ketua Setiausaha tanpa perlu dibentangkan semula dalam mesyuarat.
- c. Semakan Audit terhadap Laporan Status Penerima Manfaat Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal RP1-RP5 RMK12 mendapati sebanyak 15 usahawan telah diluluskan bantuan melebihi had maksimum yang ditetapkan antara RM80.00 hingga RM40,000.00. Jumlah lebihan kelulusan bantuan terhadap 15 usahawan adalah sebanyak RM105,910.00. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 13.

**JADUAL 13  
SENARAI USAHAWAN YANG DILULUSKAN BANTUAN MELEBIHI HAD MAKSIMA  
YANG DITETAPKAN**

BIL.	USAHAWAN	AMAUN BANTUAN DILULUSKAN (RM)	LEBIHAN KELULUSAN BANTUAN (RM)
		(a)	(a)-RM10,000
1.	Aliza Enterprise	10,200	200
2.	DMAK Midah Enterprise	10,200	200
3.	GT Spice Manufacturers Sdn. Bhd.	10,800	800
4.	Haos Industries Sdn Bhd	10,800	800

**JADUAL 13**  
**SENARAI USAHAWAN YANG DILULUSKAN BANTUAN MELEBIHI HAD MAKSIMA**  
**YANG DITETAPKAN**

BIL.	USAHAWAN	AMAUN BANTUAN DILULUSKAN (RM)	LEBIHAN KELULUSAN BANTUAN (RM)
		(a)	(a)-RM10,000
5.	Permata Atiey Enterprise	10,800	800
6.	Unie Q Multifarious Food Industries	10,130	130
7.	Yusniza Enterprise	10,080	80
8.	F. Z Empresa Company	16,000	6,000
9.	Norcy Beautylab Sdn. Bhd.	16,900	6,900
10.	Munif Hijjaz Marketing Sdn. Bhd.	20,000	10,000
11.	Zias Company	20,000	10,000
12.	FK Sinar Warisan Sdn. Bhd.	20,000	10,000
13.	High Oriental Success Sdn. Bhd.	20,000	10,000
14.	Koperasi Kakitangan Felda Malaysia Berhad	20,000	10,000
15.	Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd.	50,000	40,000
<b>JUMLAH</b>		<b>255,910</b>	<b>105,910</b>

Sumber: Laporan Status Penerima Manfaat Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal RP1-RP5 RMK12

d. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. Pada tahun 2021 dan 2022, TEKUN Nasional telah meluluskan bantuan geran PPKUIH kepada enam usahawan yang sama sebanyak dua kali.

*Bantuan geran PPKUIH yang diluluskan oleh TEKUN Nasional bagi tahun 2021 dan 2022 melibatkan skop bayaran yang berbeza. Pada tahun 2021, geran diberikan bagi bayaran fi pensijilan, manakala pada tahun 2022 meliputi skop bayaran renovasi serta bimbingan usahawan.*

- ii. Pada tahun 2023, sebanyak empat usahawan telah diluluskan bantuan geran PPKUIH sebanyak dua kali daripada agensi yang berbeza.

*Bagi tempoh 2021 hingga 2023, tiada penyelarasan antara agensi dalam pemilihan usahawan. Walau bagaimanapun, bantuan geran yang diterima bukanlah daripada sumber atau bentuk bantuan yang sama. Terdapat juga bantuan lain seperti kursus kesedaran, bimbingan usahawan serta bayaran fi pensijilan.*

- iii. Pada tahun 2024, sebanyak empat usahawan telah diluluskan bantuan geran sebanyak dua hingga lima kali bagi rangkaian *outlet* perniagaan masing-masing.

*Kelulusan Program Bantuan Halal bagi 34 rangkaian outlet Gloria Jean's Coffee (GJC) di bawah syarikat Wonderful Life Style Sdn. Bhd. merupakan kelulusan khas yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Program Pembangunan Keusahawanan Halal (JPPKH) Bil. 2 Tahun 2025 bertarikh 15 Mei 2025.*

- e. Semakan Audit mendapati syarikat Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat PERNAS telah diluluskan geran tertinggi iaitu sejumlah RM50,000.00 bagi lima outletnya. Oleh itu, lebih kelulusan bantuan adalah sebanyak RM40,000.00.
- f. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelulusan pemberian geran sebanyak dua hingga lima kali kepada empat usahawan telah diputuskan oleh Jawatankuasa Program Pembangunan Keusahawanan Halal (JPPKH) semasa Mesyuarat JPPKH Khas Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 17 Februari 2025. Keputusan ini adalah bercanggah dengan keputusan Mesyuarat JPPP dan tidak mendapat kelulusan Ketua Setiausaha KUSKOP.

*Pelaksanaan bantuan ini bagi tujuan pematuhan piawaian halal, penambahbaikan fasiliti, proses penyediaan makanan dan minuman, latihan tenaga kerja serta penyediaan dokumentasi halal. Selaras dengan dasar pensijilan halal Malaysia, "Restoran Berangkai" ialah salah satu skim dalam pensijilan halal untuk premis makanan (restoran/kafe) yang mempunyai lebih daripada satu outlet menggunakan jenama sama dan mempunyai beberapa elemen operasi berpusat seperti pembelian bahan secara berpusat atau penggunaan dapur berpusat.*

*Selaras dengan teguran audit yang diterima, BPFV sedang giat menyediakan garis panduan pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan Industri Halal (PPKUIH) bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13).*

### **3.1.5.8. Kelewatan Mengeluarkan Surat Tawaran Bantuan Kepada Koperasi**

- a. Berdasarkan Terma Rujukan JPPKH, antara fungsi dan bidang kuasa JPPKH adalah mempertimbang dan meluluskan cadangan pemilihan usahawan, export management company serta tuntutan bayaran balik kepada usahawan yang menyertai PPKUIH.
- b. Semakan Audit mendapati Mesyuarat JPPKH Khas Bilangan 4 Tahun 2024 bertarikh 11 Disember 2024 telah meluluskan bantuan pematuhan pensijilan halal berjumlah RM34,623.00 kepada empat koperasi. Bagaimanapun, pihak SKM hanya dapat mengeluarkan surat tawaran kepada empat koperasi tersebut pada 28 Januari 2025 iaitu selepas 33 hari kelulusan diperolehi daripada JPPKH. Kelewatan ini adalah disebabkan SKM lewat menerima minit mesyuarat daripada urus setia Mesyuarat JPPKH iaitu dalam tempoh 26 hari.

**Pendapat Audit : Pengurusan permohonan bantuan PPKUIH adalah kurang cekap menyebabkan lebih kelulusan bayaran sebanyak RM105,910.00 dan berlaku kelewatan pengeluaran surat tawaran oleh SKM selama 33 hari.**

*Urusetia JPPKH telah melaksanakan penambahbaikan dengan mengeluarkan makluman awal berhubung keputusan mesyuarat terlebih dahulu kepada agensi pelaksana untuk tujuan tindakan segera, sebaik sahaja mesyuarat selesai.*

### 3.1.5.9. Bayaran Melebihi Kelulusan JKPPH

- a. Mesyuarat JPPKH Khas Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 17 Januari 2025 dan Mesyuarat JPPKH Khas Bilangan 2 Tahun 2024 bertarikh 11 Mac 2024 telah bersetuju dengan permohonan penyaluran dana bantuan geran untuk 34 rangkaian *outlet* Gloria Jeans Coffees (GJC) kepada Syarikat Wonderful Lifestyle Sdn. Bhd (WLSB) seperti berikut:

**JADUAL 14  
PECAHAN TUNTUTAN GERAN KUSKOP OLEH WLSB  
DAN RAKAN FRANCAISI**

BIL.	PERKARA	TUNTUTAN (RM)
1.	Kos perundingan	5,000.00
2.	Kos pengubahsuaian premis	5,000.00
3.	Pematuhan syarat-syarat pihak berkuasa berkaitan pensijilan halal	
4.	Kos pensijilan halal Malaysia	
<b>JUMLAH</b>		<b>10,000.00</b>

Sumber: Minit Mesyuarat JPPKH Khas Bilangan 2 Tahun 2024

- b. Semakan Audit terhadap Baucar Bayaran TEKUN Nasional bernombor 277185 bertarikh 8 Julai 2025 bagi Bayaran Permohonan Pensijilan Halal KUSKOP Program Kapasiti kepada WLSB mendapati perkara seperti berikut:
- i. Pembayaran kos renovasi bagi dua *outlet* berjumlah RM11,650.00 telah melebihi had pecahan tuntutan yang ditetapkan berjumlah RM1,650.00.
  - ii. Pembayaran untuk Fasa 1: Analisa Jurang dan Pra Penilaian telah terlebih bayar untuk dua *outlet* melibatkan lebihan bayaran berjumlah RM4,000.00. Perkara ini berlaku kerana bayaran telah dibuat terhadap 36 *outlet* berbanding 34 *outlet* yang diluluskan.
  - iii. Pembayaran untuk Fasa 2: Halal Awareness Training, Coaching on Readiness of Malaysia Halal Certification and Internal Halal Audit telah terlebih bayar untuk satu *outlet* melibatkan lebihan bayaran berjumlah RM2,000.00. Perkara ini berlaku kerana bayaran telah dibuat untuk 35 *outlet* berbanding 34 *outlet* yang diluluskan.
  - iv. Pembayaran permohonan lesen perniagaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan berjumlah RM1,522.00 telah dibuat untuk dua *outlet* yang tidak tersenarai dalam kelulusan JPPKH.
  - v. Pembayaran Fi Pensijilan Halal Malaysia (JAKIM) berjumlah RM400.00 telah dibuat untuk dua *outlet* yang tidak tersenarai dalam kelulusan JPPKH.

*Semakan BPFV mendapati pelaksanaan / bayaran program adalah teratur dan berdasarkan kelulusan JPPKH Bil Khas 2 Tahun 2024. Melalui mesyuarat ini, JPPKH secara dasarnya telah memperakukan permohonan bagi 36 outlet berangkai GJC. Bayaran dibuat secara berperingkat dan berdasarkan syor oleh pihak PERNAS meliputi analisis jurang sehingga*

*permohonan pensijilan halal dikemukakan dalam Sistem MyeHalal. Dalam setiap proses tersebut, berdasarkan amalan, bukan kesemua usahawan yang melibatkan bilangan usahawan yang sama akan berjaya sehingga ke peringkat permohonan MyeHalal berikutan pelbagai isu.*

### 3.1.5.10. Bayaran Bagi Kelengkapan/ Peralatan Yang Tidak Wujud

- a. Tuntutan bantuan PPKUIH bagi satu koperasi telah diperakukan oleh Pengarah SKM Negeri Sabah pada 20 Januari 2025. Bayaran sejumlah RM5,000.00 telah dibuat pada 23 April 2025 melalui baucar bayaran bernombor 25000157.
- b. Gambar 1 adalah sinki keluli yang dicadangkan oleh pihak perunding. Bagaimanapun, lawatan fizikal Audit pada 21 Ogos 2025 mendapati satu unit sinki keluli tahan karat yang diperolehi dengan harga RM1,000.00 tiada di premis koperasi dan digantikan dengan sinki keluli seperti di Gambar 2. Pihak Audit dimaklumkan bahawa sinki keluli asal tersebut telah hilang pada 9 Disember 2024 akibat kejadian pecah masuk ke premis koperasi. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kejadian pecah masuk tersebut kerana tiada laporan polis yang dikemukakan. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sinki keluli asal yang dibeli oleh Koperasi kerana gambar sinki keluli tersebut tidak dikemukakan untuk semakan.

**GAMBAR 1**



Sinki Keluli Yang Dicapangkan Oleh Perunding  
Sumber: Gap Analysis Report

**GAMBAR 2**



Sinki Keluli Yang Diganti Setelah Sinki Asal Hilang dan Dikemukakan Semasa Tuntutan Bayaran Bantuan  
Sumber:UAD KUSKOP

**Pendapat Audit : Penyaluran bantuan BPPH berjumlah RM9,572.00 adalah tidak teratur kerana tidak dibuat mengikut kelulusan JPPKH. Selain itu, bayaran berjumlah RM1,000.00 telah dibuat terhadap peralatan yang tidak wujud.**

*Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah mengesahkan bahawa satu (1) unit sinki keluli tahan karat tersebut telah digantikan dengan sinki keluli lain oleh usahawan berikutan berlakunya insiden kecurian. Perkara ini telah dimaklumkan dan berada dalam pengetahuan pihak SKM.*

### 3.1.5.11. Pemantauan

- a. Berdasarkan Terma Rujukan JPPKH, fungsi dan bidang kuasa JPPKH adalah seperti berikut:
  - i. Mempertimbang dan melulus cadangan pemilihan usahawan, *export management company* serta tuntutan bayaran balik kepada usahawan yang menyertai PPKUIH;
  - ii. untuk membincangkan isu-isu operasi yang timbul sepanjang pelaksanaan PPKUIH; dan
  - iii. membincangkan hasil laporan pelaksanaan dan laporan penilaian *outcome* PPKUIH oleh Agensi Pelaksana.
- b. Semakan Audit mendapati JPPKH telah bermesyuarat sebanyak 13 kali sepanjang tempoh tahun 2023 hingga bulan Mei 2025. Bagaimanapun, minit mesyuarat telah lewat dikemukakan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk kelulusan antara dua hingga 47 hari.

**Pendapat Audit : Pemantauan pelaksanaan PPKUIH adalah kurang cekap kerana terdapat kelewatan antara dua hingga 47 hari dalam penyediaan minit mesyuarat JPPKH. Seterusnya, mengganggu kelancaran program.**

*BPFV mengambil maklum teguran Audit dan akan memastikan tiada kelewatan pada masa hadapan.*

### 3.1.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

- a. Secara keseluruhannya, program PPKUIH telah berjaya dilaksanakan di mana seramai 288 (82.1%) usahawan yang menerima geran telah memohon pensijilan halal Malaysia. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan bilangan usahawan sebenar yang menerima manfaat daripada program PPKUIH kerana senarai usahawan tidak dikemukakan untuk semakan Audit.
- b. Seterusnya, terdapat kelemahan aspek pengurusan kewangan iaitu status peruntukan yang diterima bagi tahun 2021 berjumlah RM142,549.05 tidak dapat ditentukan oleh Bahagian Kewangan dan Pembangunan, KUSKOP. Disamping itu, sejumlah RM0.81 juta yang terdiri daripada penyaluran peruntukan kepada INSKEN dan perbelanjaan PPKUIH oleh BPFV pada tahun 2021 dan 2022 tidak direkodkan dalam pelaporan status baki perbelanjaan PPKUIH. Selain itu, perbelanjaan PPKUIH oleh Agensi Pelaksana/Pengurus Dana berjumlah RM2.03 juta bagi tahun 2021 hingga 2024 yang dilaporkan semasa Mesyuarat JPPKH Bilangan 2 tahun 2025 tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan yang dikemukakan untuk semakan Audit.
- c. Pengurusan permohonan BPPH adalah kurang cekap kerana 15 usahawan telah diluluskan bantuan melebihi had maksimum antara RM80.00 hingga RM40,000.00. Selain itu, surat tawaran telah lewat dikeluarkan kepada empat koperasi kerana SKM lewat menerima minit

mesyuarat daripada pihak urus setia iaitu 33 hari selepas kelulusan diperolehi daripada JPPKH.

- d. Penyaluran bantuan BPPH adalah tidak teratur kerana bayaran berjumlah RM9,572.00 telah dibuat untuk usahawan yang tidak diluluskan oleh JPPKH. Selain itu, bayaran berjumlah RM1,000.00 telah dibuat untuk kelengkapan/peralatan yang tidak wujud.
- e. Pemantauan pelaksanaan PPKUIH adalah kurang cekap kerana terdapat kelewatan antara dua hingga 47 hari dalam penyediaan minit mesyuarat JPPKH yang boleh memberi risiko kepada mengganggu kelancaran program.

### **3.1.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif PPKUIH dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- a. BPFV menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan PPKUIH untuk menjadi rujukan KUSKOP dan Agensi Pelaksana/Pengurus Dana;
- b. BPFV menetapkan kaedah pembayaran bantuan oleh Agensi Pelaksana/Pengurus Dana supaya seragam dan kurang berisiko;
- c. BPFV memastikan semua penyaluran peruntukan dan perbelanjaan direkodkan serta laporan berkaitan peruntukan dan perbelanjaan disokong dengan dokumen yang berkaitan;
- d. BPFV menyelenggara rekod kelulusan bantuan supaya tidak berlaku pertindihan kelulusan bantuan oleh AP/PD;
- e. JPPKH hendaklah meluluskan bantuan berdasarkan keputusan JPPP; dan
- f. Minit mesyuarat JPPKH perlu disediakan oleh BPFV dalam tempoh tiga hari bekerja untuk kelulusan Pengerusi mesyuarat dan dikemukakan kepada AP/PD dengan segera untuk tindakan.

## 3. PENGAUDITAN PRESTASI

### 3.2 PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN PREMIS (TAMU DESA) DI BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

#### 3.2.1 LATAR BELAKANG

Tamu Desa merupakan tempat pertemuan penting bagi masyarakat tempatan untuk mendapatkan barangan keperluan harian khususnya di Sabah dan Sarawak. Aktiviti Tamu Desa di Sabah khususnya di luar bandar menjadi salah satu kegiatan ekonomi yang mampu mengerakkan pembangunan sosio-ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar.

Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) (PPPTD) di laksanakan oleh Bahagian Pembangunan Koperasi, Penjaja dan Peniaga Kecil (BKPPK) berdasarkan kelulusan mandat YAB Perdana Menteri semasa Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan (HPPK) tahun 2023 di Penampang, Sabah pada 7 Disember 2023. YAB Perdana Menteri telah meluluskan mandat peruntukan sebanyak RM20 juta yang mengarahkan pelaksanaan Pembangunan Infrastruktur Tamu Desa (RM19 juta) dan penyaluran bantuan pengurusan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil (RM1 juta) bagi memperkasakan sektor penjaja dan peniaga kecil di Sabah.

Objektif dan skop kerja PPPTD adalah seperti berikut:

**1** **Objektif PPPTD**

- Menyediakan atau menaik taraf ruang niaga/pusat penjaja dengan infrastruktur yang lebih kondusif serta memberi akses pemasaran produk jualan yang lebih berkesan di tapak lokasi perniagaan.
- Meningkatkan sosio-ekonomi penduduk setempat melalui peluang berniaga serta mewujudkan peluang usahawan mikro baharu kepada penduduk setempat.

**2** **Skop Kerja PPPTD adalah naik taraf, bina baharu, selenggara dan ubah suai merangkumi perkara berikut :**

- Kerja penyediaan tapak dan dokumen yang berkaitan;
- Kerja melibatkan struktur/ kerangka/ dewan terbuka dan ruang niaga;
- Kerja melibatkan sistem kumbahan dan sistem perparitan;
- Kerja pendawaian semula dan penggantian peralatan elektrik;
- Perolehan peralatan dan kelengkapan ruang niaga; dan
- Penyediaan ruang solat, bilik utiliti, lampu solar, sistem saluran air, dan tangki air (berdasarkan keperluan).

Fasa 1 Tahun 2024: MOF melalui surat bertarikh 22 Mac 2024 meluluskan peruntukan secara one-off sebanyak RM10 juta bagi pelaksanaan PPPTD di Sabah dan Sarawak. Peruntukan bagi pelaksanaan PPPTD di Sabah disalurkan secara terus kepada Pejabat Daerah (PD), Jabatan Bendahari Negeri Sabah (JBNS) atau Jabatan Akauntan Negara Negeri Sabah (JANNS) melalui Bahagian Kewangan dan Pembangunan, KUSKOP.

Pihak yang terlibat dalam melaksanakan PPPTD adalah seperti berikut:




### 3.2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada PPPTD dilaksanakan dengan ekonomik, cekap, berkesan serta mengikut peraturan yang berkuatkuasa bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Ruang Niaga/Pusat Penjaja dengan infrastruktur yang lebih kondusif disediakan/dinaik taraf;
- b. Akses pemasaran produk jualan yang lebih berkesan di tapak lokasi perniagaan;
- c. Sosio ekonomi penduduk setempat melalui peluang berniaga ditingkatkan; dan
- d. Memastikan wujud peluang usahawan mikro baharu kepada penduduk setempat.


### 3.2.3 SKOP PENGAUDITAN

Prestasi dan pengurusan terhadap PPPTD yang dilaksanakan dari tahun 2024 hingga Oktober 2025.



❖ **30 sampel lawatan Audit (Sabah: 20 , Sarawak: 10)**

### 3.2.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 3.2.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.2.5.1. Kemajuan Fizikal Program

a. Kemajuan fizikal PPPTD sehingga bulan Oktober 2025 adalah seperti berikut:

- Siap dibina/dinaiktaraf - 92 Tamu Desa (63.4%)
- Dalam pelaksanaan - 27 Tamu Desa (18.6%)
- Dalam proses perolehan 11 Tamu Desa (7.5%)
- Belum mula 16 Tamu Desa (11.0%)

Kelulusan dan pembinaan premis Tamu Desa bagi tempoh tahun 2024 hingga Oktober 2025 adalah seperti dalam Jadual 15.

**JADUAL 15  
KELULUSAN DAN PENCAPAIAN PPPTD TAHUN 2024 HINGGA OKTOBER 2025**

TAHUN	NEGERI	KELULUSAN (Bil.) (a)	PENCAPAIAN (Bil.) (b)				PERBEZAAN (Bil.) [a-b(i)]
			(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(i)
2024	<b>Fasa 1</b>						
	Sabah	36	36	0	0	0	0
	Sarawak	13	13	0	0	0	0
	<b>Fasa 2</b>						
	Sabah	25	17	5	0	3	8
Sarawak	26	26	0	0	0	0	

TAHUN	NEGERI	KELULUSAN (Bil.) (a)	PENCAPAIAN (Bil.) (b)				PERBEZAAN (Bil.) [a-b(i)]
			(i)	(ii)	(iii)	(iv)	(i)
2025	Sabah	46	0	22	11	13	46
<b>JUMLAH</b>		<b>146</b>	<b>92</b>	<b>27</b>	<b>11</b>	<b>16</b>	<b>54</b>

Sumber: Laporan Pelaksanaan PPPTD Fasa 1 dan Fasa 2 di Sabah dan Sarawak Tahun 2024 & PPPTD (Tamu Madani) di Sabah Tahun 2025

Nota: i – Siap Sepenuhnya, ii – Dalam Pelaksanaan, iii – Proses Perolehan dan iv – Belum Mula  
(\* ) - Sehingga 2 Oktober 2025

*Pelaksanaan (3) tiga Tamu Desa Fasa 2 Tahun 2024 telah siap sepenuhnya. Penyaluran telah disalurkan kepada JBNS bagi 3 Pejabat Daerah tersebut pada 10 Disember 2025.*

- b. Sebanyak lima (5) Tamu Desa di negeri Sabah Fasa 2 telah dibina di lokasi yang tidak diluluskan oleh KUSKOP. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 16.

**JADUAL 16**  
**PERBEZAAN LOKASI PEMBINAAN TAMU DESA FASA 2 DI NEGERI SABAH**

BIL.	DAERAH	KELULUSAN		PEMBINAAN	
		LOKASI	PERUNTUKAN (RM)	LOKASI	PERUNTUKAN (RM)
1.	Sook	Bina Baru gerai Jualan Tamu Desa di Kg. Kapakaan, Biah, Sook	100,00.00	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Binuou Tengah, Sook	100,00.00
2.		Rina Rani gerai Jualan Tamu Mesa di Kg Sasagahan, Sook	100,00.00	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Kabuan, Sook	100,00.00
3.	Tambunan	Bina Baru Infrastruktur Tamu Desa Kg. Mangi Pangi	200,00.00	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Pahu, Kirokot, Tambunan	200,000.00
4.	Kota Marudu	Bina Baru Infrastruktur Tamu Desa Kg. Tagaroh, Kota Marudu	200,00.00	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Kudar, Kota Marudu	200,000.00
5.	Papar	Bina Baru Bangunan Tamu Desa di Kg. Mandalipau, Papar	200,00.00	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Pekan Papar, Papar	200,00.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>800,000.00</b>		<b>800,000.00</b>

Sumber : Memo MEDAC.YBM.100-11/1/2 Jld.4(58) dan Laporan Pelaksanaan PPPTD Fasa 1 dan Fasa 2 di Sabah dan Sarawak bagi tahun 2024

- Permohonan pertukaran lokasi bagi dua (2) tapak di Daerah Sook telah dimohon oleh Pejabat Daerah Kecil Sook melalui surat bertarikh 28 Oktober 2024 ekoran masalah status pemilikan tanah.*
- Projek Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Pahu, Kirokot, Tambunan adalah selaras dengan kelulusan yang dinyatakan di dalam Memo KUSKOP (dahulu MEDAC) rujukan: MEDAC.YBM.100-11/1/2 Jld. 4(58).*

3. KUSKOP telah membuat pertimbangan dan bersetuju mengenai pertukaran tapak bagi Bina Baru Infrastruktur Tamu Desa Kg. Tagaroh yang mempunyai isu status tanah ke Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa di Kg. Kudar, Kota Marudu.
  4. Bagi projek Bina Baharu Bangunan Tamu Desa di Kg. Mandalipau, Papar, pihak Pejabat Daerah telah mengemukakan permohonan rasmi pertukaran tapak kepada KUSKOP melalui surat bertarikh 29 Oktober 2024 untuk pertimbangan lanjut.
  5. Garis panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) di Sabah dan Sarawak akan memperincikan tanggungjawab Agensi Pelaksana iaitu Pejabat Daerah atau Pihak Berkuasa Tempatan untuk memaklumkan secara rasmi kepada KUSKOP terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang pembangunan projek di tapak gantian atau baharu.
- c. Kos pembinaan bagi dua (2) Tamu Desa di negeri Sabah (Fasa 2) telah melebihi kos anggaran yang diluluskan iaitu sebanyak RM99,960.00. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 17.

**JADUAL 17**  
**BERBEZAAN KOS ANGGARAN DAN KOS PELAKSANAAN**

BIL.	PERIHAL	KOS ANGGARAN (RM)	KOS PELAKSANAAN (RM)	BEZA (RM)
1.	Bina Baru Dewan Terbuka Tamu Desa Kg. Tamu Darat, Kota Belud	250,000.00	299,990.00	49,990.00
2.	Bina Baru Bangunan Tamu Desa di Kg. Daingin, Ulu Kimanis, Papar	150,000.00	199,970.00	49,970.00
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>400,000.00</b>	<b>499,960.00</b>	<b>99,960.00</b>

Sumber : Memo MEDAC.YBM.100-11/1/2 Jld.4(58) dan Laporan Pelaksanaan PPPTD Fasa 1 dan Fasa 2 di Sabah dan Sarawak bagi tahun 2024

*Peningkatan kos tersebut berasaskan kepada Bill of Quantities (BQ) yang telah dikemukakan oleh Pejabat Daerah Membakut dan Pejabat Daerah Kota Belud kepada KUSKOP. Sebagai penambahbaikan, kesemua BQ yang disediakan oleh Pejabat Daerah dan PBT akan disahkan serta diperaku oleh pegawai penguasa sebelum dimajukan ke KUSKOP.*

- d. Tapak Tamu Desa Sumbilingon, Kota Belud, Sabah yang telah dibina dengan kos RM199,990.00 adalah termasuk dalam kawasan pembinaan lebuh raya Pan Borneo dan bakal dirobohkan. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit tiada pemakluman rasmi yang diterima daripada pihak yang bertanggungjawab. Keadaan tamu desa adalah seperti dalam Gambar 3 dan Gambar 4.

GAMBAR 3



GAMBAR 4




Tamu Desa Sumbilingon, Kota Belud, Sabah  
 - Bangunan Tamu Desa Termasuk Dalam Kawasan Pembinaan  
 Lebu Raya Pan Borneo  
 (05.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

*BKPPK telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Daerah Kota Belud pada 20 November 2025 bagi mendapatkan pengesahan dan penjelasan sama ada lokasi premis Tamu Desa tersebut terletak dalam jajaran Lebu Raya Pan Borneo. Namun sehingga kini, pihak Pejabat Daerah Kota Belud masih belum mengemukakan sebarang maklum balas kepada KUSKOP.*

**Pendapat Audit : Pencapaian program Pembangunan Premis (Tamu Desa) adalah kurang memuaskan iaitu sebanyak 92 (63.4%) Tamu Desa telah dibina/dinaiktaraf berbanding kelulusan yang diperolehi. Selain itu, terdapat Tamu Desa dibina ditempat yang tidak diluluskan, melebihi kos anggaran dan bakal dirobohkan.**

### 3.2.5.2. Prestasi Pencapaian Objektif Program

- a. Bagi menilai pencapaian objektif PPPTD, soal selidik terhadap 45 peniaga/wakil peniaga (responden) telah dilaksanakan di 30 Tamu Desa yang dilawati pada bulan November 2025.
- b. Maklumat demografi atau latar belakang 45 responden yang terdiri daripada 22 (51.1%) orang lelaki dan 23 (48.9%) orang perempuan adalah seperti berikut:



c. Secara keseluruhannya, PPPTD telah berjaya membantu meningkatkan taraf hidup para peniaga.

i. PPPTD berjaya menyediakan/menaik taraf ruang niaga dengan infrastruktur kondusif serta akses pemasaran produk lebih berkesan di lokasi perniagaan menunjukkan kejayaan yang ketara dalam penyediaan struktur.

ii. Bagaimanapun, terdapat kekurangan dari sudut fungsian kemudahan yang terdapat di premis Tamu Desa seperti berikut:

- Keadaan Persekitaran

Keadaan persekitaran memerlukan penambahbaikan seperti penambahan *awning* untuk mengelakkan tempias hujan, silau matahari dan panas matahari.

- Kemudahan Asas

Penambahan meter elektrik dan penyediaan kemudahan asas seperti air, elektrik, dan tandas.

- Kemudahan Sanitasi

Tahap kebersihan dan keupayaan fasiliti tandas/bilik air ada kurang baik. Isu yang dihadapi termasuk tandas tersumbat, ketiadaan lampu, *flush* yang rosak dan isu reka bentuk seperti penggunaan bergabung lelaki dan perempuan serta kawasan dalaman yang sempit.

- Sistem Saliran

Masalah saliran, di mana parit tidak berfungsi dengan baik dan air tidak mengalir sempurna.

- d. Bagaimanapun, PPPTD berjaya meningkatkan sosioekonomi penduduk melalui peluang berniaga dan mewujudkan usahawan mikro baharu terutamanya melalui peningkatan akses pemasaran.

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, objektif PPPTD untuk menyediakan/ menaik taraf ruang niaga dengan infrastruktur kondusif serta akses pemasaran produk yang lebih berkesan di lokasi perniagaan adalah tercapai. Selain itu, PPPTD juga berjaya meningkatkan sosioekonomi penduduk melalui peluang berniaga dan mewujudkan usahawan mikro baharu.**

### 3.2.5.3. Garis Panduan pengurusan PPPTD

- a. BKPPK tidak mempunyai garis panduan khusus berkaitan PPPTD yang mengandungi latar belakang program, permohonan dan kelulusan, penyaluran peruntukan, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan untuk dijadikan panduan/rujukan semasa menguruskan PPPTD.

**Pendapat Audit : Pengurusan PPPTD tanpa garis panduan boleh memberi risiko kepada pengurusan tata kelola program yang kurang cekap.**

*BKPPK telah menyediakan draf Garis Panduan Program Pembangunan Premis (Tamu Desa) yang lebih komprehensif untuk rujukan pihak terlibat.*

### 3.2.5.4. Prestasi Kewangan KUSKOP

- a. KUSKOP telah menerima peruntukan berjumlah RM20 juta untuk melaksanakan PPPTD dan sejumlah RM16.8 juta (84.1%) telah dibelanjakan. Butirannya seperti dalam Jadual 18.

**JADUAL 18  
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN KUSKOP UNTUK PPPTD  
BAGI TAHUN 2024 HINGGA 2025**

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	BELANJA (RM)	BAKI (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
	(a)	(b)	(a)-(b)	[(b)/(a) x 100]
<b>2024</b>	10,000,000.00	8,727,317.36	1,272,682.64	87.3
<b>2025</b>	10,000,000.00	8,098,878.78	1,901,121.22	81.0
<b>JUMLAH</b>	<b>20,000,000.00</b>	<b>16,826,196.14</b>	<b>3,173,803.86</b>	<b>84.1</b>

Sumber: Senarai Keseluruhan Tapak di Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2024 dan 2025, BKEW

**Pendapat Audit : Sehingga Oktober 2025, prestasi perbelanjaan PPPTD adalah baik iaitu sebanyak 84.1% daripada peruntukan yang diterima telah dibelanjakan.**

### 3.2.5.5. Penyaluran Peruntukan Bagi Kerja Yang Tidak Disempurnakan

- a. Penyaluran penuh berjumlah RM1.84 juta telah dibuat oleh KUSKOP kepada PD/JBNS/JANNS/PBT walaupun sembilan (9) kerja yang bernilai RM20,697.62 tidak disempurnakan. Perkara ini berlaku kerana PD/PBT telah mengeluarkan SPSK walaupun kerja tidak disempurnakan. Butirannya kerja yang tidak disempurnakan adalah seperti dalam Jadual 19.

**JADUAL 19**

#### **KERJA-KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN TETAPI TELAH DISALURKAN PERUNTUKAN**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN KERJA</b>	<b>KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN</b>	<b>NILAI KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN (RM)</b>
1.	Bina baharu infrastruktur Tamu Desa Sarang, Kota Belud, Sabah	Berurusan dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi mendapatkan bekalan elektrik, menjalankan kerja-kerja pengujian, penyambungan bekalan elektrik dan memula tugas pemasangan termasuk bayaran deposit meter bekalan serta bayaran perjanjian.	1,500.00
2.	Bina baharu infrastruktur Tamu Desa Tradisi Pinolobuh, Kota Belud, Sabah	Berurusan dengan Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi mendapatkan bekalan elektrik, menjalankan kerja-kerja pengujian, penyambungan bekalan elektrik dan memula tugas pemasangan termasuk bayaran deposit meter bekalan serta bayaran perjanjian.	1,500.00
3.		Membekal dan memasang 2 unit <i>spray hand bidet</i> dan <i>flexible hose</i> bersadur kromium termasuk kerja berkaitan.	655.60
4.		Membekal dan memasang 2 unit Roll Tissue Holder termasuk kelengkapan yang berkaitan.	23.20
5.	Bina Baharu infrastruktur Tamu Desa Sosondoton Piasau, Kota Belud, Sabah	Tangki air Polietilena ketumpatan tinggi dengan penutup mudah dibuka bersaiz 400 gelen termasuk mengangkat dan memasang pada tempat.	1,303.82
6.		Tiang tempat duduk tangki yang terdiri daripada besi termasuklah asas tiang tangki.	2,000.00
7.	Bina Baharu Infrastruktur Tamu Desa Kg. Babagon, Penampang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerja-Kerja Membina Ruang Pejabat</li> <li>• Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa (Lampu siling tidak dipasang).</li> </ul>	3,000.00

BIL.	BUTIRAN KERJA	KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN	NILAI KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN (RM)
8.	Menaik Taraf Infrastruktur Tamu Tradisi Melangkap, Kota Belud	Membekal dan memasang semua bahan, pendawaian dalaman serta menguji terima sehingga berfungsi mengikut spesifikasi piawai JKR secara pendawaian konduit permukaan atau terbenam dengan menggunakan kabel PVK yang ditetapkan.  i. 5 Nos Mata soket alur keluar kuasa l/d suis soket alur keluar 13A bertebat penuh menggunakan kabel PVK:  2X2.5mm persegi l/d kabel perlindungan	715.00
9.	Naik Taraf Infrastruktur Tamu Desa Bahagia Teku, Sibul	Provisional sum works Sibul Water Board (Water Supply)	10,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>20,697.62</b>

Sumber: BQ, Sijil Perakuan Siap Kerja & Surat Penyaluran Peruntukan

**Pendapat Audit : Penyaluran peruntukan PPPTD berjumlah RM1.44 juta adalah tidak teratur kerana terdapat sembilan (9) kerja bernilai RM20,697.62 masih belum disempurnakan. Selain itu, pengeluaran SPSK bagi perolehan yang masih belum disempurnakan merupakan satu tindakan yang melanggar peraturan kerajaan, tidak berintegriti dan risiko kepada kerugian wang awam.**

*Proses pembayaran dilaksanakan berdasarkan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh Pejabat Daerah (PD) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Status kerja-kerja adalah seperti berikut:*

- *TD Sarang – menunggu pemasangan meter.*
- *TD Pinolobuh – menunggu pemasangan meter & pemasangan hand bidet & tissue holder.*
- *TD Sosondoton Piasau, Kg. Babagon, Melangkap dan Bahagia Teku - kerja-kerja telah dilaksanakan.*

### 3.2.5.6. Kerja – Kerja Tidak Dapat Disahkan

- a. BQ yang disediakan bagi tujuh (7) Tamu Desa adalah tidak lengkap di mana BQ/Ringkasan Sebut Harga yang disediakan tidak terperinci iaitu tiada butiran kerja, 'drawing', ukuran dan spesifikasi.
- b. Perkara ini berlaku kerana tiada pegawai teknikal yang kompeten di BKPPK untuk menyemak/menilai BQ yang dikemukakan oleh Agensi Pelaksana semasa permohonan pembinaan/naik taraf Tamu Desa. Kelemahan ini telah mengakibatkan pengesahan bagi 17

kerja yang bernilai RM293,840.00 tidak dapat disahkan oleh pihak Audit seperti dalam Jadual 20.

**JADUAL 20**  
**KERJA-KERJA YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN OLEH PIHAK AUDIT**

BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA YANG TIDAK TERPERINCI	KUANTITI/ KADAR (RM)	NILAI KERJA (RM)	CATATAN
1.	Tapak Bazar Monsoi Point, Kuala Penyu, Sabah	Membekal bahan, membina dan menyiapkan meja dengan menggunakan 50 mm X 50 mm X 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75 mm X 75 mm X 1.6 mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12 mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7 mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja.	20/3,300.00	66,000.00	Tidak dapat disahkan kerana ukuran meja tidak dinyatakan dan tiada reka bentuk/spesifikasi (drawing) dinyatakan dalam BQ.
2.	Tapak Tamu, Pekan Kuala Penyu, Sabah	Membekal bahan, membina dan menyiapkan meja dengan menggunakan 50 mm X 50 mm X 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75 mm X 75 mm X 1.6 mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12 mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7 mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja.	78/1,880.00	146,640.00	Tidak dapat disahkan kerana ukuran meja tidak dinyatakan dan tiada reka bentuk/spesifikasi (drawing) dinyatakan dalam BQ.
3.	Kg. Inobong Penampang, Sabah	Kerja-kerja pendawaian dan pemasangan elektrik mengikut arahan Pegawai Penguasa (PP)	Pukal	9,000.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
		Kerja membina pintu pagar "Single Swing" dan "Double Swing Gate" termasuk frame pintu pagar serta kerja-kerja berkaitan	Pukal	9,000.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada spesifikasi pintu pagar yang dinyatakan serta tiada 'drawing' untuk rujukan.
4.	Kg. Mahandoi Penampang, Sabah	Kerja-kerja pendawaian dan pemasangan kembali elektrik selepas kerja menaiktaraf tamu siap dilaksanakan mengikut arahan PP	Pukal	4,100.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
5.	Kg. Togudon, Penampang, Sabah	Kerja-kerja pendawaian dan pemasangan elektrik mengikut arahan PP	Pukal	16,900.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP
		Kerja membina pintu pagar "Double Swing Gate" dan "Single Swing Gate" termasuk frame pintu pagar serta kerja-kerja berkaitan	Pukal	1,800.00	Tidak dapat disahkan kerana spesifikasi pintu pagar tidak dinyatakan dengan lengkap dan tiada 'drawing' untuk rujukan.
		<b>Ruang Pejabat</b> Membina tingkap jenis <i>sliding</i> mengikut spesifikasi yang ditentukan PP	2/550.00	1,100.00	Tidak dapat disahkan kerana spesifikasi tingkap tidak dinyatakan dengan lengkap dan tiada

BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA YANG TIDAK TERPERINCI	KUANTITI/ KADAR (RM)	NILAI KERJA (RM)	CATATAN
					dokumen ketetapan spesifikasi daripada PP serta 'drawing'.
		<b>Ruang Pejabat</b> Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh PP	Pukal	5,000.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
		<b>Tandas</b> Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh PP	Pukal	1,500.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
		Kerja-kerja pendawaian dan pemasangan elektrik mengikut arahan PP	Pukal	8,500.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
		<b>Ruang Pejabat</b> Membina tingkap jenis sliding mengikut spesifikasi yang ditentukan PP	2	950.00	Tidak dapat disahkan kerana spesifikasi tingkap tidak dinyatakan dengan lengkap dan tiada dokumen ketetapan spesifikasi daripada PP.
		Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh PP	Pukal	2,500.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan.
		<b>Tandas</b> Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh PP	Pukal	2,600.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP.
6.	Kg. Babagon, Penampang, Sabah				
		<b>Dewan Terbuka</b> Membekal memasang dan menyiapkan parit konkrit bentuk U	Lump Sum	5,950.00	Tidak dapat disahkan kerana spesifikasi parit tidak dinyatakan dengan lengkap dan tiada 'drawing' untuk rujukan.
		<b>Tandas</b> Kerja-kerja menyiapkan struktur bangunan tandas 2 pintu dilengkapi cermin, pintu, tandas duduk dan tandas cangkung termasuk kerja-kerja berkaitan dan aksesori-aksesori yang diperlukan beserta kumbahan, manhole dan sebagainya.	Lump Sum	4,500.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada ukuran bagi setiap tandas, tiada spesifikasi bagi cermin, pintu dan <i>manhole</i> .
		Kerja-kerja pendawaian elektrik untuk bangunan dewan terbuka, bilik pejabat dan tandas mengikut keperluan yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa.	Lump Sum	7,800.00	Tidak dapat disahkan kerana tiada butiran kerja eletrikal yang dinyatakan dan tiada 'drawing' serta arahan PP
7.	Kg. Kudar, Kota Marudu, Sabah				
<b>JUMLAH (RM)</b>				<b>293,840.00</b>	

Sumber: BQ, Ringkasan Sebut Harga & Lawatan Fizikal Audit

**Pendapat Audit : Kelemahan dalam penyediaan BQ semasa penyediaan kontrak menyukarkan pengesahan dan pemantauan kerja yang dilaksanakan oleh**

kontraktor. Selain itu, terdapat juga risiko lebih bayaran terhadap kerja sebenar yang dilaksanakan oleh kontraktor.

*BKPPK tidak mempunyai kepakaran teknikal untuk menyemak setiap Bill of Quantities (BQ) yang dihantar oleh Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengesahkan perincian butiran kerja di dalam BQ.*

*TD Kuala Penyu: Bazar Monsoi & Pekan Kuala Penyu – Majlis Perbandaran (MP) hanya mengemukakan 'drawing' lakaran kepada PD.*

*TD Penampang: Kg. Inobong, Mahandoi, Togudon, Babagon – BQ telah diperincikan.*

*TD Kota Marudu: TD Kg. Kudar – Perincian Kos telah disediakan.*

### 3.2.5.7. Kadar Harga Berbeza Bagi Item Yang Sama

- a. Terdapat perbezaan kadar harga sebanyak RM1,420.00 bagi kerja membekal bahan, membina dan menyiapkan meja yang mempunyai spesifikasi yang sama di dua (2) Tamu Desa di Daerah Kuala Penyu, Sabah. Lawatan Fizikal Audit mendapati jarak di antara kedua-dua Tamu Desa tersebut adalah 500 meter dan saiz meja yang dibekalkan adalah sama iaitu berukuran 2100mm (panjang) X 1000mm (lebar) X 825 mm (tinggi). Butirannya seperti dalam Jadual 21 serta Gambar 5 dan 6.

**JADUAL 21  
KADAR HARGA BERBEZA BAGI ITEM YANG SAMA**

BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA	KADAR HARGA (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Tapak Bazar Monsoi Point, Kuala Penyu, Sabah	Membekal bahan, membina dan menyiapkan 20 meja berukuran 2100mm (panjang) X 1000mm (lebar) X 825 mm (tinggi) dengan menggunakan 50 mm X 50 mm X 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75 mm X 75 mm X 1.6 mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12 mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7 mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja.	3,300.00	66,000.00
2.	Tapak Tamu, Pekan Kuala Penyu, Sabah	Membekal bahan, membina dan menyiapkan 78 meja berukuran 2100mm (panjang) X 1000mm (lebar) X 825 mm (tinggi) dengan menggunakan 50 mm X 50 mm X 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75 mm X 75 mm X 1.6 mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12 mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7 mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja.	1,880.00	146,640.00
<b>PERBEZAAN HARGA (RM)</b>			<b>1,420.00</b>	

Sumber: BQ, Ringkasan Sebut Harga dan 'Drawing'

**GAMBAR 5**



Tamu Desa Monsoi Point, Pekan Kuala Penyu  
 - Membekal Bahan, Membina dan Menyiapkan Meja  
 (07.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 6**



Tapak Tamu, Pekan Kuala Penyu  
 - Membekal Bahan, Membina dan Menyiapkan Meja  
 (07.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**Pendapat Audit : Perbezaan harga bagi kerja yang sama di lokasi yang terlalu dekat tidak sewajarnya berlaku.**

*Kadar harga berdasarkan keadaan tapak sebenar kadar harga yang dikemukakan oleh kontraktor mengambil kira keadaan tapak sebenar yang memerlukan kerja tambahan seperti penyediaan tapak, kerja perlindungan, kawalan trafik, akses terhad serta faktor persekitaran.*

**3.2.5.8. Perubahan Kerja**

- a. Perubahan kerja telah dibuat terhadap 17 kerja. Bagaimanapun, tiada Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang dikemukakan untuk semakan Audit. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 22.

**JADUAL 22  
 PERUBAHAN KERJA TANPA ARAHAN PERUBAHAN KERJA  
 DARIPADA PEGAWAI PENGUSAHA**


BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA MENGIKUT BQ	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT	CATATAN
1.	TD Kg. Babagon, Penampang, Sabah	Bekal dan pasang 300mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	<b>Gambar 7</b> merupakan longkang separuh bulat manakala <b>Gambar 8</b> adalah longkang Cast In Situ
2.	TD Kg. Togudon, Penampang, Sabah	Bekal dan pasang 300mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
3.	TD Kg. Sumbilingon, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm	Longkang Cast In Situ	

BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA MENGIKUT BQ	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT	CATATAN
		tebal termasuk kerja-kerja penggalian		
4.	TD Kg. Melangkap, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian (Dewan & Gerai)	Longkang Cast In Situ	
5.	TD Kg. Sarang, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
6.	TD Kg. Kudar, Kota Marudu, Sabah	Membekal memasang dan menyiapkan parit konkrit bentuk U	Longkang Cast In Situ	
7.	TD Sosondoton Piasau, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
8.	TD Bazaar Sayap, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
9.	TD Layu Nahaba, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
10.	TD Kg. Gaur, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
11.	TD Tradisi Pinolobuh, Kota Belud, Sabah	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalian	Longkang Cast In Situ	
12.	TD Tradisi Lompios, Kota Belud, Sabah	1 unit Kipas Siling Kedai Runcit	Kipas Dinding	<b>Gambar 9</b> menunjukkan kipas dinding yang dipasang
13.		Membekal dan memasang 2 tandas duduk lengkap dengan lapik duduk, perangkap, tangki pembersihan serta pendakap dan paip curahan termasuk kerja berkaitan	2 Tandas cangkung	<b>Gambar 10</b> menunjukkan tandas cangkung yang dipasang
14.	TD Tradisi Pinolobuh, Kota Belud, Sabah	<i>Building work for toilet</i> <i>0.48mm thk colourbond steel roofing sheet with one layer of aluminium sisalation foil, including all necessary supports, purlins, trusses, ridge cappings, flashings, fixtures and any other necessary accessories. PVC gutter. UPVC RWDP. Serta fascia board.</i> (Kerja-kerja bumbung)	<i>Steel Roofing</i> diganti dengan bumbung slab konkrit	<b>Gambar 11</b> Menunjukkan <i>steel roofing</i> digantikan dengan slab konkrit
15.	TD Kg. Togudon, Penampang, Sabah	Membekal dan memasang 2 tandas jenis cangkung lengkap dengan sepasang pepijak dan perangkap dan disambungkan	1 Tandas Cangkung dan 1 Tandas Duduk	<b>Gambar 12</b> Menunjukkan tandas duduk yang dipasang
16.	Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud, Sabah	Membekal dan memasang 150mm diameter talang cucur atap (gutter) separuh bulat (40 meter)	Kerja-kerja tersebut tidak dilaksanakan	<b>Gambar 13</b> Menunjukkan pagar yang dipasang

BIL.	LOKASI TAMU DESA	BUTIRAN KERJA MENGIKUT BQ	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT	CATATAN
		Membekal dan memasang 225mm longkang separuh bulatan dan 75mm tebal (64 meter)	dan diganti dengan pemasangan pagar dan menyimen permukaan gabion	<b>Gambar 14</b> Menunjukkan permukaan gabion yang disimen
17.	Kg. Babagon, Penampang, Sabah	Membekal dan memasang 2 unit tandas cangkung lengkap dan sepasang pepijak dan perangkap dan disambungkan	Pemasangan 2 unit tandas duduk	<b>Gambar 15</b> Menunjukkan tandas cangkung yang digantikan dengan tandas duduk

Sumber: BQ dan Ringkasan Sebut Harga

**GAMBAR 7**



Longkang Separuh Bulat

**GAMBAR 8**



Longkang *Cast In Situ*

**GAMBAR 9**



Tamu Desa Tradisi Lompios, Kota Belud  
- Kipas Dinding Yang Dipasang  
(04.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 10**



Tamu Desa Tradisi Pinolobuh, Kota Belud  
- Tandas Cangkung Yang Dipasang  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 11**



Tamu Desa Tradisi Kg. Pinolobuh, Kota Belud  
- *Steel Roofing* Digantikan Dengan Slab Konkrit  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 12**



Tamu Desa Kg. Togudon, Penampang  
- Tandas Duduk Yang Dipasang  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 13**



Tamu Desa Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud  
- Pemasangan Pagar  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 14**



Tamu Desa Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud  
- Kerja menyimen permukaan gabion  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)



**GAMBAR 15**

Tamu Desa Kg. Babagon, Penampang  
- Tandas Cangkung digantikan dengan Tandas Duduk  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**Pendapat Audit : Pelaksanaan perubahan kerja adalah tidak teratur kerana tiada kelulusan APK dari Pegawai Penguasa. Ia juga adalah kelemahan tata kelola projek yang mengakibatkan risiko lebih bayaran sekiranya kerja yang dilaksanakan adalah bernilai lebih rendah dari kerja sebenar di kontrak.**

*BKPPK tidak menerima sebarang permohonan Arahan Perubahan Kerja (VO) daripada Pejabat Daerah, dan pengesahan kerja siap bagi perubahan tersebut telah diperakukan oleh Pejabat Daerah sendiri. Perubahan ini tidak melibatkan sebarang implikasi kos tambahan.*

### 3.2.5.9. Penyempurnaan Kerja

a. PD/PBT telah mengeluarkan SPSK walaupun kerja-kerja tidak dilaksanakan, tidak mengikut spesifikasi dan cacat.

i. Kerja-kerja Tidak Dilaksanakan

Enam (6) kerja di empat (4) Tamu Desa bernilai RM25,270.21 tidak dilaksanakan tetapi telah diperaku dan disalurkan peruntukan. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 23.

**JADUAL 23  
KERJA-KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

LOKASI TAMU DESA	SPEKIFIKASI KERJA SEPERTI DI BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN PERUNTUKAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT
<b>NEGERI SABAH</b>				
Kg. Sarang, Kota Belud	Berurusan dengan pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi permohonan mendapatkan bekalan elektrik, menjalankan kerj-kerja pengujian, penyambungan bekalan elektrik dan memula tugas pemasangan termasuk bayaran deposit meter bekalan serta bayaran perjanjian.	1,500.00	15.11.2024	Tiada penyambungan bekalan elektrik. <b>(Gambar 16)</b>
Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud	<b><u>Bilik pentadbiran/ pendaftaran</u></b> Membekal dan memasang tingkap kesmen aluminium dan kelengkapan tingkap seperti yang ditentukan termasuk memasang bingkai dan dikemasikat dengan 'Butyl mastic sealer' atau yang setara dan diluluskan	533.99	15.11.2024	Tiada pemasangan tingkap kesmen aluminium. <b>(Gambar 17)</b>
	<b><u>Tandas</u></b> Tangki air polietilena ketumpatan tinggi dengan penutup mudah dibuka bersaiz 400 gelen termasuk mengangkat dan memasang pada tempat	1,303.82		Tangki Yang Dipasang Merupakan Tangki Lama <b>(Gambar 18)</b>

**JADUAL 23**  
**KERJA-KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN**

LOKASI TAMU DESA	SPEKIFIKASI KERJA SEPERTI DI BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN PERUNTUKAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT
	Tiang tempat duduk tangki yang terdiri daripada besi termasuklah asas tiang tangki	2,000.00		Tiada tempat duduk tangki daripada besi
Kg. Pinolobu, Kota Belud	<b>Building Work For Toilet</b> 19mm x 19mm x 5mm thick vitreous unglazed non slip mosaic tiles of approved pattern and colour laid on and Including 20 mm thick 1:3 cement sand mortar and laid to fall (16M2);	1,849.60	15.11.2024	Tiada pemasangan jubin lantai dan dinding pada tandas <b>(Gambar 19)</b>
	<b>Building Work For Toilet</b> 6mm thick glazed wall tiles bedded on 20mm thick 1:3 cement sand mortar and jointed with white cement (18M2)	2,080.80		
	Berurusan dengan pihak Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi permohonan mendapatkan bekalan elektrik, menjalankan kerja-kerja pengujian, penyambungan bekalan elektrik dan memula tugas pemasangan termasuk bayaran deposit meter bekalan serta bayaran perjanjian.	1,500.00		
Kg. Babagon, Penampang	<b>Kerja-Kerja Membina Ruang Pejabat</b> Kerja-kerja pendawaian elektrik mengikut keperluan yang ditentukan oleh Pegawai Penguasa	2,500.00	15.11.2024	Lampu siling tidak dipasang. <b>(Gambar 21)</b>
Tamu Tradisi Melangkap, Kota Belud	Membekal dan memasang semua bahan, pendawaian dalaman serta mengujiterima sehingga berfungsi mengikut spesifikasi piawai JKR secara pendawaian konduit permukaan atau terbenam dengan menggunakan kabel PVK yang ditetapkan.  ii. 14 Nos Mata soket alur keluar kuasa l/d suis soket alur keluar 13A bertejabat penuh menggunakan kabel PVK: 2X2.5mm persegi l/d kabel perlindungan	2,002.00	15.11.2024	Hanya 9 Nos Mata soket alur keluar kuasa l/d suis soket alur keluar 13 A yang dipasang
<b>NEGERI SARAWAK</b>				
Bahagia Teku, Sibul	Provisional sum works Sibul Water Board (Water Supply)	10,000.00	29.10.2025	Kerja-kerja sambungan bekalan air sedang dijalankan ketika lawatan Audit. <b>(Gambar 22)</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>25,270.21</b>		

Sumber: BQ, Ringkasan Sebut Harga & Surat Penyaluran Peruntukan

**GAMBAR 16**



Tamu Desa Kg. Marak Parak, Kota Marudu  
- Tiada pemasangan meter elektrik  
(04.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 17**



Tamu Desa Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud  
- Tiada pemasangan tingkap kesmen aluminium  
(04.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)



**GAMBAR 18**

Tamu Desa Kg. Kg. Sosondoton Piasau, Kota Belud  
- Tangki Air Yang Digunakan Merupakan Tangki Air  
Lama & Tiada Tempat Duduk Tangki Yang  
Dibekalkan  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 19**



Tamu Desa Kg. Pinolobuh, Kota Belud  
- Tiada pemasangan jubin lantai dan dinding  
pada tandas  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 20**



Tamu Desa Kg. Pinolobuh, Kota Belud  
- Tiada pemasangan meter elektrik  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 21**



Tamu Desa Kg. Babagon, Penampang  
- Lampu Siling Tidak Dipasang  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 22**



Tamu Desa Bahagia Teku, Sibuloh  
- Kerja-kerja sambungan bekalan air sedang  
dijalankan  
(11.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

*Pegawai Daerah selaku Pegawai Penguasa Projek bertanggungjawab memastikan spesifikasi dan skop kerja yang terkandung dalam Bill of Quantities (BQ) telah dilaksanakan dengan sempurna sebelum mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (SPSK). Status kerja adalah seperti berikut:*

- TD Kg. Sarang, Kg. Pinolobu, Kg. Babagon dan Tamu Tradisi Melangkap – Kerja sedang dilaksanakan.
- TD Kg. Sosondoton Piasau dan Bahagia Teku – Kerja telah siap dilaksanakan.

ii. Kerja Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Spesifikasi

Empat (4) kerja di empat (4) Tamu Desa bernilai RM293,000.00 yang dilaksanakan tidak mematuhi spesifikasi telah diperaku dan disalurkan peruntukan. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 24.

**JADUAL 24  
KERJA YANG TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI**

LOKASI TAMU DESA	SPESIFIKASI KERJA SEPERTI BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN PERUNTUKAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT
<b>NEGERI SABAH</b>				
Pekan Tanginambu, Kota Belud	<b><u>Pemasangan Tiang – Lampu Jalan dan Lampu Kawasan</u></b> Membekal dan memasang semua bahan mengikut spesifikasi piawai JKR bagi Tiang keluli bergalvani rendam panas (hot dipped galvanised) tiang jenis bebibir (flanged type) sehingga 6 meter (40 set)	52,000.00	15.11.2024	Tiang lampu yang dipasang hanya 4 meter berbanding BQ adalah 6 meter. <b>(Gambar 23)</b>
Tapak Tamu, Pekan Kuala Penyu	<b><u>Kerja-Kerja Membina Meja dan Kerja Berkaitan</u></b> Membekal bahan, membina dan menyiapkan meja tapak tamu dengan	146,640.00	4.10.2024	Frame lantai meja menggunakan MS hollow berukuran 75mm x 50mm, tidak

LOKASI TAMU DESA	SPEKIFIKASI KERJA SEPERTI BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN PERUNTUKAN	SEMAKAN FIZIKAL AUDIT
	menggunakan 50mm x 50mm x 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75mm x 75mm x 1.6mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja. (78 unit)			mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. <b>(Gambar 24 dan Gambar 25)</b>
Monsoi Point, Pekan Kuala Penyu	<b>Kerja-Kerja Membina Meja dan Kerja Berkaitan</b> Membekal bahan, membina dan menyiapkan meja tapak monsoi point (bazaar) dengan menggunakan 50mm x 50mm x 1.6mm Thk MS Hollow sebagai kaki meja, 75mm x 75mm x 1.6mm Thk frame lantai meja dan lantai meja menggunakan Waterproof Plywood 12mm Thk dilapis dengan Stainless Steel Plate 0.7mm Thk termasuk kerja-kerja kimpalan dan pemasangan 'bolt plug' pada kaki meja. (20 set)	66,000.00	4.10.2024	Frame lantai meja menggunakan MS hollow berukuran 75mm x 50mm, tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. <b>(Gambar 26 dan Gambar 27)</b>
<b>NEGERI SARAWAK</b>				
Trusan, Lawas	Membekalkan bahan-bahan, peralatan, buruh, pengangkutan dan sebagainya untuk membina Perimeter Drain. (Kuantiti 93.6 meter)	28,360.80	17.07.2025	Kiraan Audit di tapak mendapati ukuran <i>Perimeter Drain</i> yang dibina adalah kurang daripada ukuran yang ditetapkan. Ukuran binaan sebenar adalah 67.5 meter. <b>(Gambar 28)</b>
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>293,000.00</b>		

Sumber: BQ, Ringkasan Sebut Harga & Surat Penyaluran Peruntukan




**GAMBAR 23**

Tamu Desa Pekan Tanginambur, Kota Belud  
 - Tiang Lampu Tidak Mencapai Ketinggian 6 Meter  
 (05.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 24**



**GAMBAR 25**



Tapak Tamu Pekan Kuala Penyu

- *Frame* lantai meja menggunakan MS hollow berukuran 75mm x 50mm, tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan (05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 26**



**GAMBAR 27**



Tapak Monsoi Point, Pekan Kuala Penyu

- *Frame* lantai meja menggunakan MS hollow berukuran 75mm x 50mm, tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan (05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)



**GAMBAR 28**

- Perimeter Drain Yang Dibina Tidak Mematuhi Ukuran Yang Ditetapkan (12.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

Status kerja adalah seperti berikut:

- TD Pekan Tanginambur – PP mencadangkan untuk menambah 8 unit tiang berukuran 6 meter bagi menggantikan baki kekurangan ukuran asal.
- TD Pekan Kuala Penyu & Monsoi Point – Kontraktor tidak mengikut spesifikasi tetapi telah menyiapkan meja melebihi pesanan.
- TD Trusan – Parit sedia ada masih dalam keadaan baik dan telah mendapat persetujuan lisan untuk melebarkan R.C. Apron Slab.

iii. Kecacatan Kerja/'Defect'

Kecacatan/'defect' berlaku terhadap lima (5) kerja yang bernilai RM70,286.60 di empat (4) Tamu Desa. Butirannya seperti dalam Jadual 25.

**JADUAL 25**  
**KECACATAN KERJA /'DEFECT'**

LOKASI TAMU DESA	SPEKIFIKASI SEPerti BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN	SEMAKAN AUDIT	FIZIKAL
<b>NEGERI SABAH</b>					
Kg. Kudar, Kota Marudu	<b>Tandas 2 Pintu</b> Kerja-kerja menyiapkan struktur bangunan tandas dua pintu. (Lump Sum)	2,500.00	4.07.2025	Bingkai pintu tandas terlalu rendah boleh menyebabkan berlaku risiko kecederaan. <b>(Gambar 29)</b> Penutup ruang siling tidak disediakan. <b>(Gambar 30)</b>	
Kg. Marak Parak, Kota Marudu	Kerja-kerja membubuh konkrit simen gred 25 pada kawasan berkaitan setebal 100mm termasuk acuan konkrit (216 M2)	43,200.00	5.09.2024	Sebahagian konkrit simen gred 25 telah pecah <b>(Gambar 31)</b>	
Kg. Gaur, Kota Belud	<i>Plasterer and Pavior</i>	5,850.00	15.11.2024	Tangga atau tanjakan (ramp) tidak kemas/tidak siap <b>(Gambar 32)</b>	
	Bekal dan pasang 225mm diameter longkang separuh bulat dan 75mm tebal termasuk kerja-kerja penggalan (64 M)	3,481.60		Longkang telah pecah <b>(Gambar 33)</b>	
Kg. Mahandoi, Penampang	Membekal dan memasang 150mm diameter talang cucur atap separuh bulat BS4576 disambung dengan bolt dan sebatian simen (solvent cement) termasuk pendakap pada jarak 900mm dari pusat ke pusat dan termasuk penutup hujung, liku, kepala air keluar termasuk kerja-kerja berkaitan (30 M)	4,200.00	20.09.2024	Pemasangan talang cucur atap tidak kemas. <b>(Gambar 34)</b>	
Tamu Desa Tradisi Melangkap, Kota Belud	<b><u>Dewan - Roof &amp; Steel Structure (Column, Beam) Roof System (TRUSS)</u></b> <i>CHS Column 101.6mm x 5mm thk. Rate to include providing of steel plate, splicer, end plate, stiffener, nut &amp; bolt, jointing</i>	11,055.00	15.11.2024	Sebatang besi yang disambung dijadikan tiang dewan. <b>(Gambar 35)</b>	

LOKASI TAMU DESA	SPEKIFIKASI SEPERTI BQ	HARGA (RM)	TARIKH PENYALURAN	SEMAKAN AUDIT	FIZIKAL
	<i>welding and any others accesories</i>				
Tamu Desa Kg Togudon, Penampang	Membekal dan memasang perangkap lantai (Floor Trap) termasuk kelengkapan berkaitan	240.00	20.09.2024	<i>Floor Trap</i> tidak berfungsi ( <b>Gambar 36</b> )	
<b>JUMLAH (RM)</b>		<b>70,286.60</b>			

Sumber: BQ, Ringkasan Sebut Harga & Surat Penyaluran Peruntukan

**GAMBAR 29**



Tamu Desa Kg. Kudar, Kota Marudu  
 - Bingkai Pintu Tandas Terlalu Rendah  
 (04.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 30**



Tamu Desa Kg. Kudar, Kota Marudu  
 - Penutup Ruang Siling Tidak Disediakan  
 (04.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 31**



Tamu Desa Kg. Marak Parak, Kota Marudu  
 - Sebahagian Lantai Konkrit Simen Gred 25 di Kawasan Terbuka Telah Pecah  
 (04.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 32**



Tamu Desa Kg. Gaur, Kota Belud  
 - Tangga Atau Tanjakan (Ramp) Tidak Kemas/Tidak Siap  
 (05.11.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 33**



Tamu Desa Kg. Gaur, Kota Belud  
- Longkang Pecah  
(05.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 34**



Tamu Desa Kg. Mahandoi, Penampang  
- Pemasangan Talang Cukur Atap Tidak Kemas  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 35**



Tamu Desa Tradisi Melangkap, Kota Belud  
- Besi Yang Disambung Dijadikan Tiang Dewan  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 36**



Tamu Desa Kg. Togudon, Penampang  
- Floor Trap Tidak Berfungsi  
(06.11.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

*Status kerja pembedulan adalah seperti berikut:*

- TD Kg. Kudar, Kg. Gaur dan Kg. Mahandoi - Kerja pembedulan sedang dilaksanakan.
- TD Kg. Marak Parak, Tradisi Melangkap dan Kg. Togudon – Kerja pembedulan selesai dilaksanakan.

**Pendapat Audit :** Kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan perakuan siap kerja oleh Pegawai Penguasa adalah tidak teratur. Terdapat kelemahan tata kelola pengurusan program ekoran kegagalan Pegawai Penguasa mematuhi prosedur pengurusan kontrak dan tatacara kewangan Kerajaan. Selain itu, butiran kerja yang tidak terperinci serta tidak ditentukan kuantiti dan kualiti menyukarkan pengesahan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Kecacatan kerja juga memberi risiko keselamatan kepada pengguna Tamu Desa.

### 3.2.5.10. Pemantauan

- a. BKPPK telah mengemukakan laporan status pelaksanaan PPPTD di setiap mesyuarat JTPK yang diadakan pada tahun 2024 dan 2025. Antara perkara yang dilaporkan adalah berkenaan jumlah peruntukan yang diluluskan, perbelanjaan sebenar serta sasaran dan pencapaian program.
- b. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada agensi pelaksana di negeri Sabah dan Sarawak telah mengemukakan laporan status pelaksanaan PPPTD setiap bulan kepada BKPPK kerana tiada rekod yang diselenggara oleh BKPPK untuk memantau penghantaran laporan tersebut.

**Pendapat Audit : Pemantauan pelaksanaan PPPTD adalah kurang cekap kerana kelemahan dalam penyimpanan dan penyenggaraan dokumen serta pelaporan status pelaksanaan program yang diterima daripada agensi pelaksana pada setiap bulan oleh BKPPK.**

*BKPPK sedang dalam tindakan penambahbaikan kaedah penerimaan laporan dan akan berkolaborasi dengan BPTM untuk membangunkan dashboard PPPTD bagi memudahkan penghantaran laporan oleh PD/PBT.*

### 3.2.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, program PPPTD telah berjaya mencapai objektifnya iaitu menyediakan/menaik taraf ruang niaga dengan infrastruktur kondusif serta akses pemasaran produk yang lebih berkesan di lokasi perniagaan. Selain itu, PPPTD juga berjaya meningkatkan sosioekonomi penduduk melalui peluang berniaga dan mewujudkan usahawan mikro baharu. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam aspek Pengurusan program seperti berikut:

- a. Pengurusan kewangan tidak teratur dimana penyaluran peruntukan PPPTD berjumlah RM1.84 juta melibatkan lapan (8) Tamu Desa telah dibuat walaupun terdapat sembilan (9) kerja bernilai RM20,697.62 masih belum disempurnakan.
- b. Pelaksanaan PPPTD adalah tidak cekap kerana terdapat 17 butiran kerja bagi 7 Tamu Desa tidak terperinci, berlaku perbezaan harga sebanyak RM1,420.00 bagi item yang sama di dua (2) lokasi yang berdekatan, sebanyak 18 perubahan kerja bagi 17 Tamu Desa tidak mendapat kelulusan PP, Sijil Pengesahan Siap Kerja telah dikeluarkan dan penyaluran peruntukan telah dibuat walaupun kerja tidak disempurnakan.

- c. Pemantauan pelaksanaan PPPTD adalah kurang cekap kerana tiada dokumen yang diselenggara bagi merekodkan penerimaan laporan status pelaksanaan PPPTD daripada agensi pelaksana pada setiap bulan oleh BKPPK.

### 3.2.7 SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif PPPTD dapat dicapai dengan lebih berkesan, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- a. BKPPK menyediakan garis panduan berkaitan pengurusan PPPTD sebagai rujukan KUSKOP dan Agensi Pelaksana;
- b. KUSKOP mengarahkan Agensi Pelaksana agar tidak melepaskan bon pelaksanaan sehingga kerja-kerja disempurnakan;
- c. KUSKOP bersama semua Agensi Pelaksana hendaklah menambahbaik *business model* program sedia ada dengan lebih komprehensif pada kadar segera supaya isu pengurusan kewangan, pelaksanaan projek dan pemantauan dapat ditangani pada projek pembangunan dibawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13);
- d. KUSKOP sebagai Pemilik Program menyediakan template BQ yang terperinci sebagai panduan kepada Agensi Pelaksana bagi memperkukuhkan proses perolehan dan pemantauan program. Selain itu, KUSKOP menetapkan supaya Agensi Pelaksana mengemukakan laporan bergambar mengikut butiran kerja bagi memastikan pengesahan kerja yang dibuat oleh Agensi Pelaksana dan penyaluran peruntukan oleh KUSKOP adalah teratur;
- e. KUSKOP mewujudkan perjawatan teknikal yang bersesuaian di BKPPK untuk menguruskan PPPTD; dan
- f. BKPPK dan Agensi Pelaksana hendaklah meningkatkan aspek tatakelola program bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kerajaan.

## 3. PENGAUDITAN PRESTASI

### 3.3 PENGAUDITAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMERKASAAN DIGITALISASI KOPERASI (CODE) DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

#### 3.3.1 LATAR BELAKANG

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 telah dibangunkan oleh KUSKOP untuk mendigitalkan operasi koperasi dan menetapkan keperluan latihan digital. Selaras dengan Teras Strategik 3 DigiKOP, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) adalah pelaksana bagi inisiatif menggalakkan penggunaan sistem pentadbiran dan pengurusan koperasi secara digital dalam operasi harian. Sehubungan itu, IKMa telah mewujudkan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE) bagi membantu koperasi melaksanakan agenda pendigitalan di peringkat operasi.

Program CODE dirancang bagi tempoh tahun 2024 dan 2025 yang bertujuan membantu koperasi melengkapkan keupayaan ekosistem digital melalui bantuan teknikal dan latihan.

Objektif dan pelaksanaan program CODE adalah seperti berikut:

1

#### Objektif Program CODE

- ✓ Memupuk koperasi yang berpotensi tinggi dalam mewujudkan koperasi yang mampan di platform digital; dan
- ✓ Mengembangkan perniagaan, pengurusan, pentadbiran dan pemasaran mengikut perkembangan teknologi terkini.

Tumpuan program CODE adalah terhadap adaptasi digital, latihan bimbingan, fokus kepada transformasi digital, jualan secara digital/promosi dan kepakaran teknologi.

2

#### Pelaksanaan Program CODE

IKMa telah melaksanakan empat perolehan khidmat tenaga pengajar, bimbingan dan material yang merangkumi empat (4) sistem utama iaitu:

- ✓ e-COMART bagi penyediaan sistem Point of Sale (POS) untuk sektor peruncitan;
- ✓ e-COTOURISM untuk sistem pengurusan tempahan hotel dan homestay;
- ✓ e-CORAHNU bagi sistem pengurusan perkhidmatan ar-Rahnu; dan
- ✓ e-COOM untuk sistem pengurusan keanggotaan koperasi secara bersepadu.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), peruntukan pembangunan yang diluluskan dan disalurkan kepada IKMa oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) di bawah Rolling Plan (RP) ke empat dan lima berjumlah RM4 juta bagi pelaksanaan program CODE. Sejumlah RM2.99 juta (85.7%) telah dibelanjakan setakat September 2025.

Bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan program CODE di IKMa adalah Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital, IKMa.

### 3.3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program CODE telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap, dan berkesan serta mematuhi kontrak dan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkuatkuasa bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu:

- i. memupuk koperasi yang berpotensi tinggi dalam mewujudkan koperasi yang mampan di platform digital; dan
- ii. mengembangkan perniagaan, pengurusan, pentadbiran dan pemasaran mengikut perkembangan teknologi terkini.

### 3.3.3 SKOP PENGAUDITAN


Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu pencapaian prestasi dan pengurusan program CODE bagi tahun 2024 hingga September 2025.



Pengauditan dijalankan di Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital (UPMITD), IKMa. Pengauditan meliputi aspek pematuhan prosedur dan terma rujukan, pelaksanaan, pembayaran, penyelenggaraan rekod dan pemantauan program CODE.

Sebanyak 40 daripada 100 koperasi telah dipilih sebagai sampel pengauditan bagi tahun 2024.

### 3.3.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 3.3.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Julai hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.3.5.1. Pencapaian Koperasi Yang Menyertai Program CODE

- IKMa telah menetapkan sasaran bilangan koperasi yang menyertai program ini sebanyak 100 koperasi iaitu 55 bagi tahun 2024 dan 45 bagi tahun 2025. Secara keseluruhannya, sebanyak 100 (100%) koperasi telah menyertai program CODE.
- Sasaran bagi tahun 2024 tidak tercapai kerana hanya sejumlah 40 (72.7%) koperasi menyertai program CODE berbanding sasaran 55 koperasi manakala bagi tahun 2025 sejumlah 60 (150%) koperasi menyertai program berbanding 45 koperasi. Penyertaan pada tahun 2024 disasarkan kepada koperasi yang terlibat dengan aktiviti pembiayaan (kredit) sahaja. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 26.

**JADUAL 26**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN PENYERTAAN KOPERASI**

TAHUN	SASARAN (BIL.) (a)	PENCAPAIAN (BIL.) (b)	PERBEZAAN (b-a)	
			BIL.	%
2024	55	40	-15	72.7
2025	45	60	15	150
<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>	<b>100</b>		

Sumber: Myprojek, ICU JPM

- c. Tiada bukti perbincangan dibuat berkaitan perubahan penetapan sasaran output program dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk dan Kerja Program CODE.


**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, pencapaian koperasi yang menyertai Program CODE adalah tercapai kecuali pada tahun 2024 kerana penglibatan ditetapkan kepada koperasi dengan aktiviti pembiayaan (kredit).**

### 3.3.5.2. Pencapaian Pelaksanaan Program CODE

- a. Hasil lawatan dan temu bual terhadap koperasi yang telah terlibat dalam program CODE tahun 2024 mendapati :
- 13/40 koperasi (32.5%) menggunakan modul CODE.
  - 26 koperasi (65%) masih belum menggunakan sistem yang dibekalkan,
  - 1 koperasi (2.5%) telah menarik diri daripada program dan telah digantikan dengan koperasi lain.

Butiran lanjut adalah seperti dalam Carta 2.

**CARTA 2  
STATUS PELAKSANAAN PROGRAM CODE OLEH KOPERASI**



Sumber: Lawatan Fizikal dan Temu bual Secara Online oleh UAD pada bulan Jun dan Julai 2025

- b. Koperasi tidak menggunakan modul CODE kerana masih menggunakan sistem sedia ada. Terdapat juga koperasi yang belum bersedia untuk bertukar dari kaedah manual ke digital.

*Koperasi yang telah menjalani latihan dan bimbingan secara menyeluruh, akan dapat menggunakan sekurang-kurangnya satu (1) modul dalam sistem yang disediakan dan dikira telah mencapai 100% pelaksanaan program selaras dengan objektif asal program. Sejumlah 16 daripada 40 koperasi telah menggunakan kesemua modul.*

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, pencapaian pelaksanaan program CODE masih rendah dimana hanya 32.5% koperasi menggunakan modul CODE. Pemilihan koperasi yang telah mempunyai sistem/aplikasi sedia ada dalam**

operasi koperasi menyebabkan koperasi mengambil masa untuk bertukar dari sistem sedia ada kepada sistem CODE.

### 3.3.5.3. Pencapaian Objektif Program CODE

- a. IKMa menetapkan koperasi yang menyertai program ini akan meningkatkan pendapatan sebanyak 10% dan menukar proses kerja dari kaedah manual kepada kaedah digital secara keseluruhannya. Satu modul dashboard bagi setiap sistem di bawah Program CODE disediakan untuk memaparkan data jualan outlet mengikut tempoh yang ditetapkan.
- b. Bagaimanapun pihak IKMa tidak membuat analisis untuk menilai peningkatan pendapatan koperasi walaupun pemantauan melalui dashboard yang telah disediakan.
- c. Hasil analisis Audit (bulan Januari dan Jun 2025) mendapati:
  - e-COMART - 2 koperasi (20%) mencatat peningkatan jualan; dan
  - 8 koperasi (80%) yang lain tidak mencatat peningkatan jualan sekurang-kurangnya sebanyak 10%.
  - e-COTOURISM - tiada koperasi mencatat peningkatan jualan.

*Tempoh pengauditan yang dijalankan adalah terlalu singkat untuk menilai impak sebenar peningkatan pendapatan, memandangkan program ini merupakan inisiatif pembangunan kapasiti dan transformasi digital yang kesannya bersifat jangka sederhana dan panjang. Indikator keberhasilan program pembangunan lazimnya tidak dapat dinilai secara menyeluruh dalam tempoh kontrak awal, khususnya bagi perubahan laku operasi, adaptasi sistem dan pematangan model perniagaan koperasi.*

*Untuk menilai pencapaian outcome Program CODE ianya perlu mengambil kira faktor bermusim, tempoh adaptasi koperasi terhadap sistem digital serta trend prestasi keseluruhan. Penilaian pencapaian program pendigitalan adalah lebih wajar dilaksanakan berdasarkan analisis trend jangka sederhana dan panjang..*

### 3.3.5.4. Pencapaian Perubahan Proses Kerja

- a. Berdasarkan lawatan audit dan temubual dengan koperasi yang terlibat, pihak audit mendapati :
  - Hanya 32 daripada 40 (80%) koperasi telah berubah proses kerja daripada manual kepada kaedah digital.
  - Koperasi yang menerima sistem e-COMART, e-CORAHNU dan 8 koperasi yang menerima sistem e-COOM telah mempunyai sistem digital sedia ada.

- Dua koperasi daripada 10 (20%) yang menerima sistem e-COOM dan tiga daripada 10 (30%) koperasi yang menerima sistem e-COTOURISM beralih daripada manual kepada keadah digital.
  - Baki 7 koperasi (70%) e-COTOURISM masih belum beralih sepenuhnya daripada manual ke kaedah digital.
- b. Secara keseluruhannya, hanya 5 daripada 40 (12.5%) koperasi yang berubah sepenuhnya proses kerja daripada kaedah manual kepada digital kerana kriteria pemilihan koperasi tidak mengambil kira keperluan sebenar tahap digital koperasi selaras dengan objektif program.

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, objektif program CODE tidak tercapai kerana hanya 20% koperasi e-COMART mencatat peningkatan pendapatan sekurang-kurangnya 10% dan tiada koperasi e-COTOURISM mencatat peningkatan pendapatan. Selain itu, hanya 12.5% koperasi berubah proses kerja dari manual kepada digital.**

*Pelaksanaan program ini dilaksanakan secara berperingkat. Hasil daripada latihan dan bimbingan yang dilaksanakan mendapati bahawa terdapat koperasi yang memerlukan perubahan dengan menaik taraf sistem sedia ada (outdated) untuk memberikan perkhidmatan yang lebih mesra anggota dan pelanggan.*

*Bagi koperasi yang belum beralih ke arah digital sepenuhnya, walaupun selepas latihan dan bimbingan diberikan keadaan tersebut dipengaruhi oleh tahap kesediaan dan tempoh adaptasi setiap koperasi tersebut. Walau bagaimanapun, pihak IKMa akan memperkukuhkan sokongan pelaksanaan serta menambah baik kriteria pemilihan koperasi.*

### 3.3.5.5. Prestasi Kewangan

- a. Setakat 30 September 2025, sejumlah RM2,999,890 (85.7%) telah dibelanjakan untuk program CODE. Sejumlah RM1,997,263 telah dibelanjakan bagi pelaksanaan program CODE tahun 2024 dan sejumlah RM1,002,627 bagi tahun 2025. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 27.

**JADUAL 27**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM CODE**  
**SEHINGGA SEPTEMBER 2025**

TAHUN	PERUNTUKAN		BAKI PERUNTUKAN (RM)	PERATUS (%)
	DITERIMA (RM)	DIBELANJA (RM)		
	(a)	(b)	(a) – (b)	[(b)/(a)x100]
2024 (RP4)	2,000,000	1,997,263	2,737	99.9
2025 (RP5)	1,500,000	1,002,627	497,373	66.8
<b>JUMLAH</b>	<b>3,500,000</b>	<b>2,999,890</b>	<b>500,110</b>	<b>85.7</b>

Sumber : Penyata Penerimaan Dan Perbelanjaan RP4 dan RP5 Program CODE

- b. Perbelanjaan program CODE bagi tahun 2024 hingga Disember 2025 telah dibelanjakan seperti berikut:
- RM2,827,422 - perolehan perkhidmatan (jumlah harga kontrak adalah termasuk kos tenaga pengajar, kos material, kos pembangunan platform digital, kos perjalanan, kos makan dan penginapan tenaga pengajar dan peserta koperasi).
  - RM25,752 - tuntutan perjalanan pegawai IKMa bagi tujuan pemantauan.
- c. Terdapat dua bayaran dibuat di luar skop program. Bayaran tersebut adalah penganjuran Seminar Memperkasa Digitalisasi dan Majlis Apresiasi sejumlah RM146,716 dan kos perjalanan, makan minum dan penginapan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) pihak pembekal (KoIKMA) sejumlah RM7,819. Kos perjalanan, makan minum dan penginapan ALK KoIKMA adalah untuk tujuan lawatan ke koperasi yang menerima program CODE. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 28.

**JADUAL 28**  
**PERBELANJAAN DI LUAR SKOP PROGRAM CODE**

BIL.	NO./TARIKH BAUCAR BAYARAN	PERIHAL BAYARAN/ PERBELANJAAN	JUMLAH (RM)
1.	TB	Seminar Memperkasa Digitalisasi Koperasi dan Majlis Apresiasi	146,716
<b>JUMLAH</b>			<b>146,716</b>
<b>Perbelanjaan Kereta, Tol dan Minyak Lawatan Ke Koperasi Program CODE 2024 Bagi Ahli Lembaga Koperasi KoIKMA</b>			
2.	P24-005512/ 12.09.2024	PPT UPMITD Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Program CODE – Ogos 2024	208
3.	P24-006349/ 24.10.2024	Pengarah UPMITD Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Program CODE – September 2024	1,002
4.	P24-006215/ 17.10.2024	PPT UPMITD Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Program CODE – September 2024	310
5.	P24-006722/ 12.11.2024	Pengarah UPMITD Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri Program CODE – Oktober 2024	2,931
6.	TB	PPT UPMITD Program e-COTOURISM pada 26 – 29.08.2024	1,219
7.	TB	PPT UPMITD Program e-COMART pada 02 – 05.09.2024	408
8.	TB	Pengarah UPMITD dan PPT UPMITD Program e-COMART pada 30.09.2024 – 03.10.2024	895
9.	TB	PPT UPMITD Program e-COTOURISM pada 23 – 26.09.2024	674
10.	TB	TKP PMI dan Pengarah UPMITD Program e-COMART pada 07 – 10.10.2024	172
<b>JUMLAH</b>			<b>7,819</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>154,535</b>

Sumber : Penyata Penerimaan dan Perbelanjaan RP4 Program CODE

Nota : TKP – Timbalan Ketua Pengarah

PPT – Penolong Pegawai Tadbir

PMI – Pembangunan Modal Insan

UPMITD - Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital

*Penganjuran Seminar Memperkasa Digitalisasi Koperasi dan Majlis Apresiasi dilaksanakan sebagai aktiviti sokongan bagi memperkukuh pelaksanaan, pemantauan dan keberkesanan Program CODE. Lawatan pegawai IKMa ke koperasi terlibat adalah bertujuan memastikan pelaksanaan Program CODE diselaraskan, dipantau dan disempurnakan dengan baik serta teratur di peringkat lapangan.*

*Tuntutan perjalanan yang dikemukakan adalah selaras dengan fungsi dan kapasiti Unit Pembangunan Modal Insan dan Transformasi Digital (UPMITD) selaku unit yang menyelia pelaksanaan Program CODE di bawah pemantauan Pejabat TKPPMI.*

*IKMa tidak membiayai sebarang kos perjalanan pihak pembekal, memandangkan sesi pemantauan tersebut turut dihadiri oleh pihak pembekal dan dibiayai sepenuhnya oleh pihak pembekal sendiri.*

### 3.3.5.6. Perolehan Dolaksanakan Secara Pecah Kecil

- a. Pihak IKMa telah melaksanakan lapan perolehan khidmat tenaga pengajar, bimbingan dan material bagi Program CODE yang bernilai RM3.73 juta melalui kaedah sebut harga. Perolehan bagi maksud dan tempoh yang sama tetapi dilaksanakan secara berasingan adalah perolehan secara pecah kecil.
- b. Sebanyak enam kontrak telah ditawarkan kepada pembekal yang sama masing-masing empat kontrak bernilai RM1.83 juta pada tahun 2024 dan dua kontrak bernilai RM974,400 pada tahun 2025. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 29.

**JADUAL 29  
KONTRAK PEROLEHAN BAGI PROGRAM CODE**

SEBUT HARGA	NAMA PEMBEKAL	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)	
<b>TAHUN 2024</b>				
Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material Cooperative Digital Empowerment (CODE)	e-COMART No. Sebut harga: IKMa/Bil. 01/2024	Koperasi Warga Institut Koperasi Malaysia Berhad	25.03.2024 hingga 24.03.2025	440,000
	e-COTOURISM No. Sebut harga: IKMa/Bil. 04/2024		465,000	
	e-CORAHNU No. Sebut harga: IKMa/Bil. 03/2024		495,000	
	e-COOM No. Sebut harga: IKMa/Bil. 02/2024		425,000	
	<b>JUMLAH</b>			<b>1,825,000</b>
<b>TAHUN 2025</b>				
e-COMART No. Sebut harga: IKMa/Bil. 04/2025	Alphront Sdn. Bhd.	25.03.2025 hingga	447,243	

**JADUAL 29**  
**KONTRAK PEROLEHAN BAGI PROGRAM CODE**

SEBUT HARGA		NAMA PEMBEKAL	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM)
	e-COTOURISM No. Sebut harga: Tiada Maklumat	Litera Learn Resources Sdn. Bhd.	24.03.2026	486,000
	e-CORAHNU No. Sebut harga: IKMa/Bil. 20/2024	Koperasi Warga Institut Koperasi Malaysia Berhad		499,500
	e-COOM No. Sebut harga: IKMa/Bil. 21/2024			474,900
<b>JUMLAH</b>				<b>1,907,643</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>3,732,643</b>

Sumber: Dokumen Kontrak Program CODE

- c. Pihak IKMa juga telah melaksanakan perolehan sebut harga melibatkan skop bekalan dan perkhidmatan bagi tiga program yang sama pada tahun 2021 dan 2022 dan telah ditawarkan kepada penyebut harga yang sama seperti dalam Jadual 30.

**JADUAL 30**  
**PEROLEHAN KHIDMAT TENAGA PENGAJAR DAN MATERIAL PROGRAM COOPERATIVE DIGITALISATION EMPOWERMENT (CODE) PADA TAHUN 2021 DAN 2022**

BIL.	NO. SEBUT HARGA	PROGRAM	PENYEBUT HARGA YANG BERJAYA	JUMLAH KONTRAK (RM)	TEMPOH
<b>TAHUN 2021</b>					
1.	IKM/BIL. 29/2021	e-COOM-CODE 25 Koperasi Seluruh Malaysia	Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia Berhad	131,250	20.12.2021 hingga 19.03.2022 (3 bulan)
2.	IKM/BIL. 30/2021	e-Tourism-(CODE) 30 Koperasi Seluruh Malaysia		428,700	20.12.2021 hingga 19.06.2022 (6 bulan)
<b>TAHUN 2022</b>					
3.	IKMA/BIL. 19/2022	e-RUNDINGAN Koperasi Ar Rahnu (CODE TeKAD) 20 Koperasi Seluruh Malaysia	Koperasi Warga Institut Koperasi Malaysia Berhad	493,000	10.10.2022 - 09.04.2023 (6 bulan)
4.	IKMA/BIL. 20/2022	e-COMM-CODE 20 Koperasi Seluruh Malaysia		379,000	10.10.2022 - 09.04.2023 (6 bulan)

Nota : Institut Koperasi Malaysia sebelum ini dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia

- d. Amalan pecah kecil perolehan disebabkan oleh pihak IKMa tidak merancang perolehan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan dan peraturan perolehan semasa.

### 3.3.5.7. Pemilihan Pembekal Tidak Mengikut Keputusan Jawatankuasa Penilaian

- a. Pihak IKMA tidak melaksanakan penilaian dua peringkat seperti yang ditetapkan. Kod bidang bagi sebut harga Program CODE tidak tersenarai sebagai kod bidang yang dibenarkan bagi penilaian satu peringkat. Selain itu, sebut harga program CODE melibatkan perolehan yang bersifat rumit kerana memerlukan kepakaran dalam latihan teknologi maklumat dan pengurusan sistem.
- b. Markah lulus bagi penilaian teknikal adalah tidak ditetapkan. Jawatankuasa Penilaian Teknikal telah melaksanakan proses penilaian berdasarkan dokumen yang dikemukakan dan mengesyorkan pembekal yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi setiap perolehan. Jawatankuasa Teknikal telah mengesyorkan syarikat Oceanmax Datacomms Sdn Bhd bagi e-COMART, syarikat Litera Learn Resources Sdn Bhd bagi e-CORAHNU dan e-COTOURISM. Tiada pengesyoran dibuat bagi e-COOM kerana maklumat yang dibekalkan tidak lengkap.
- c. Jawatankuasa Sebut Harga telah meluluskan perolehan program CODE kepada Koperasi Warga Institut Koperasi Malaysia Berhad (KoIKMA) walaupun tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sebut Harga dan tidak menawarkan harga terendah. Tiada justifikasi penolakan pengesyoran Jawatankuasa Teknikal Sebut Harga dan asas pemilihan penyebut harga yang diminatkan dalam mesyuarat tersebut.

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, pengurusan perolehan program CODE adalah tidak teratur dimana terdapat ketidakpatuhan serius terhadap peraturan kerajaan serta melanggar prinsip integriti perolehan. Ini kerana perolehan dilaksanakan secara pecah kecil dan pembekal yang dilantik adalah tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Sebut Harga.**

*Pihak urusetia kewangan telah mendapatkan pandangan daripada MOF dan maklum balas yang diterima daripada pihak MOF memadai dengan hanya menggunakan kod bidang 221110 dan tidak perlu menggunakan 2 sampul berikutan perolehan ini hanya melibatkan langganan (subscription) penggunaan sistem sedia ada dan bukan pembangunan atau pengubahsuaian sistem teknologi maklumat.*

*Semasa pertimbangan dan kelulusan perolehan Program CODE, Timbalan Ketua Pengarah PMI telah berkecuali dan tidak terlibat dalam perbincangan serta keputusan berkaitan perolehan tersebut. Jawatankuasa Sebut Harga mempertimbangkan pemilihan KOIKMa berdasarkan pengalaman KOIKMa yang pernah melaksanakan latihan dan bimbingan Program CODE.*

*Walau bagaimanapun pihak IKMa mengambil maklum saranan audit dan akan menyemak prosedur perolehan dari semasa ke semasa.*

### 3.3.5.8. Kelemahan Terma Perjanjian

- a. Tiada klausa berkaitan larangan membuat sub-kontrak atau penyerahan hak sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa dimasukkan dalam empat dokumen perjanjian perolehan Program CODE.
- b. Pihak KoIKMA telah membuat representasi bahawa mereka mempunyai kepakaran dalam memberikan perkhidmatan yang diperlukan dalam perolehan ini. Namun demikian, pihak Audit mendapati KoIKMA telah melantik pihak ketiga (sub-kontrak) untuk melaksanakan perkhidmatan dan bekalan perolehan Program CODE bagi pihak mereka. Butiran mengenai pelantikan pihak ketiga adalah seperti dalam Jadual 31.

**JADUAL 31**  
**PIHAK KETIGA YANG MELAKSANAKAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**  
**PROGRAM CODE**

SEBUT HARGA		PIHAK KETIGA (SUB-KONTRAK)	CATATAN
Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> CODE	e-COMART	Gross Synergy Sdn Bhd	
	e-COTOURISM	ALM Core Solutions Sdn Bhd	Penyebut harga 3/3.
	e-CORAHNU	Litera Learn Resources Sdn Bhd	Penyebut harga 2/2 yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.
	e-COOM	Litera Learn Resources Sdn Bhd	Penyebut harga 2/2 yang disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

Sumber : Lawatan Fizikal dan Laporan Pelaksanaan Program CODE

- c. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat mengesahkan spesifikasi kerja yang dilaksanakan dan jumlah bayaran yang dibayar kepada sub-kontraktor kerana perjanjian antara KOIKMA dan syarikat tersebut tidak dikemukakan untuk semakan Audit.

*Pihak IKMa mengambil maklum perkara tersebut dan akan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan.*

### 3.3.5.9. Bayaran Dibuat Untuk Perkhidmatan Yang Tidak Diterima

- a. Bilangan Latihan Tidak Mencukupi
  - i. Pihak pembekal hanya melaksanakan latihan selama 2 hari sahaja berbanding 7 hari bagi perolehan program CODE e-COTOURISM yang melibatkan modul Hotel Management dan Landing Page Management kepada 10 koperasi yang terlibat. Latihan

bagi 4 modul iaitu e-Marketplace Management, Mobile Apps Management, Facebook dan TikTok Marketing dan Manage TV Airtime for Promotions tidak dilaksanakan.

- ii. Pihak IKMa telah membuat pembayaran sepenuhnya berjumlah RM93,000 melalui baucar bayaran P24-007058 bertarikh 22.11.2024 bagi perkhidmatan ini.
- iii. Pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah terlebih bayar yang sebenar kerana jadual butiran pembayaran yang disediakan dalam dokumen perjanjian tidak dibuat secara terperinci bagi setiap latihan.

*Pelaksanaan latihan bagi Modul Manage TV Airtime for Promotions, telah dibuat melalui penggantian kepada Google Business Profile, dengan pendekatan pelaksanaan disesuaikan berdasarkan tahap kesiediaan koperasi. Bagi tujuan promosi dan visibility pihak urusetia mendapati Google Business Profile lebih sesuai dilaksanakan berbanding pelaksanaan modul Manage TV Airtime for Promotions. Walau bagaimanapun, pihak IKMa mengambil maklum saranan audit pada masa akan datang khususnya berkaitan dengan spesifikasi.*

b. Laporan Impak Tidak Disediakan

- i. Pihak pembekal masih belum mengemukakan laporan impak program CODE kepada IKMa. Bagaimanapun, pihak IKMa telah melaksanakan bayaran Fasa 4 dan bayaran akhir (Full Report – Complete) berjumlah RM324,000 bagi sistem e-COMART, e-TOURISM dan e-CORAHNU kepada pihak pembekal.
- ii. Pihak pembekal telah mengemukakan laporan bagi pelaksanaan Fasa 4. Bagaimanapun, laporan tersebut hanya mengandungi laporan modul dan fungsi dashboard sistem CODE manakala laporan pemantauan prestasi dan kesan program tidak disediakan.

*Laporan impak yang dimaksudkan adalah merujuk kepada Dashboard, di mana IKMa dapat memantau prestasi setiap koperasi di bawah program CODE. Walau bagaimanapun, pihak IKMa mengambil maklum saranan audit dan akan membuat penambahbaikan pada masa akan datang.*

c. Pemilihan Koperasi

- i. Pemilihan koperasi telah dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK) program CODE Bilangan 2 dan 3 yang dipengerusikan oleh Pengarah Kanan, Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan IKMa.

- ii. Bayaran bagi Fasa 1 (Mobilisasi) sejumlah RM365,000 telah dibayar sepenuhnya kepada pembekal seperti dalam dokumen perjanjian. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 32.

**JADUAL 32**  
**BAYARAN FASA 1 (MOBILISASI) PROGRAM CODE KEPADA PEMBEKAL**

BIL.	DOKUMEN BAYARAN	SISTEM	AMAUN (RM)
1.	P24-003740 06.08.2024	e-COMART	88,000
2.	P24-003742 06.08.2024	e-COTOURISM	93,000
3.	P24-003741 05.07.2024	e-COOM	85,000
4.	P24-005450/P24-006283 06.08.2024/29.10.2024	e-CORAHNU	99,000
<b>JUMLAH</b>			<b>365,000</b>

Sumber: Baucar Bayaran

- iii. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan jumlah bayaran sebenar yang telah dijelaskan oleh IKMa kepada pembekal bagi proses pemilihan koperasi dan dokumentasi kerana tiada perincian butiran bayaran Fasa 1 yang dinyatakan dalam kontrak dan invoice pembekal.

*Kriteria asal dibangunkan oleh IKMa berdasarkan data sekunder yang diperolehi (laporan tahunan, pengisian borang permohonan penyertaan). Pihak pembekal perlu mengesahkan kriteria yang dibangunkan berdasarkan kesesuaian program dan menyediakan laporan pemilihan koperasi keseluruhan.*

### 3.3.5.10. Bon Pelaksanaan

- a. Berdasarkan kontrak, pihak syarikat perlu melaksanakan perkhidmatan Subscription Performance and Reporting Dashboard, menyediakan pemantauan dan latihan semula berterusan selama dua tahun, serta menghasilkan laporan berkala dan laporan impak untuk pelaporan rasmi kepada Kementerian sehingga 24 Mac 2026.
- b. Bagaimanapun, tempoh sah laku 4 jaminan insurans bagi bon pelaksanaan perolehan Program CODE tidak meliputi sehingga 12 bulan selepas tarikh obligasi terakhir. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 33.

**JADUAL 33**  
**BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI SEHINGGA 12 BULAN SELEPAS OBLIGASI TERAKHIR**

BIL.	KONTRAK	JAMINAN BON PELAKSANAAN		TARIKH AKHIR OBLIGASI	TEMPOH JAMINAN YANG SEPATUTNYA
		NO. GERENTI/ JUMLAH	TEMPOH JAMINAN		
1.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital</i>	HY724H000410/ RM11,000	25.03.2024 hingga 24.03.2026	24.03.2026	25.03.2024 hingga 24.03.2027

**JADUAL 33**  
**BON PELAKSANAAN TIDAK MELIPUTI SEHINGGA 12 BULAN SELEPAS OBLIGASI TERAKHIR**

BIL.	KONTRAK	JAMINAN BON PELAKSANAAN		TARIKH AKHIR OBLIGASI	TEMPOH JAMINAN YANG SEPATUTNYA
		NO. GERENTI/ JUMLAH	TEMPOH JAMINAN		
	<i>Empowerment</i> Digitalisasi (CODE e-COMART) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia				
2.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> (CODE e-COOM) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	HY724H000411/ RM10,625	25.03.2024 hingga 24.03.2026	24.03.2026	25.03.2024 hingga 24.03.2027
3.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> Digitalisasi (CODE e-CORAHNU) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	HY724H000412/ RM12,375	25.03.2024 hingga 24.03.2026	24.03.2026	25.03.2024 hingga 24.03.2027
4.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> Sektor Pelancongan (CODE e-COTOURISM) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	HY724H000409/ RM11,625	25.03.2024 hingga 24.03.2026	24.03.2026	25.03.2024 hingga 24.03.2027

Sumber : Jaminan Insuran Untuk Bon Pelaksanaan

*Pihak IKMa mengambil maklum dapatan audit dan bon pelaksanaan yang berkuat kuasa sehingga 24 Mac 2026 telah meliputi tempoh 12 bulan selepas tarikh obligasi terakhir kontrak.*

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, pengurusan kontrak program CODE adalah tidak teratur dimana terdapat kelemahan terma perjanjian dan pengurusan bon pelaksanaan. Kelemahan ini menyebabkan terdapat skop kerja seperti latihan, penyediaan laporan impak dan pemilihan koperasi tidak dilaksanakan sebagaimana terma kontrak walaupun bayaran penuh telah dilaksanakan.**

### 3.3.5.11. Tatakelola Pengurusan Program CODE

- a. Dua orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) syarikat pembekal (KoIKMA) yang juga pegawai IKMa telah terlibat secara langsung dalam penyediaan spesifikasi perolehan Program CODE. Butiran mengenai penglibatan ALK pihak pembekal dalam Jawatankuasa Spesifikasi Program CODE adalah seperti dalam Jadual 34.

**JADUAL 34**  
**PENGLIBATAN AHLI LEMBAGA KOPERASI PEMBEKAL DALAM**  
**JAWATANKUASA SPESIFIKASI PROGRAM CODE**

BIL.	NAMA PEROLEHAN	NAMA ALK	PERANAN DALAM JK
1.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> (CODE e-COMART) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	Pengarah UPMITD	Pengerusi
		Pengarah BKP	Ahli
2.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> (CODE e-COTOURISM) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	Pengarah UPMITD	Pengerusi
		Pengarah BKP	Ahli
3.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> (CODE e-CORAHNU) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	Pengarah UPMITD	Pengerusi
		Pengarah BKP	Ahli
4.	Perolehan Khidmat Tenaga Pengajar, Bimbingan Dan Material <i>Cooperative Digital Empowerment</i> (CODE e-COOM) Bagi 10 Koperasi Seluruh Malaysia	Pengarah UPMITD	Pengerusi
		Pengarah BKP	Ahli

Sumber : Nota Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Program CODE, Senarai Anggota Lembaga KoIKMA Tahun 2024/2025

- b. Enam orang pegawai IKMa yang juga merupakan ahli Koperasi KoIKMA (Pengerusi, Bendahari dan Lembaga) selaku pembekal perolehan tersebut telah terlibat secara langsung dalam perolehan ini.
- c. Dua orang ALK KoIKMA terlibat sebagai pengesah perakuan pesanan tempatan dan pengesah baucar bayaran bagi pelaksanaan projek dan telah mengesahkan sejumlah RM1.46 juta bayaran pada tahun 2024.
- d. Tiada pengisytiharan kepentingan dan penarikan diri secara bertulis dibuat daripada menguruskan perolehan ini.
- e. Keseluruhannya, enam orang pegawai pembekal turut terlibat dalam Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 35.

**JADUAL 35**  
**KEDUDUKAN JAWATAN DALAM SYARIKAT PEMBEKAL (KoIKMa) DAN**  
**JAWATANKUASA PEROLEHAN PROGRAM CODE**

BIL.	PEGAWAI	JAWATAN DALAM KoIKMa	IKMa			
			JAWATANKUASA SPESIFIKASI	JAWATANKUASA SEBUT HARGA	JKI	JKK
1.	Pengarah BKP	Lembaga	YA	TB	TB	TB
2.	Pengarah UPMITD	Lembaga	YA	TB	YA	YA
3.	TKP PMI	Pengerusi	TB	YA	YA	TB
4.	Pengarah Kanan BPPK	Naib Pengerusi	TB	TB	TB	YA

**JADUAL 35  
KEDUDUKAN JAWATAN DALAM SYARIKAT PEMBEKAL (KoIKMa) DAN  
JAWATANKUASA PEROLEHAN PROGRAM CODE**

BIL.	PEGAWAI	JAWATAN DALAM KoIKMa	IKMa			
			JAWATANKUASA SPESIFIKASI	JAWATANKUASA SEBUT HARGA	JKI	JKK
5.	Pengarah PKA	Bendahari	TB	TB	TB	YA
6.	PPT UPMITD	Lembaga	TB	TB	TB	YA

Sumber: Senarai Anggota Lembaga KoIKMa Tahun 2024/2025

Nota : JKI (Jawatankuasa Induk)

JKK (Jawatankuasa Kerja)

TB – Tidak Berkaitan/Tidak Terlibat

TKP – Timbalan Ketua Pengarah

PPT – Penolong Pegawai Tadbir

PMI – Pembangunan Modal Insan

UPMITD - Unit Pembangunan Modal Insan & Transformasi Digital

BKP - Bahagian Keusahawanan & Perniagaan

BPPK - Bahagian Pembangunan & Perundingan Koperasi

PKA – Pusat Kewangan & Akaun

**Pendapat Audit :** Penglibatan pembekal secara langsung dalam tatakelola pelaksanaan program CODE adalah bercanggah dengan peraturan kerajaan dan menjejaskan integriti perolehan serta mewujudkan konflik kepentingan. Pegawai pembekal juga gagal untuk mengistiharkan kepentingan mereka dalam perolehan tersebut.

*Penglibatan 5 pegawai adalah berdasarkan fungsi & kepakaran teknikal. Program CODE berada di bawah pemantauan Timbalan Ketua Pengarah PMI.*

*Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Khas Bil. 2/2024 (21 Mac 2024) membincangkan 6 perolehan termasuk Program CODE. Bagi mengelakkan konflik kepentingan, Timbalan Ketua Pengarah PMI tidak terlibat semasa pemilihan pembekal dalam mesyuarat tersebut. Kelulusan perolehan & pembayaran dikemukakan melalui Jawatankuasa Kerja Pelaksana, bukan secara individu atau pihak berkepentingan. Semua tindakan adalah mengikut mekanisme tadbir urus yang ditetapkan.*

### 3.3.5.12. Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja

- Jawatankuasa Induk (JKI) hanya bermesyuarat sekali iaitu pada 9 Mei 2024 berbanding sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Jawatankuasa Kerja bermesyuarat sebanyak 8 kali sepanjang tempoh pelaksanaan Program CODE tahun 2024. Semua urusan pelaksanaan dan pemantauan hanya dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja (JKK).
- Tiada bukti pemantauan terhadap status penggunaan sistem Program CODE oleh koperasi dilaksanakan melalui dashboard yang telah disediakan.

Pihak IKMa mengambil maklum berhubung kekerapan mesyuarat JKI yang telah diadakan sekali sahaja pada 9 Mei 2024. Pihak IKMa akan memastikan kekerapan mesyuarat JKI diperkukuh selaras dengan terma rujukan yang ditetapkan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus dan pemantauan program pada masa hadapan. Pemantauan terhadap status latihan dan bimbingan Program CODE dilaksanakan di peringkat JKK Program CODE.

### 3.3.5.13. Perbandingan Rekod Myprojek dan Entrepreneur Programme Monitoring System (EPMS)

- a. Terdapat perbezaan maklumat yang dikunci masuk ke ePMS berbanding maklumat dalam Myprojek ICU JPM. Butiran lanjutan seperti dalam Jadual 36.

**JADUAL 36**  
**MAKLUMAT PROGRAM CODE DALAM EPMS DAN MYPROJEK**

BIL.	PERIHAL	MYPROJEK	EPMS
1.	Skop program	i. Pakej Latihan dan bimbingan melibatkan penggunaan sistem, penggunaan pangkalan data koperasi, penggunaan platform dan ii. Lesen sistem	Latihan : Program dilaksanakan secara bersemuka, dalam talian dan hybrid. Program melibatkan aktiviti turun padang, coaching dan monitoring, hands on dan pemantauan.
2.	Output	100 koperasi	4000 ahli koperasi
3.	Outcome	10% peningkatan pendapatan 100% perubahan proses kerja dari kaedah manual kepada kaedah digital	70% koperasi daripada jumlah koperasi yang terlibat dengan bengkel/bimbingan secara bersasar mencapai salah satu daripada perkara berikut iaitu peningkatan kecekapan pengurusan, peningkatan pendapatan atau penjimatan kos.

Sumber : Myprojek dan EPMS

- b. Analisis Audit mendapati perbezaan maklumat seperti berikut :
- Skop program - Myprojek merekodkan apa yang akan dibekalkan (produk) manakala ePMS merekodkan bagaimana program dilaksanakan (proses).
  - Output - Myprojek merekodkan penerima pada peringkat koperasi manakala ePMS merekodkan penerima di peringkat individu.
  - Outcome - Myprojek menetapkan sasaran yang lebih tinggi dan wajib iaitu 100% peralihan digital manakala ePMS menetapkan sasaran yang lebih fleksibel iaitu 70% dan membenarkan pencapaian salah satu daripada tiga peningkatan.

*Perbezaan disebabkan oleh kaedah pelaporan, masa kemas kini dan takrif indikator yang berbeza antara sistem dan bukan disebabkan oleh ketiadaan pemantauan. IKMa mengambil maklum teguran Audit dan akan melaksanakan penambahbaikan penyelarasan data antara MyProjek dan ePMS.*

**Pendapat Audit : Pemantauan program CODE adalah kurang cekap kerana pemantauan pelaksanaan program hanya dilaksanakan di peringkat**

**Jawatankuasa Kerja. Selain itu, terdapat perbezaan maklumat antara sistem MyProjek dan EPMS yang menjejaskan integriti data dan menyukarkan penilaian prestasi program.**

### **3.3.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

- a. Secara keseluruhannya, program CODE telah dilaksanakan di semua koperasi yang terpilih. Pelaksanaan dan penggunaan CODE oleh koperasi adalah masih rendah (32.5%) dan kedua-dua objektif CODE masih belum tercapai.
- b. Dari aspek pengurusan perolehan dan pengurusan kontrak pula adalah tidak teratur dimana perolehan dilaksanakan secara pecah kecil, pemilihan pembekal tidak mengikut pengesyoran Jawatankuasa Penilai dan kelemahan terma perjanjian sehingga menyebabkan bayaran dibuat bagi perkhidmatan yang tidak diterima. Seterusnya, tatakelola pengurusan CODE adalah bercanggah dengan peraturan kerajaan di mana pihak pembekal terlibat secara langsung dalam pengurusan program.
- c. Selain itu, pemantauan program adalah kurang cekap kerana pemantauan hanya dilaksanakan di peringkat Jawatankuasa Kerja berbanding Jawatankuasa Induk dan tiada pemantauan terhadap status penggunaan sistem oleh koperasi. Terdapat juga perbezaan maklumat antara sistem MyProjek dan EPMS yang menjejaskan integriti data dan menyukarkan penilaian prestasi program.

### **3.3.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak yang terlibat untuk mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

- a. Pihak IKMa hendaklah membuat perancangan yang lebih teratur dalam penetapan sasaran pelaksanaan dan objektif program. Sebarang perubahan atau ketidakcapaian sasaran hendaklah dibincangkan dalam mesyuarat jawatankuasa berkenaan dan justifikasi serta keputusan berkaitan perubahan sasaran program hendaklah direkodkan dan diminitkan dengan jelas;
- b. Pihak IKMa hendaklah lebih telus dalam melaksanakan proses perolehan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan serta mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan dalam pekeliling/peraturan yang berkuat kuasa;

- c. Pihak IKMa perlu memastikan semua perbelanjaan di bawah peruntukan pembangunan adalah selaras dengan skop program yang telah diluluskan dan pembayaran hanya dibuat selepas perkhidmatan disempurnakan mengikut terma perjanjian; dan
- d. Pihak IKMa hendaklah meningkatkan pemantauan pelaksanaan program bagi memastikan objektif program tercapai, pelaporan yang tepat dan konsisten kepada pihak KUSKOP dan Kementerian Ekonomi.

## 3. PENGAUDITAN PRESTASI

### 3.4 PENGAUDITAN PELAKSANAAN PROGRAM MALAYSIAN ENTREPRENEUR HUB (MEH) DI UDA HOLDINGS BERHAD

#### 3.4.1 LATAR BELAKANG

Program Malaysian Entrepreneur Hub (MEH) merupakan salah satu program di bawah Program Pembangunan Infrastruktur Keusahawanan yang diuruskan oleh UDA Holdings. Komponen program adalah seperti dalam Rajah 2.

**RAJAH 2**  
**PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KEUSAHAWANAN**




Sumber : MyProjek, ICU JPM

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), peruntukan pembangunan yang diluluskan dan disalurkan kepada UDA oleh KUSKOP di bawah Rolling Plan Ketiga berjumlah RM30 juta untuk keseluruhan Program Pembangunan Infrastruktur Usahawan. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM18.50 juta diperuntukan kepada program MEH.

Melalui program MEH, UDA Holdings menyediakan ruang niaga yang strategik di bangunan, premis, dan tanah yang diuruskan atau dimiliki oleh UDA Holdings. UDA Holdings sebagai pemilik premis seterusnya melantik pengendali untuk urusan penyewaan kepada usahawan

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi menjalankan operasi perniagaan. Model perniagaan MEH adalah seperti dalam Rajah 3.

**RAJAH 3**  
**MODEL PERNIAGAAN MALAYSIAN ENTREPRENEUR HUB (MEH)**



Sumber : Unit Audit Dalam

Skop dan objektif program MEH adalah seperti berikut:

1

#### Skop Program MEH

- ✓ Penyediaan lokasi infrastruktur dan bangunan strategik untuk dijadikan sebagai hub untuk usahawan PMKS.
- ✓ Pembangunan MEH di empat lokasi iaitu Johor, Melaka, Kuala Lumpur dan Sabah.
- ✓ Melibatkan penyediaan ruang niaga, tapak rekreasi dan penambahbaikan fasiliti seterusnya disewakan kepada usahawan.

2

#### Objektif Program MEH

- ✓ Meningkatkan pendapatan, akses pasaran dan daya saing usahawan PMKS melalui penyediaan lokasi, infrastruktur, bangunan dan ruang niaga di lokasi strategik sebagai hub usahawan.

Bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan program MEH di UDA Holdings adalah Bahagian Pelaburan & Pengurusan Harta.

### 3.4.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan program MEH telah dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan serta mematuhi kontrak dan Standard Operating Procedure (SOP) yang berkuatkuasa bagi mencapai objektifnya iaitu meningkatkan

pendapatan, akses pasaran dan daya saing usahawan PMKS melalui penyediaan lokasi, infrastruktur, bangunan dan ruang niaga di lokasi strategik sebagai hub usahawan.


### 3.4.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua bidang utama iaitu pencapaian prestasi dan pengurusan program MEH bagi tahun 2023 sehingga November 2025.



Pengauditan dijalankan di Bahagian Pelaburan & Pengurusan Harta, UDA Holdings Berhad, MEH Morten Walk, Melaka, MEH Heritage Valley Kuala Lumpur, MEH Johor Bahru, Push Cart Kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral. Pemilihan sampel berdasarkan kriteria projek yang telah siap dan beroperasi.

### 3.4.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 3.4.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 3.4.5.1. Pencapaian Bilangan Outlet Yang Dibina Dan Usahawan Yang Menerima Manfaat

- a. UDA Holdings telah menetapkan sasaran bilangan outlet dan ruang perniagaan bagi program MEH adalah sebanyak tiga outlet di lokasi yang telah dirancang. Bilangan usahawan yang menerima manfaat bagi program ini hanya disasarkan bagi satu projek MEH iaitu Morten Walk, Melaka manakala tiada sasaran bilangan usahawan ditetapkan bagi projek MEH yang lain. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 37.

**JADUAL 37**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN**

BUTIRAN	SASARAN	PENCAPAIAN
Bilangan Outlet	3	3
Bilangan Usahawan Yang Menerima Manfaat	100*	76

Sumber : Mesyuarat Group Management Committee (GMC) Bil. 3/2023

Nota : (\*) – Hanya untuk projek MEH Morten Walk, Melaka

- b. Berdasarkan Maklumat Ringkas Senarai Program MEH dan dokumen pelaksanaan projek setakat bulan November 2025, sebanyak tiga projek MEH telah siap iaitu MEH Morten Walk Melaka, MEH Heritage Valley Kuala Lumpur dan MEH Johor Bahru. Bagi MEH Kundasang Sabah masih dalam pelaksanaan dan dijadualkan siap pada Jun 2026. Butiran lanjut adalah seperti dalam Jadual 38.

**JADUAL 38**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK MEH SETAKAT BULAN NOVEMBER 2025**

STATUS	BILANGAN PROJEK	NAMA PROJEK	CATATAN										
SIAP	3	MEH Morten Walk, Melaka	Siap dengan kelulusan pelanjutan masa (EOT) <table border="1"> <thead> <tr> <th>Butiran</th> <th>Tempoh</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Perjanjian Asal</td> <td>23.08.2022 – 26.12.2022</td> </tr> <tr> <td>Perjanjian Lanjutan (EOT) 1</td> <td>26.12.2022 – 17.02.2023</td> </tr> <tr> <td>EOT 2</td> <td>17.02.2023 – 28.03.2023</td> </tr> <tr> <td>EOT 3</td> <td>28.03.2023 – 31.07.2023</td> </tr> </tbody> </table>	Butiran	Tempoh	Perjanjian Asal	23.08.2022 – 26.12.2022	Perjanjian Lanjutan (EOT) 1	26.12.2022 – 17.02.2023	EOT 2	17.02.2023 – 28.03.2023	EOT 3	28.03.2023 – 31.07.2023
		Butiran	Tempoh										
Perjanjian Asal	23.08.2022 – 26.12.2022												
Perjanjian Lanjutan (EOT) 1	26.12.2022 – 17.02.2023												
EOT 2	17.02.2023 – 28.03.2023												
EOT 3	28.03.2023 – 31.07.2023												
		MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur	Siap dengan kelulusan pelanjutan masa (EOT)										

**JADUAL 38**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK MEH SETAKAT BULAN NOVEMBER 2025**

STATUS	BILANGAN PROJEK	NAMA PROJEK	CATATAN	
			Butiran	Tempoh
			Perjanjian Asal	01.03.2021 – 24.04.2022
			Perjanjian Lanjutan (EOT) 1	24.02.2022 – 30.09.2023
			EOT 2	30.09.2023 – 04.02.2024
			EOT 3	04.02.2024 – 25.06.2024
			EOT 4	26.06.2024 – 29.09.2024
			EOT 5	29.09.2024 – 22.06.2025
		MEH Johor Bahru <ul style="list-style-type: none"> <li>Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)</li> <li>Menaiktaraf Medan Selera Pudu Sentral</li> <li>Push Cart Kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Santai @ Camp di Padang Cassandra (C) dan Ubah suai Medan Selera Pudu Sentral siap dalam tempoh kontrak.               <ul style="list-style-type: none"> <li>Tempoh Perjanjian: 1.1.2025 – 31.12.2025</li> </ul> </li> <li>12 unit <i>Push Cart Kiosk</i> lewat disediakan selama 23 hari bagi pembekalan di Angsana Ipoh Mall, Perak dan 27 hari di Pudu Sentral, Kuala Lumpur. Perincian di perenggan 5.2.2.1.</li> </ul>	
<b>DALAM PELAKSANAAN</b>	1	MEH Kundasang, Sabah	Dijadualkan siap Jun 2026.	

Sumber : Maklumat Ringkas Senarai Program MEH dan Dokumen Pelaksanaan Projek

### 3.4.5.2. Pencapaian Usahawan Yang Menerima Manfaat

- UDA Holdings menetapkan sasaran bilangan usahawan yang menerima manfaat dari projek MEH Morten Walk, Melaka adalah sejumlah 100 usahawan.
- Seramai 40 usahawan telah menerima manfaat melalui penyewaan ruang niaga tetap yang disediakan bagi tempoh tahun 2023 hingga bulan Oktober 2025. Selain itu, dewan acara/ruang promosi yang disediakan telah disewakan kepada 36 usahawan untuk tujuan promosi jualan dan penganjuran acara komuniti. Sasaran dan pencapaian program MEH bagi tempoh tahun 2023 hingga Oktober 2025 adalah seperti dalam Jadual 39.

**JADUAL 39**  
**SASARAN DAN PENCAPAIAN PENERIMA MANFAAT PROGRAM MEH MORTEN WALK, MELAKA BAGI TAHUN 2023 HINGGA OKTOBER 2025**

SASARAN (a)	PENCAPAIAN PENERIMA MANFAAT			PERBEZAAN (c = b-a)
	RUANG NIAGA TETAP	DEWAN ACARA/ RUANG PROMOSI	JUMLAH (b)	
100	40	36	76	- 24

Sumber: Senarai Penyewa Projek MEH Morten Walk, Melaka

- c. Setakat Oktober 2025, sasaran bilangan penerima manfaat masih belum dicapai iaitu hanya 76 daripada 100 (76%) usahawan. Perkara ini disebabkan oleh masih terdapat ruang niaga yang belum berjaya disewakan kepada usahawan manakala dewan dan ruang promosi tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Ini kerana kekerapan penganjuran aktiviti adalah rendah iaitu kurang daripada 10 acara yang dijalankan setiap bulan sepanjang tempoh tahun 2023 hingga Oktober 2025.

**Pendapat Audit : Secara keseluruhannya, pencapaian pembinaan outlet MEH telah mencapai sasaran ditetapkan. Bagaimanapun, pencapaian sasaran usahawan bagi projek MEH Morten Walk, Melaka setakat Oktober 2025 masih belum dicapai. Hanya 76% usahawan yang telah menerima manfaat daripada projek tersebut.**

### 3.4.5.3. Pencapaian Penjanaaan Pendapatan Program MEH

- a. UDA Holdings telah menetapkan salah satu sasaran *outcome* program MEH adalah penjanaaan pendapatan sebanyak RM7.2 juta bagi MEH Morten Walk, Melaka (RM6 juta) dan MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur (RM1.2 juta) untuk tahun 2023.
- b. UDA Holdings menetapkan kaedah pengukuran outcome adalah dengan kajian soal selidik dan pengisian data daripada UDA Holdings. Pihak Audit mendapati UDA Holdings masih belum melaksanakan penilaian pendapatan bagi para penyewa ruang niaga. Ketiadaan data ini menyebabkan pencapaian sasaran outcome berkaitan penjanaaan pendapatan usahawan tidak dapat dinilai dan disahkan oleh pihak Audit.
- c. UDA Holdings telah menyediakan sebanyak 124 ruang niaga melalui 3 projek MEH yang terdiri daripada premis makanan dan minuman, peruncitan, dewan acara/serbaguna, gimnasium, pusat *e-sport* dan *push cart kiosk*. Lawatan Audit ke semua projek MEH mendapati hanya 44 daripada 124 (35.5%) ruang niaga sedang disewakan manakala baki 80 (64.5%) ruang niaga tiada penyewa. Status penyewaan ruang niaga bagi 3 projek setakat 31 Oktober 2025 seperti dalam Jadual 40.

**JADUAL 40**  
**STATUS PENYEWaan RUANG NIAGA YANG DISEDIAKAN**  
**SETAKAT 31 OKTOBER 2025**

BIL.	NAMA PROJEK	BILANGAN RUANG NIAGA		
		SEDIA	SEDANG DISEWA	TIADA PENYEWAWA
1.	MEH Morten Walk, Melaka			
	• Premis Makanan dan Minuman	21	10	11
	• Premis Peruncitan	47	3	44
	• Dewan Acara	1	1	-
2.	MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur			

BIL.	NAMA PROJEK	BILANGAN RUANG NIAGA		
		SEDIA	SEDANG DISEWA	TIADA PENYEWAWA
	• Premis Makanan dan Minuman	15	9	6
	• Premis Peruncitan	12	9	3
	• Gimnasium	1	-	1
	• Pusat E-Sport	1	-	1
	• Dewan Serbaguna**	1	1	-
3.	MEH Johor Bahru			
	• Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)	1	1	-
	• Menaiktaraf Medan Selera Pudu Sentral	12	4	8
	• <i>Push Cart Kiosk Di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral</i>	12	6	6
4.	MEH Kudasang, Sabah	DP*		
	<b>JUMLAH</b>	<b>124</b>	<b>44</b>	<b>80</b>

Sumber : Lawatan Audit pada bulan November 2025

Nota : \*Berdasarkan Laporan ePMS 20 lot ruang niaga dalam pelaksanaan

\*\*Dewan Serbaguna disewakan kepada penganjur acara

- d. Analisis Audit terhadap data penyewa MEH Morten Walk, Melaka mendapati tempoh penyewaan ruang niaga oleh penyewa mulai tahun 2023 adalah antara enam bulan hingga setahun berbanding tempoh kontrak yang ditandatangani iaitu selama dua tahun. Keadaan ini disebabkan penyewa mula menarik diri atau menamatkan perniagaan di lokasi tersebut setelah tidak lagi menerima bantuan rebat sewa. Bagi MEH Heritage Valley Kuala Lumpur, ruang niaga masih belum disewakan sepenuhnya kerana baru mula beroperasi pada bulan Julai 2025. Projek MEH Johor Bahru disewakan kepada satu operator yang mengendalikan keseluruhan tapak perniagaan Santai @ Camp.

**Pendapat Audit : Ketiadaan penilaian pendapatan usahawan yang menyertai program MEH menyebabkan UDA Holdings tidak dapat menentukan outcome program. Selain itu, sewaan ruang niaga masih rendah (35.5%) dan usahawan menamatkan sewaan sebelum tamat tempoh sewaan dua tahun.**

#### 3.4.5.4. Dokumen Sokongan Pembayaran

- a. Ketua Setiausaha KUSKOP telah meluluskan perubahan set aktiviti dan agihan peruntukan Program MEH sebanyak RM18.5 juta untuk melaksanakan Program MEH. Butirannya seperti dalam Jadual 41.

**JADUAL 41**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM MEH SETAKAT 31 OKTOBER 2025**

PROJEK MEH	PERUNTUKAN DITERIMA (RM) (a)	BELANJA (RM) (b)	BAKI (RM) (a)-(b)	PERATUS PERBELANJAAN (%) [(b)/(a) x 100]
MEH Morten Walk, Melaka	8,750,000	8,777,632	(27,632)	100.32
MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur	6,750,000	6,650,000	100,000	98.52
MEH Johor Bahru	3,000,000	797,318	2,202,682	25.99
<b>JUMLAH</b>	<b>18,500,000</b>	<b>16,224,950</b>	<b>2,292,692</b>	

Sumber : Jadual Peruntukan Dan Perbelanjaan MEH Oleh UDA Dan Memo Kelulusan Ketua Setiausaha KUSKOP (No. Rujukan MEDAC.BKEW(S) 400-2/2/11 (9))

- b. Setakat 31 Oktober 2025 sejumlah RM16,224,950 (87.7%) telah dibelanjakan bagi program MEH. Sejumlah RM2.20 juta baki daripada MEH Johor Bahru diperuntukkan untuk projek MEH Kundasang, Sabah manakala tiada dokumen sokongan dikemukakan kepada pihak Audit bagi lebih perbelanjaan sejumlah RM27,632 untuk MEH Morten Walk, Melaka.
- c. Pihak Audit hanya dapat mengesahkan perbelanjaan program sejumlah RM14,530,697 manakala baki sejumlah RM1,694,253 tidak dapat disahkan disebabkan tiada dokumen dikemukakan untuk semakan. Butiran perbezaan adalah seperti dalam Jadual 42.

**JADUAL 42**  
**PERBEZAAN JUMLAH PERBELANJAAN DAN DOKUMEN BAYARAN**

PROJEK MEH	PERBELANJAAN (RM)		PERBEZAAN (RM) (a)-(b)												
	JADUAL PERBELANJAAN OLEH UDA (a)	DOKUMEN BAYARAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH UDA (b)													
MEH Morten Walk, Melaka	8,777,632	8,050,789	726,843												
MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur	6,650,000	5,700,232	949,768												
MEH Johor Bahru	797,318	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PROJEK</th> <th>JUMLAH (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)</td> <td>330,000</td> </tr> <tr> <td>Menaiktaraf Medan Selera Pudu Sentral</td> <td>291,276</td> </tr> <tr> <td>Push Cart Kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral</td> <td>158,400</td> </tr> <tr> <td>MEH Kundasang, Sabah</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>779,676</b></td> </tr> </tbody> </table>	PROJEK	JUMLAH (RM)	Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)	330,000	Menaiktaraf Medan Selera Pudu Sentral	291,276	Push Cart Kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral	158,400	MEH Kundasang, Sabah	-	<b>JUMLAH</b>	<b>779,676</b>	17,642
		PROJEK	JUMLAH (RM)												
		Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)	330,000												
		Menaiktaraf Medan Selera Pudu Sentral	291,276												
		Push Cart Kiosk di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral	158,400												
MEH Kundasang, Sabah	-														
<b>JUMLAH</b>	<b>779,676</b>														
<b>JUMLAH</b>	<b>16,224,950</b>	<b>14,530,697</b>	<b>1,694,253</b>												

Sumber : Jadual Peruntukan Dan Perbelanjaan MEH Oleh UDA dan dokumen bayaran MEH

### 3.4.5.5. Pembayaran Tidak Mengikut Kaedah Bayaran yang Ditetapkan

- a. Pembayaran bagi projek *Push Cart Kiosks* di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral telah dibuat secara sekaligus (100%) sebanyak RM158,400 tanpa menahan baki 5% wang tahanan sebagaimana yang telah ditetapkan. Selain itu, pembayaran tersebut dibuat sebelum tamat tempoh tanggung kecacatan bagi pembekalan di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral. Butiran lanjut seperti dalam Jadual 43.

**JADUAL 43**  
**BAYARAN *PUSH CART KIOSK* DIBUAT SEBELUM TAMAT TEMPOH TANGGUGAN KECACATAN**

BIL.	LOKASI PROJEK <i>PUSH CART KIOSK</i>	TEMPOH TANGGUGAN KECACATAN	TARIKH PENGESAHAN SIAP KERJA	TEMPOH DLP	TARIKH BAYARAN
1.	Angsana Ipoh Mall, Perak	3 bulan selepas pengesahan siap kerja	07.02.2025	08.02.2025 – 07.05.2025	17.04.2025
2.	Pudu Sentral, Kuala Lumpur		11.02.2025	12.02.2025 – 11.05.2025	

Sumber : Borang Pembayaran dan Borang Laporan Siap Kerja Projek *Push Cart Kiosk*

**Pendapat Audit :** Pengurusan kewangan adalah kurang teratur menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbelanjaan sebenar program MEH. Selain itu, kelemahan pengurusan dan pemantauan kontrak telah menyebabkan bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan.

### 3.4.5.6. Pelaksanaan Program

- a. Perancangan awal pelaksanaan program melibatkan tiga lokasi iaitu zon selatan (MEH Morten Walk, Melaka), zon tengah (MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur) dan zon timur (MEH Kuala Terengganu). Bagaimanapun, MEH di zon timur tidak dapat dilaksanakan dan telah digantikan dengan MEH negeri Johor dan Sabah. Perancangan lokasi dan peruntukan program MEH adalah seperti dalam Jadual 44.

**JADUAL 44**  
**PERANCANGAN LOKASI DAN JUMLAH PERUNTUKAN PROGRAM**

BIL.	PERANCANGAN TAHUN 2023		PINDAAN SET AKTIVITI TAHUN 2024	
	LOKASI	RM	LOKASI	RM
1.	Melaka	7,250,000	Melaka	8,750,000
2.	Terengganu	5,500,000	Johor/Sabah	3,000,000
3.	Kuala Lumpur	6,750,000	Kuala Lumpur	6,750,000
<b>JUMLAH PERUNTUKAN</b>		<b>19,500,000</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN</b>	<b>18,500,000</b>

Sumber : Memo Kelulusan KSU No. Rujukan MEDAC.BKEW(S)400-2/2/11 (19)

- b. Perubahan set aktiviti dan agihan peruntukan bagi Program MEH telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal KUSKOP pada 28 Februari 2025. Kelulusan tersebut adalah selaras dengan penurunan kuasa oleh Kementerian Ekonomi kepada Pegawai Pengawal bagi membolehkan Kementerian meluluskan Notis Perubahan (NOC) di peringkat kementerian yang melibatkan pindaan siling setiap projek tanpa meningkatkan siling keseluruhan kementerian serta pindaan siling tanpa perubahan terhadap kos keseluruhan projek.
- c. Sebanyak empat projek utama telah dirancang untuk pelaksanaan program iaitu MEH Morten Walk Melaka, MEH Heritage Valley Kuala Lumpur, MEH Johor Bahru dan MEH Kundasang Sabah. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 45.

**JADUAL 45  
PELAKSANAAN PROJEK OUTLET MEH**

BIL.	PROJEK	STATUS OPERASI	PERIHAL
1.	MEH Morten Walk, Melaka	Mula beroperasi sepenuhnya pada September 2024	Pembinaan ruang niaga berkonsepkan kabin dan ruang terbuka sebanyak 68 unit.
2.	MEH Heritage Valley, Kuala Lumpur	Mula beroperasi sepenuhnya pada Julai 2025	Pembinaan kompleks sementara 2 tingkat yang mengandungi dewan serbaguna, gimnasium, pusat <i>e-sport</i> , 15 unit gerai makan dan 12 unit kedai.
3.	MEH Johor Bahru	Mula beroperasi sepenuhnya pada Ogos 2025	Penyediaan ruang niaga (Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)), ubah suai premis sedia ada (Medan Selera, Pudu Sentral) dan perolehan 12 unit <i>push cart kiosk</i> di <i>Angsana Ipoh Mall</i> dan <i>Pudu Sentral</i> .
4.	MEH Kundasang, Sabah	Belum beroperasi (Dalam Pembinaan)	Penyediaan 20 ruang niaga di kawasan baharu Pasar Tamu, Kundasang.

Sumber: Maklumat Ringkas Senarai Program MEH dan Laporan ePMS setakat November 2025

- d. UDA Holdings membatalkan projek MEH Wilayah Timur (Kuala Terengganu Golf Resort) berikutan kekurangan sambutan penyewa, kehadiran pengunjung yang rendah, serta kegagalan proses tender yang tidak memenuhi kriteria minimum penyertaan. Sebagai langkah alternatif projek tersebut dipindahkan ke Angsana Johor Bahru Mall (MEH Johor Bahru) bagi mengoptimumkan penggunaan bajet pembangunan yang telah diperuntukkan. Pelaksanaan Projek MEH Johor Bahru melibatkan tiga projek iaitu pembinaan bangunan sementara (Santai @ Camp di Padang Cassandra (C)), ubah suai premis sedia ada (Medan Selera, Pudu Sentral) dan perolehan 12 unit *push cart kiosk* di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral.
- e. Bagi pengurusan projek MEH, UDA Holdings melaksanakannya melalui dua kaedah iaitu pengurusan oleh anak syarikat UDA Holdings dan pengurusan oleh operator yang dilantik oleh UDA Holdings. Bagi MEH Morten Walk, Melaka, ia diuruskan sepenuhnya oleh anak

syarikat UDA Holdings iaitu UDA Pertama Sdn. Bhd. manakala MEH Johor Bahru dan MEH Heritage Valley Kuala Lumpur diuruskan oleh syarikat yang dilantik sebagai operator. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 46.

**JADUAL 46  
PENGURUSAN PROJEK MEH**

BIL.	LOKASI MEH	PENGURUSAN	PERANAN
1.	Melaka	UDA Pertama Sdn. Bhd. (anak syarikat UDA Holdings Sdn. Bhd.)	Sebagai pengurus projek MEH Morten Walk.
2.	Johor	Syarikat Teguh Cemerlang Sdn. Bhd.  Santai MH Resources	Sebagai kontraktor yang melaksanakan pengubahsuaian MEH Johor.  Sebagai pengendali premis
3.	Kuala Lumpur	Syarikat Luxe Acre Sdn. Bhd.	Sebagai Pengurus Projek dan pengendali premis.

Sumber: Surat Setuju Terima Tender dan Surat Tawaran Penyewaan

### 3.4.5.7. Pembekalan Push Cart Kiosk

- a. Pihak Audit mendapati kerja pembekalan dan penghantaran *push cart kiosk* di Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral telah lewat antara 23 hingga 27 hari. Butiran lanjut seperti di Jadual 47.

**JADUAL 47  
KELEWATAN PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN *PUSH CART KIOSK***

BIL.	LOKASI PENGHANTARAN	TEMPOH KONTRAK	TARIKH SIAP KERJA	TEMPOH KELEWATAN
1.	Angsana Ipoh Mall, Perak	16 Disember 2024 – 15 Januari 2025	7 Februari 2025	23 hari
2.	Pudu Sentral, Kuala Lumpur		11 Februari 2025	27 hari

Sumber : Surat Tawaran dan Borang Laporan Siap Kerja

- b. Pihak Audit juga mendapati tiada kelulusan lanjutan tempoh masa diberikan kepada pembekal dan tiada tindakan dikenakan. Ini kerana kelewatan pembekalan dan penghantaran adalah disebabkan oleh pihak UDA Holdings lewat menyediakan ruang yang sesuai untuk menempatkan *push cart kiosk* tersebut.

**Pendapat Audit :** Kelewatan pembekalan dan penghantaran *push cart kiosk* antara 23 hingga 27 hari bagi lokasi Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral disebabkan oleh kelewatan pihak UDA Holdings menyediakan ruang niaga yang sesuai menunjukkan pengurusan program yang kurang cekap.

### 3.4.5.8. Pengurusan Projek Santai @ Camp, Johor

- a. Berdasarkan Butiran Kerja/Senarai Kuantiti (BQ) bagi projek MEH Johor di Padang Cassandra (C), Angsana Johor Bahru Mall, kerja pemasangan pagar adalah jenis Hot Dip Galvanised (Anti-Climb) termasuk segala peralatan dan kelengkapan yang diperlukan.
- b. Lawatan Audit pada 11 November 2025 mendapati pagar yang dipasang di lokasi adalah pagar jenis *fascia board* bukan seperti yang dinyatakan dalam butiran kerja/senarai kuantiti (BQ). Butiran lanjut mengenai lakaran pagar yang sepatutnya dipasang dan jenis pagar yang telah dipasang adalah seperti di Gambar 37 dan 38.

**GAMBAR 37**



Pagar Jenis *Hot Dip Galvanised*  
(*Anti Climb*)

**GAMBAR 38**



MEH Johor Bahru, Padang Cassandra (C),  
Angsana Johor Bahru Mall  
- Pagar Yang Dipasang  
(11 November 2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

- c. Pihak UDA Holdings memaklumkan bahawa perubahan reka bentuk pagar dibuat bagi tujuan mempertingkatkan elemen estetik kawasan dan menjadikannya lebih menarik kepada pengunjung. Menurut UDA Holdings, pemilihan pagar baharu dianggap lebih sesuai dengan konsep persekitaran projek serta berpotensi meningkatkan imej dan tarikan kawasan kepada orang awam. Bagaimanapun, tiada Arahan Perubahan Kerja (APK) dan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi pemasangan pagar tersebut dikemukakan untuk semakan Audit.

**Pendapat Audit : Pelaksanaan perubahan kerja adalah tidak teratur kerana tiada kelulusan APK dari Pegawai Penguasa. Ia juga adalah kelemahan tata kelola projek yang mengakibatkan risiko lebih bayaran sekiranya harga pagar yang dipasang adalah bernilai lebih rendah dari pagar sebenar di kontrak.**

### 3.4.5.9. Pengurusan MEH Morten Walk, Melaka

- a. UDA Pertama Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat UDA Holdings Berhad dipertanggungjawabkan untuk menguruskan projek MEH Morten Walk, Melaka termasuk pengurusan sewaan ruang niaga. Terdapat 68 unit ruang niaga yang disediakan untuk disewakan kepada usahawan. Butiran lanjut seperti di Jadual 48.

**JADUAL 48**  
**MAKLUMAT RUANG NIAGA MEH MORTEN WALK, MELAKA**

BIL.	RUANG NIAGA	BILANGAN UNIT	MULA BEROPERASI
1.	Makanan (F&B)	21	Jun 2023
2.	Peruncitan (Retail)	47	September 2024
	<b>JUMLAH</b>	<b>68</b>	

Sumber: Maklumat Ringkas dari UDA Pertama Sdn. Bhd.

- b. Kadar sewa bagi ruang niaga adalah berbeza antara penyewa. Penetapan dan kelulusan kadar sewa dibuat di dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan promosi (JPTP). Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan maklumat tersebut kerana tiada rekod/minit disediakan terhadap keputusan mesyuarat JPTP. Minit mesyuarat mula disediakan mulai Ogos 2025.
- c. Lawatan Audit pada 11 November 2025 di Morten Walk, Melaka mendapati, hanya sebanyak 10 (25%) daripada 40 usahawan yang masih meneruskan operasi perniagaan di ruang niaga Morten Walk, Melaka dan masa operasi bagi perniagaan makanan hanya bermula jam 3 petang hingga 10 malam. Gambar 39 menunjukkan ruang niaga makanan dan peruncitan tiada penyewa.

**GAMBAR 39**



MEH Morten Walk, Melaka  
- Ruang Niaga Makanan (F&B) Tiada Penyewa  
(11 November 2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)



MEH Morten Walk, Melaka  
- Ruang Niaga Peruncitan Tiada Penyewa  
(11 November 2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

- d. Prestasi perniagaan terkesan disebabkan oleh aliran pengunjung yang tidak konsisten, di mana kehadiran pelanggan hanya meningkat pada hujung minggu dan musim cuti sekolah sahaja. Selain itu, faktor cuaca panas menyebabkan ruang kabin menjadi kurang kondusif untuk berniaga. Seterusnya, membataskan operasi perniagaan pada waktu siang dan usahawan terpaksa memulakan perniagaan pada sebelah petang. Keadaan ini menyebabkan usahawan menamatkan kontrak lebih awal kerana tidak mampu menjana pendapatan yang diperlukan untuk menampung kadar sewa yang ditetapkan.

**Pendapat Audit : Pengurusan operasi MEH Morten Walk, Melaka adalah kurang cekap kerana hanya 25% ruang niaga yang beroperasi. Ini disebabkan kadar sewa yang berbeza antara usahawan, ruang niaga yang kurang kondusif dan jumlah pelanggan yang kurang.**

#### **3.4.5.10. Ketiadaan Garis Panduan Pelaksanaan dan Pemantauan Program MEH**

- a. Tiada garis panduan/SOP pelaksanaan program MEH disediakan oleh UDA Holdings sebagai panduan pelaksanaan program MEH.
- b. Tiada kaedah pemantauan dilaksanakan oleh UDA Holdings sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam PB1.2. Perbincangan dan keputusan berkenaan penyewaan ruang niaga bagi kesemua ruang niaga milik UDA Holdings dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tenansi & Promosi (JPTP). Bagaimanapun, tiada rekod/minit mesyuarat JPTP dikemukakan untuk semakan dan pengesahan pihak Audit.
- c. Ketiadaan pemantauan pelaksanaan program ini menyebabkan isu penyewaan ruang niaga di MEH Morten Walk, Melaka berterusan sejak ia mula beroperasi pada Jun 2023 hingga Oktober 2025.

**Pendapat Audit : Ketiadaan garis panduan/SOP pelaksanaan program dan pemantauan program menyebabkan isu penyewaan ruang niaga di MEH Morten Walk Melaka berlarutan dari Jun 2023 hingga Oktober 2025.**

#### **3.4.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, program MEH telah berjaya mencapai objektifnya iaitu penyediaan akses pasaran dan daya saing usahawan PMKS melalui penyediaan lokasi, infrastruktur, bangunan dan ruang niaga di lokasi strategik sebagai hub usahawan. Bagaimanapun, bagi objektif peningkatan pendapatan, ia tidak dapat diukur kerana tiada data pendapatan usahawan

disenggara atau dipantau oleh UDA Holdings. Terdapat juga kelemahan dalam pengurusan program seperti berikut:

- a. Pengurusan kewangan adalah kurang teratur dimana pihak Audit tidak dapat mengesahkan perbelanjaan sebenar program MEH. Selain itu, kelemahan pengurusan dan pemantauan kontrak telah menyebabkan bayaran penuh dilaksanakan kepada pembekal sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan.
- b. Pengurusan program kurang cekap dimana terdapat kelewatan dalam pembekalan dan penghantaran *push cart kiosk* antara 23 hingga 27 hari bagi lokasi Angsana Ipoh Mall dan Pudu Sentral. Disamping itu, prestasi sewaan ruang niaga di MEH Morten Walk, Melaka masih rendah (25%).
- c. Tiada garis panduan/SOP pelaksanaan program dan pemantauan program disediakan oleh UDA Holdings dalam pengurusan program.
- d. Pelaksanaan perubahan kerja adalah tidak teratur kerana tiada kelulusan APK dari Pegawai Penguasa. Ia juga adalah kelemahan tata kelola projek yang boleh mengakibatkan risiko lebih bayaran sekiranya harga pagar yang dipasang adalah bernilai lebih rendah dari pagar sebenar di kontrak.

### 3.4.7 SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, pihak Audit mengesyorkan pihak UDA Holdings melaksanakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Merangka pelan tindakan segera bagi menangani isu penyewaan ruang niaga yang masih rendah dan kadar pusingan (turnover) penyewa yang kurang dari tempoh kontrak sewaan di MEH Morten Walk, Melaka.
- b. Pengukuhan pengurusan dokumen kewangan bagi memastikan pengurusan kewangan UDA Holdings teratur.
- c. Meningkatkan tata kelola program bagi memastikan semua objektif dan outcome program dapat dicapai sebagaimana sasaran.
- d. Menjalankan kajian impak untuk menilai pencapaian *outcome* sebenar program MEH.

## 4. PENGAUDITAN PEMATUHAN

### 4.1 PENGAUDITAN PENGESAHAN PROGRAM PEMERKASAAN RANTAIAN BEKALAN KOPERASI (SCOPE)

#### 4.1.1 LATAR BELAKANG

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah diluluskan peruntukan di bawah Program Pembangunan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) berjumlah RM10 juta bagi membiayai Program Pemerksaan Rangkaian Bekalan Koperasi (SCOPE).

Selaras dengan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Audit Bilangan 4 Tahun 2024, SKM bersama-sama UAD KUSKOP melaksanakan lawatan ke atas 5 koperasi yang masih belum menerima dana bantuan SCOPE bagi tujuan penilaian status pelaksanaan program sebelum sebarang pembayaran dibuat kepada koperasi berkenaan.

#### 4.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN


Pengauditan dijalankan bagi menilai status pelaksanaan Program SCOPE terhadap 5 koperasi.

#### 4.1.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan dan telah dilaksanakan terhadap 5 koperasi di negeri Kedah, Kelantan dan Selangor yang menerima bantuan pada tahun 2024.

NEGERI	BILANGAN KOPERASI	JUMLAH BANTUAN (RM)
Kedah	1	RM230,700
Kelantan	3	RM517,110
Selangor	1	RM187,500

#### 4.1.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



#### 4.1.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Julai hingga September 2025 mendapati perkara seperti berikut:

##### 4.1.5.1. Perolehan Oleh Koperasi

SKM telah meluluskan Geran Program SCOPE berjumlah RM935,310 kepada 5 koperasi melalui surat bertarikh 28 November 2024. Selepas 4 bulan kelulusan diberi, pihak Audit mendapati:

- 1 koperasi telah melaksanakan perolehan sepenuhnya;
- 3 koperasi hanya membuat sebahagian perolehan; dan
- 1 koperasi masih belum membuat perolehan.

Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 49.

**JADUAL 49**  
**STATUS PEROLEHAN PROGRAM SCOPE**

SKOP DAN JUMLAH KELULUSAN (RM)		SATUS PEROLEHAN
Naik Taraf Kedai	13,689	☑
Penyaman Udara - <i>Ceiling Conditioning</i> 2.5 hp (1 unit) - <i>Ceiling Conditioning</i> 2.0 hp (2 unit)	25,000	☑
Papan Tanda	5,000	☑
Rak dan Pallet - 18 unit rak ubat (60cm x 150 cm) - 16 unit rak ubat (60cm x 120 cm) - 15 unit pallet plastik (120 cm x 90 cm)	38,860	☑
1 unit Lori 5 tan	148,151	☑
1 unit Lori 7.5 tan	122,110	☒

**JADUAL 49  
STATUS PEROLEHAN PROGRAM SCOPE**

SKOP DAN JUMLAH KELULUSAN (RM)		SATUS PEROLEHAN
1 unit Lori 7.5 tan	184,210	☑
Ubahsuai Bangunan	27,790	☒
10 unit <i>Heavy Duty Rack</i>	10,000	☒
8 unit <i>Gondola Rack</i>	7,600	☒
Papan Tanda (900mm x 1,200mm)	2,400	☒
1 unit Lori 7.5 tan	163,000	☒
<i>Blast Freezer</i>	55,000	☑
Mesin Sosej	20,000	☒
1 unit Lori Sejuk Beku 7.5 tan	112,500	☒

*Koperasi masih dalam tempoh pelaksanaan projek dan akan mengemukakan tuntutan secara berperingkat ataupun secara penuh mengikut tahap kemajuan projek.*

#### 4.1.5.2. Harga Perolehan Kurang Daripada Jumlah Diluluskan

Terdapat perbezaan perolehan berjumlah RM20,890 antara yang diluluskan dengan perolehan sebenar koperasi. Pada pendapat Audit, jumlah perbezaan tersebut perlu ditolak daripada jumlah sebenar diluluskan. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 50.

**JADUAL 50  
PERBEZAAN ANTARA KELULUSAN DAN PEROLEHAN SEBENAR**

SKOP	JUMLAH LULUS (RM)	JUMLAH SEBENAR (RM)	BEZA (RM)
Penyaman Udara	25,000	23,310	1,690
Papan Tanda	5,000	3,500	1,500
Rak dan Pallet	38,860	21,160	17,700
Naik Taraf Kedai	13,689	13,689	-
1 unit Lori 5 tan	148,151	148,151	-
<b>JUMLAH KECIL</b>	<b>230,700</b>	<b>209,810</b>	<b>20,890</b>

*SKM telah menerima tuntutan berjumlah RM209,810 pada 27 Mei 2025 daripada koperasi. Lebih peruntukan berjumlah RM20,890.*

#### 4.1.5.3. Kelulusan Perolehan Lori Melebihi Jumlah Ditetapkan

Terdapat lebih kelulusan pembelian lori 5 Tan (tidak termasuk harga insurans dan cukai jalan) berjumlah RM14,736 (RM148,151 – RM133,415). Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 51.

**JADUAL 51**  
**KELULUSAN MELEBIHI JUMLAH YANG SEPATUTNYA**

SKOP	JUMLAH MOHON (RM)	JUMLAH LULUS (RM)	PERBEZAAN [(b) – (c)] (RM)
Lori 5 Isuzu NMR85UHH-4E 5,100kg	121,300		
Body Construction	28,000		
Kangaroo Bar	450		
Inspection Fee	265		
Admin Fee	550		
Number Plate	85		
RIMV Signwriting	80	148,151	
Registration Fee	60		
Ownership Claim	50		
DPPA	399		
Insurance Premium	5,335		
Road Tax	389		
Less Promotion	(3,000)		
<b>Jumlah</b>	<b>153,963</b>	<b>148,151 (a)</b>	
Tolak Insurans/ Cukai Jalan	(5,724)	-	
<b>Jumlah</b>	<b>148,239</b>	<b>148,239 (b)</b>	<b>14,736</b>
Tolak 10%	14,824	14,824	
<b>Jumlah 90%</b>	<b>133,415</b>	<b>133,415 (c)</b>	

*SKM hanya akan membuat pembayaran sebanyak RM133,011.95. Lebih peruntukan berjumlah RM15,139.*

#### 4.1.5.4. Kelulusan Bersyarat

SKM memberikan Kelulusan Bersyarat berjumlah RM163,000 kepada koperasi bagi pembelian sebuah lori iaitu penyerahan Laporan Kewangan Diaudit Tahun 2023 dan 2024. Pihak Audit mendapati seperti berikut:

- i. Laporan 2023 - dikemukakan pada 16 April 2025; dan
- ii. Laporan 2024 - masih belum dikemukakan.

*Tuntutan koperasi tidak akan dibayar selagi mana syarat tersebut tidak dipenuhi. Jawatankuasa Bantuan boleh menarik balik tawaran bantuan ini sekiranya koperasi gagal memenuhi syarat ini dalam tempoh yang munasabah.*

#### 4.1.5.5. Kemampuan Bayaran/Perolehan Koperasi

Koperasi telah membuat pendahuluan bayaran bagi pembelian lori berjumlah RM26,635 daripada harga ditetapkan iaitu RM189,635. Koperasi perlu menjelaskan baki bayaran berjumlah RM163,000. Berdasarkan kedudukan kewangan koperasi yang mempunyai baki tunai sebanyak RM10,000, koperasi tidak mempunyai kemampuan untuk menjelaskan baki bayaran tersebut.

*Berdasarkan SOP SCOPE yang baharu, baki bayaran berjumlah RM163,000 akan dibayar terus kepada pihak pembekal setelah koperasi mengemukakan tuntutan bayaran deposit kepada SKM.*

#### **4.1.5.6. Perolehan Lori**

Sebuah koperasi diluluskan pembelian lori berkapasiti 5 tan manakala 4 koperasi lain dengan lori berkapasiti 7.5 tan. Setiap permohonan koperasi mempunyai tujuan kegunaan lori yang berbeza, justeru harga yang ditawarkan oleh pembekal juga berbeza bergantung kepada spesifikasi lori.

SKM perlu membuat kajian pasaran terhadap harga lori dan menetapkan siling kelulusan supaya kelulusan yang diberi adalah pada kadar yang munasabah. Sebagai contoh, harga sebuah lori sejuk beku 7.5 tan adalah RM125,000 lebih rendah daripada harga lori 5.0 tan yang berharga RM153,963. Butiran terperinci adalah seperti dalam Jadual 52.

**JADUAL 52  
HARGA PERMOHONAN DAN KELULUSAN LORI**

SKOP KELULUSAN		HARGA PERMOHONAN (RM)
KAPASITI LORI	JUMLAH (RM)	
5.0 tan	148,151	153,963
7.5 tan	122,110	215,111
7.5 tan	184,210	213,000
7.5 tan	163,000	189,635
7.5 tan (Lori Sejuk Beku)	112,500	125,000

*Berdasarkan kajian pasaran - harga lori asas bagi kapasiti 5 - 7.5 tan sekitar RM130,000 hingga RM180,000. Perbezaan sebut harga yang dikemukakan oleh koperasi adalah disebabkan badan kargo yang memerlukan ubah suai mengikut spesifikasi yang dimohon oleh koperasi.*

#### **4.1.5.7. Tindakan SKM Terhadap Laporan UAD**

Laporan UAD telah dibincangkan dalam Mesyuarat JKA Bil. 2/2024 (8 Ogos 2024), Bil. 3/2024 (10 Oktober 2024) dan Bil. 4/2024 (14 Januari 2025) dan Mesyuarat Pengarah dan Pegawai Kanan SKM pada 14 Ogos 2024. Berdasarkan lawatan dan temubual bersama Pegawai SKM di Wilayah dan Negeri, didapati isu yang dibangkitkan tidak dibincangkan diperingkat pegawai pelaksana menyebabkan isu sama masih berulang.

*SKM telah mengadakan sesi taklimat penemuan audit kepada pegawai SKM cawangan negeri seperti berikut:*

- *Taklimat Konsolidasi Program Pembangunan dan Promosi 2025 pada 22 Januari 2025 - taklimat hybrid.*
- *Kursus Induksi Khusus SKM pada 9 Mei 2025 - taklimat kepada semua pegawai lantikan baharu.*
- *SKM telah mengedarkan SOP baharu kepada semua SKM Cawangan Negeri pada 30 Mei 2025.*
- *Pemakaian SOP baharu juga akan dibentangkan kepada pegawai SKM.*

#### **4.1.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, sehingga tarikh pengauditan dijalankan, hanya 1 daripada 5 koperasi (20%), telah melaksanakan perolehan secara sepenuhnya dengan jumlah perolehan yang telah dibuat oleh koperasi yang terlibat adalah sebanyak RM449,020 (48%) daripada jumlah kelulusan sebanyak RM935,310. Antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek ialah masalah kewangan yang sedang dihadapi oleh sebahagian besar koperasi.

#### **4.1.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan agar Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengambil tindakan berikut:

- a. Membuat bayaran kepada koperasi berdasarkan nilai perolehan sebenar;
- b. Pembayaran terus kepada pembekal bagi koperasi yang mempunyai masalah aliran tunai;
- c. Melaksanakan program latihan kepada pegawai terlibat dengan membincangkan dapatan audit agar isu sama tidak berulang;
- d. Membuat kajian pasaran terhadap harga lori dan menetapkan siling kelulusan; dan
- e. Siasatan dibuat terhadap pegawai terlibat menyebabkan kelulusan Program SCOPE melebihi jumlah ditetapkan dan kelulusan diberikan kepada koperasi yang tidak berkelayakan.

## 4. PENGAUDITAN PEMATUHAN

### 4.2 PENGAUDITAN PENGURUSAN KESELAMATAN BANGUNAN KUSKOP

#### 4.2.1 LATAR BELAKANG

Pengurusan keselamatan bangunan KUSKOP merangkumi perkhidmatan anggota RELA, kamera litar tertutup dan penggunaan kad akses.

KUSKOP menggunakan perkhidmatan anggota RELA Daerah Putrajaya sebagai Penugasan Kawalan Keselamatan Tetap tanpa senjata api di bangunan KUSKOP. Pemasangan sistem televisyen litar tertutup (CCTV) dan penggunaan kad akses bagi pergerakan keluar masuk bangunan adalah di bawah kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan selama 5 tahun (1 Februari 2020 hingga 31 Januari 2025 dan dilanjutkan sehingga 31 Julai 2025).

#### 4.2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN


Pengauditan dijalankan untuk memastikan pengurusan keselamatan bangunan KUSKOP mematuhi kontrak dan SOP yang ditetapkan dan berkuatkuasa.

#### 4.2.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah terhadap pengurusan keselamatan bangunan KUSKOP bagi tahun 2024 hingga tarikh pengauditan. Pengauditan meliputi perkara berikut :

- Pematuhan Prosedur
  - Pelaksanaan
  - Pembayaran
  - Penyelenggaraan rekod
  - Pemantauan
- 
- Perkhidmatan RELA
  - Sistem Televisyen Litar Tertutup (CCTV)
  - Kad Akses

#### 4.2.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



#### 4.2.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Mac hingga Mei 2025 mendapati perkara seperti berikut:

##### 4.2.5.1. Perkhidmatan Anggota RELA

Semakan Audit terhadap pengurusan perkhidmatan anggota RELA mendapati perkara berikut:

- a. Kehadiran sebenar petugas anggota RELA bagi bulan Januari dan Disember 2024 serta April 2025 tidak mencapai bilangan yang sepatutnya (13 orang) seperti dalam surat permohonan dan kelulusan petugas anggota RELA.
  - i. April 2025 - 4 hari (13.33%) kehadiran penuh.
  - ii. Januari 2024 - 12 hari (38.71%) kehadiran penuh.
  - iii. Disember 2024 - 17 hari (54.84%) kehadiran penuh.
- b. Hanya 9 daripada 30 hari bagi bulan April 2025 dan 7 daripada 31 hari bagi bulan Disember 2024 mempunyai perancangan kehadiran 13 orang petugas. Keadaan ini menunjukkan kekurangan bilangan petugas adalah semasa peringkat penyediaan perancangan jadual penugasan petugas. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 53.

**JADUAL 53**  
**KEKURANGAN BILANGAN PETUGAS RELA**

	KEHADIRAN BILANGAN PETUGAS RELA (ORANG)				
	SEBENAR			DALAM JADUAL	
	2025	2024		2025	2024
TAHUN	2025	2024		2025	2024
BULAN	APR	JAN	DIS	APR	DIS
BIL. HARI KEHADIRAN PENUH	4/30	12/31	17/31	9/30	7/31
PERATUS (%)	13.33	38.71	54.84	30	22.58

*Pihak RELA mengalami kekangan untuk mencari petugas gantian kerana tidak mempunyai kumpulan simpanan RELA yang khusus.*

- c. Tiada bukti semakan dan pengesahan oleh BKP KUSKOP ke atas dokumen kedatangan bagi tempoh Januari hingga November 2024 bagi tujuan pengiraan elaun petugas. Selain itu, tiada SOP khusus berkaitan pengurusan perkhidmatan RELA sama ada dari segi pelaksanaan penugasan mahupun kaedah pemantauan untuk tujuan pengesahan bayaran bulanan elaun. Sehubungan itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada bayaran elaun bagi tahun 2024 dibuat dengan betul, tepat dan telah disemak dengan dokumen sokongan yang berkenaan.

*Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan bermula tahun 2025.*

- d. Anggota RELA telah membuat rondaan di setiap lokasi penugasan yang ditetapkan, namun tiada rekod masa dan tarikh dicatat dalam buku harian anggota RELA.

*Buku laporan rondaan telah disediakan bagi mengisi catatan hasil rondaan termasuk maklumat anggota yang membuat rondaan.*

- e. Pemeriksaan fizikal yang dijalankan pada 17 April 2025 mendapati alat *watchman clock* iaitu peranti yang digunakan untuk mengesan dan merekod aktiviti rondaan anggota keselamatan telah rosak dan tidak dapat digunakan sejak sebelum tahun 2024. Keadaan alat *watchman clock* adalah seperti di Gambar 40.

**GAMBAR 40**

Lokasi Penugasan Taska KUSKOP  
 - Alat Watchman Clock Yang Rosak  
 (17.04.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

*Perolehan watchman clock telah selesai. Watchman clock tersebut telah dipasang di 6 checkpoint pada 27 November 2025 dan telah digunakan oleh Anggota RELA bermula 1 Disember 2025 dengan kaedah clock in setiap 2 jam.*

- f. Tiada sebarang mekanisma disediakan oleh pihak KUSKOP bagi menggantikan kaedah pemantauan rondaan petugas RELA. Sehubungan itu, tiada bukti menunjukkan rondaan telah dibuat 2 jam sekali seperti dalam arahan. Selain itu, tiada sebarang SOP berkaitan pemantauan kawalan keselamatan disediakan diperingkat KUSKOP.

*BKP, KUSKOP telah menggunakan mekanisma WhatsApp group antara BKP dan Petugas RELA bagi tujuan laporan rondaan yang dibuat pada setiap dua (2) jam. Buku Laporan Penugasan bagi rondaan setiap 2 jam juga telah dikemukakan.*

- g. Pemeriksaan Audit pada 17 April 2025 mendapati tiada catatan di buku lawatan pemeriksaan oleh pegawai RELA/Pengurusan premis bagi mengesahkan samada lawatan pemantauan ada dibuat oleh pegawai RELA/Bahagian Khidmat Pengurusan, KUSKOP.

*Bermula tahun 2025, Pejabat RELA Putrajaya telah menyediakan buku semakan lawatan bagi setiap pos kawalan di KUSKOP yang ditandatangani oleh penyelia dan pegawai daripada Pejabat RELA Putrajaya.*

*BKP akan membuat penambahbaikan dan semakan secara berkala bagi setiap buku lawatan tersebut bermula Jun 2025.*

#### **4.2.5.2. Kontrak Pengurusan Fasiliti Dan Penyelenggaraan Bangunan**

Semakan Audit terhadap Pengurusan Fasiliti dan Penyelenggaraan Bangunan (FM) mendapati perkara berikut:

- a. Keadaan dalam bilik CCTV tidak teratur di mana terdapat barang yang tidak berkenaan diletakkan dalam bilik tersebut. Selain itu, terdapat siling yang rosak dan pecah akibat kebocoran saluran penghawa dingin yang masih belum dibaiki. Keadaan bilik kawalan CCTV adalah seperti di Gambar 41 dan 42.

**GAMBAR 41**



Bilik Kawalan CCTV  
- Siling Yang Rosak  
(17.04.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 42**




Bilik Kawalan CCTV  
- Barang Yang Tidak Berkenaan  
Diletakkan Dalam Bilik CCTV  
(17.04.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

Pihak BKP memaklumkan bahawa penyenggaraan siling yang rosak tidak dapat dibuat kerana kerja penggantian tiada dalam kandungan kontrak.

*Pembaikan telah dilaksanakan pada 14 Mei 2025 oleh pihak FM KUSKOP.*

- b. Pihak Audit mendapati sebanyak 61 kamera CCTV dipasang di 61 lokasi dalam bangunan KUSKOP. Semasa lawatan ke bilik kawalan CCTV, pihak Audit mendapati 3 monitor berfungsi memaparkan rakaman, 1 monitor tidak berfungsi, dan terdapat 1 ruang monitor yang masih kosong (Gambar 43).



**GAMBAR 43**

Bilik Kawalan CCTV  
- Monitor Yang Rosak Dan Hilang  
(17.04.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

*1 daripada 3 monitor masih dalam proses pembaikan dan telah dihantar bagi pembaikan pada 16 Jun 2025. Disebabkan kerosakan pada monitor CCTV asal, ia telah digantikan sementara dengan monitor komputer bagi memastikan sistem pemantauan terus berfungsi. Bagaimanapun, monitor komputer tersebut tidak menyokong sistem CCTV sepenuhnya.*

- c. Berdasarkan paparan rakaman di 3 monitor terdapat 7 buah kamera CCTV tidak berfungsi. Keadaan ini telah dikenalpasti berlaku sejak tahun 2023 dan tindakan baik pulih peralatan CCTV tidak dapat dibuat kerana alat ganti peralatan tersebut tiada lagi dalam pasaran.

*7 unit camera CCTV yang rosak tidak dapat dibaiki kerana tiada alat ganti di pasaran (obsolete).*

- d. Selain itu, kamera CCTV yang diletakkan di dalam bilik kawalan sekuriti juga tidak berfungsi termasuk skrin monitor (Gambar 44 dan 45).

**GAMBAR 44**



Bilik Kawalan CCTV  
- CCTV Dalam Bilik Sekuriti  
(17.04.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

**GAMBAR 45**



Bilik Kawalan CCTV  
- Monitor Tidak Berfungsi  
(17.04.2025)  
(Sumber : UAD KUSKOP)

*CCTV tersebut tidak dapat dibaca oleh perisian sistem CCTV yang menyebabkan tiada paparan di monitor. Keadaan ini tidak dapat dibaiki kerana tiada alat ganti di pasaran (obsolete).*

- e. Peralatan untuk kawalan CCTV diletakkan di kedudukan yang tidak sesuai kerana agak jauh dan tidak dapat melihat skrin monitor (Gambar 46). Keadaan ini menyukarkan pegawai yang ditugaskan untuk memantau kerana tidak dapat melihat rakaman bagi keseluruhan kamera CCTV yang ada pada masa yang sama.

**GAMBAR 46**

Bilik Kawalan CCTV  
 - Kedudukan Peralatan Kawalan  
 Yang Tidak Strategik  
 (17.04.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

*Disebabkan susun atur sistem pendawaian CCTV yang lama, pihak FM menghadapi kesukaran untuk memindahkan peralatan sedia ada ke lokasi yang lebih sesuai.*

- f. Pihak Audit mendapati rakaman bagi kamera CCTV tidak dapat dipaparkan disebabkan oleh perisian peralatan yang digunakan tidak dapat memproses rakaman tersebut. Rakaman kamera juga tidak dapat di akses kerana maklumat ID dan kata laluan tidak berada dalam simpanan pihak KUSKOP. Selain itu, terdapat paparan imej di monitor yang kurang jelas disebabkan perisian peralatan tidak sepadan dengan teknologi kamera yang digunakan (Gambar 47).

**GAMBAR 47**

Bilik Kawalan CCTV  
 - Paparan Imej Tidak Jelas  
 (17.04.2025)  
 (Sumber : UAD KUSKOP)

*Rakaman kamera CCTV tidak dapat dipaparkan kerana perisian peralatan yang digunakan tidak menyokong pemprosesan rakaman tersebut. Pihak BKP hanya mempunyai akses tontonan (view only) dan tidak mempunyai kata laluan untuk mengurus atau memuat turun rakaman.*

- g. Semakan Audit terhadap peralatan kelengkapan sistem CCTV di KUSKOP mendapati perkara seperti berikut:
- i. 2 daripada 5 buah DVR tidak berfungsi;
  - ii. 3 daripada 5 buah monitor telah rosak;

- iii. 7 buah CCTV telah rosak dan 16 CCTV tidak mempunyai paparan di monitor serta 7 buah CCTV mempunyai masalah paparan night vision; dan
- iv. Sebuah komputer tidak berfungsi.

Butiran lanjut status peralatan sistem CCTV adalah seperti berikut Jadual 54:

**JADUAL 54**  
**STATUS PERALATAN KELENGKAPAN SISTEM CCTV**

PERALATAN	KUANTITI		STATUS
	ASAL		
Digital Video Recorder (DVR)	5	3	Masih berfungsi
		1	Peralatan Tidak disokong oleh system semasa
		1	Password ID tidak boleh diakses
Monitor	5	2	Berfungsi
		3	Tidak berfungsi (rosak)
Kamera CCTV for DVR 1	16	15	Berfungsi
		1	Tidak berfungsi
Kamera CCTV for DVR 2	16	16	Tiada paparan daripada kamera disebabkan monitor tidak berfungsi.
Kamera CCTV for DVR 3	14	9	Berfungsi
		5	Faulty
Kamera CCTV for DVR 4	8	7	Befungsi
		1	Faulty
Kamera CCTV for DVR 5	7	7	Semua kamera mempunyai masalah night vision.
PC	1	1	Tiada paparan, system window tidak support

*Sesi Pemeriksaan Teknikal CCTV bersama pihak CGSO, wakil JKR dan wakil syarikat FM telah selesai dijalankan pada 21 November 2025. Ulasan telah diterima daripada CGSO pada 8 Disember 2025 dan telah dipanjangkan kepada syarikat FM dan JKR untuk persediaan dan pembentangan kertas kerja termasuk plotting CCTV setiap aras. Cadangan Dato' Sri Pengerusi untuk menumpukan di kawasan parkir basement dan pintu masuk ke Pejabat YB Menteri, YB Timbalan Menteri, Pejabat KSU serta Bahagian tersebut juga telah diambil kira bagi tujuan naiktaraf CCTV.*

*Kerja-kerja naiktaraf CCTV dijangkakan akan bermula pada Februari 2026.*

#### **4.2.5.3. Sistem Kawalan Kad Akses (CAMS)**

Semakan Audit terhadap pengurusan sistem kad Akses (CAMS) mendapati perkara berikut:

- a. Sejumlah 10 kad akses yang mempunyai 5 nombor siri yang sama telah dikeluarkan kepada individu yang berbeza. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 55.

**JADUAL 55  
NO. SIRI KAD AKSES BERTINDIH**

NAMA	BAHAGIAN	NO. SIRI KAD AKSES
Zakaria	TM	2764
Mustafa		2764
Maliami		2783
Mohd Hanapi		2783
Mohd Nawawi		2872
Sementara MED 19		2872
Patolga		2905
Sahar		2905
Aznan	BKP	3036
Asrul	BKP	3036

*10 kad akses mempunyai no siri yang sama kerana ketika itu BKP ketiadaan stok kad akses berjenama Honeywell yang boleh dibaca oleh card reader. Justeru, berikutan keperluan mendesak BKP mengambil langkah menggunakan kad akses pegawai yang telah berpindah untuk dijadikan kad akses bagi pegawai baharu.*

- b. Manakala sejumlah 19 kad akses yang dikeluarkan tidak mempunyai nombor siri. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 56.

**JADUAL 56  
KAD AKSES TIADA NO. SIRI**

NAMA	BAHAGIAN	NO. SIRI KAD AKSES
BCS		
Daud	ICT	
Ramzee	SHAKS	
Pelawat KTAK		
Sementara KUSKOP		
Jaibon		
Wahit		
Sementara KUSKOP		
Lim Shean Pin	BPSHA	
Sementara KUSKOP		
Sementara KUSKOP		
Hashin		
Sementara		
Bibi Aida		
Ahmad Safran	BKP	
Aidawati		
VIP		
Pelawat		
Sementara KUSKOP		

*19 kad akses yang tidak mempunyai no. siri telah ditampal (diguna semula) kerana kekangan stok kad akses ketika itu. No. siri kad akses perlu dikunci masuk secara manual.*

- c. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan samada kesemua 531 kad akses yang didaftarkan atas nama individu merupakan kakitangan KUSKOP serta status bilangan kad yang aktif atau tidak aktif kerana maklumat tersebut tidak dapat dijana daripada sistem.

*531 kad adalah berstatus aktif. Namun begitu sistem akan automatik menyaktifkan kad yang tidak digunakan dalam masa 3 bulan. BKP juga telah melaksanakan tindakan pemutihan kad akses pegawai bermula Januari 2025.*

- d. Wakil KUSKOP menghadiri mesyuarat berkala bersama Jabatan Kerja Raya bagi membincangkan semua perkara berkaitan kontrak fasiliti dan penyelenggaraan bangunan KUSKOP. Bagaimanapun perkara berkaitan CCTV dan kad akses tidak pernah dibincangkan dalam mesyuarat peringkat KUSKOP.

*Hal ini tidak pernah dibincangkan di peringkat dalaman KUSKOP (JKPAK Fasiliti) disebabkan pertimbangan isu keselamatan.*

#### **4.2.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan keselamatan bangunan didapati kurang memuaskan. Kehadiran petugas tidak mencapai bilangan yang ditetapkan, alat watchman dan tujuh unit CCTV tidak berfungsi serta rakaman tidak dapat diakses. Selain itu, terdapat pertindihan nombor siri kad akses dan sistem tidak dapat menjana laporan mengenai maklumat kad akses yang telah didaftarkan.

#### **4.2.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang, adalah disyorkan agar pihak BKP, KUSKOP mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Menyediakan SOP khusus bagi pengurusan kawalan keselamatan bangunan KUSKOP yang merangkumi perkhidmatan RELA, pengurusan CCTV dan pengurusan kad akses.
- b. Memastikan penggunaan CCTV dapat dioptimumkan melalui perancangan yang teliti, pengurusan yang cekap dan pemantauan yang berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan.
- c. Mewujudkan kaedah pemantauan yang lebih sistematik bagi memastikan pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan pengurusan fasiliti serta penyelenggaraan bangunan KUSKOP dibuat dengan betul dan tepat.
- d. Membincangkan perkara berkaitan pengurusan CCTV dan kad akses di dalam mesyuarat JKPAK (Fasiliti).

## 4. PENGAUDITAN PEMATUHAN

### 4.3 PENGAUDITAN PENGURUSAN KONTRAK PEMBERSIHAN BANGUNAN KUSKOP


#### 4.3.1 LATAR BELAKANG

Perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP adalah untuk mewujudkan persekitaran pejabat yang bersih, selamat dan menyenangkan bagi warga KUSKOP serta pengguna lain.

Pengurusan perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP dipertanggungjawabkan kepada Unit Pengurusan Fasiliti/Aset Tak Alih, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian dan dibantu oleh Pegawai Daftar dan Data Fasiliti, Pegawai Inspektorat Fasiliti serta Penolong Jurutera.

Tanggungjawab pihak yang terlibat menguruskan kontrak pembersihan bangunan KUSKOP adalah seperti dalam Rajah 4.

**RAJAH 4  
TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG TERLIBAT  
KONTRAK PEMBERSIHAN BANGUNAN KUSKOP**



Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KUSKOP

Spesifikasi perkhidmatan pembersihan [*House Keeping & Pest Control (HKPC)*] adalah seperti berikut:


## HOUSEKEEPING

### Perkhidmatan Pembersihan

- Membersihkan semua ruang dalam dan luar bangunan dalam sempadan.
- Membersihkan semua peralatan, lekapan dan kemasan bangunan.
- Memastikan semua peralatan bersih dan berfungsi.

### Perkhidmatan Hygienic

- Membekalkan dan mengisi semula dengan secukupnya semua kelengkapan kebersihan di dalam bilik rehat :
  - ✓ penyegar udara
  - ✓ antiseptik
  - ✓ tisu tandas
  - ✓ tuala kertas c-fold
  - ✓ dan membekalkan tong sanitari



### Perkhidmatan Pelupusan Sampah

- Menjalankan sistem pelupusan sisa yang lengkap, mencukupi dan betul.
- Mengutip semua sisa am.
- Membekalkan beg hitam yang mencukupi.
- Membekalkan tong penyimpanan pusat dalam laluan pengumpulan.


### Pembersihan Luar

- Menyapu dan membersihkan kawasan jalan raya, jalan masuk, laluan pejalan kaki dan longkang.
- Membersihkan kotoran dinding, habuk, sarang labah-labah dan kulat.
- Membersihkan menggunakan bahan kimia dan menyembur dengan pancutan air tekanan tinggi ke tiang dinding, parapet dan sebagainya.
- Membersihkan dinding tirai, tingkap dan kaca.

## PEST CONTROL

### Kawalan Pencegahan

- Menyediakan kawalan dan tindakan pencegahan yang berkesan daripada semua jenis haiwan perosak.
- Memastikan bangunan KUSKOP bebas daripada haiwan perosak.



### Perkhidmatan Kawalan

- Fogging
- Umpan tikus
- Semburan dan umpan untuk semut dan lipas
- Larvasid menggunakan abate 500E atau setara
- Tikus dan mamalia lain
- Burung
- Reptilia
- Rawatan anai-anai
- Rawatan lebah
- Rawatan hornet
- Rawatan borer
- Lalat
- Rawatan kumbang
- Segala jenis serangga yang tidak disebutkan tetapi perlu dirawat

Bagi tahun 2025 perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP) melalui kaedah seperti dalam Jadual 57.

**JADUAL 57**  
**KAEDAH PEROLEHAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN KUSKOP**  
**OLEH PIHAK JKR BAGI TAHUN 2025**

BIL.	PERIHAL	TEMPOH KUATKUASA	HARGA (RM)
1.	Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan di Blok E4/5, Kompleks E, Putrajaya Bagi Tahun 2020 Sehingga 2025 (HKPC) No. Kontrak: JKR/PERS/WPP/9/2020	1.02.2020 – 31.01.2025 (60 Bulan)	3,148,200.00*
2.	Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan di Blok E4/5, Kompleks E, Presint 1, Putrajaya Bagi Tempoh Enam (6) Bulan (HKPC) No. Kontrak: LA240000000050733	1.02.2025 – 31.07.2025 (6 Bulan)	525,096.00**
3.	Inden Kerajaan (Pelaksanaan Kerja) – Kerja-Kerja Operasi dan Penyenggaraan Luaran dan Dalaman (Hardscape & Softscape Termasuk Lain-Lain Kerja Berkaitan) di Blok E4/5, Kompleks E, Presint 1, Putrajaya No. Lantikan Terus/Requisition/Sebut Harga: JKR(WPP)078-2025	1.08.2025 – 30.09.2025 (2 Bulan)	189,000.00
4.	Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan di Blok E4/5, Kompleks E, Presint 1, Putrajaya Bagi Tahun 2025 Sehingga 2030 (HKPC) No. Kontrak: JKR/PERS/WPP/9/2025	1.09.2025 – 31.08.2030 (60 Bulan)	6,453,540.00*

Sumber: Dokumen Kontrak, Surat Setuju Terima dan Inden Kerajaan

Nota: \* - Termasuk Cukai Perkhidmatan 6%

\*\* - Termasuk Cukai Perkhidmatan 8%

#### 4.3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kontrak pembersihan bangunan KUSKOP telah diurus dengan teratur dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.


#### 4.3.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perkara berikut :

- Pelantikan Agensi Pelaksana
- Penyaluran Peruntukan
- Pemantauan

Pengurusan Kontrak  
Tahun 2025

#### 4.3.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



#### 4.3.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Disember 2025 mendapati perkara seperti berikut:

##### 4.3.5.1. Pelantikan Agensi Pelaksana

- a. KUSKOP tidak mengeluarkan surat pelantikan Agensi Pelaksana kepada JKRWPP bagi menguruskan dua projek kerja perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP tahun 2025. Dua projek kerja tersebut adalah seperti berikut:
  - i. Kontrak JKR/PERS/WPP/9/2020 bagi tempoh 1 Februari 2020 hingga 31 Januari 2025 (60 bulan); dan
  - ii. Kontrak LA240000000050733 bagi tempoh 1 Februari 2025 hingga 31 Julai 2025 (6 bulan).
- b. Bagaimanapun, tindakan penambahbaikan telah diambil oleh KUSKOP dengan mengeluarkan surat pelantikan Agensi Pelaksana kepada JKRWPP melalui surat MEDAC.200-7/4/1(29) bertarikh 28 Januari 2025 bagi kontrak HKPC yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2025 hingga 31 Julai 2030.

**Pendapat Audit : Pelantikan Agensi Pelaksana telah ditambah baik dengan mengeluarkan surat pelantikan Agensi Pelaksana bagi kontrak HKPC yang berkuatkuasa pada 1 Ogos hingga 31 Julai 2030.**

##### 4.3.5.2. Penyaluran Peruntukan

Sehingga 15 Disember 2025 KUSKOP telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM4.47 juta kepada JKRWPP dalam tempoh 7 hingga 20 hari untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP. Butirannya adalah seperti dalam Jadual 58.

**JADUAL 58**  
**PENYALURAN PERUNTUKAN KEPADA JKRWPP SEHINGGA 15 DISEMBER 2025**

BIL.	PERIHAL	PERMOHONAN		PENYALURAN		TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN (BIL. HARI) (b-a)
		NO. RUJUKAN SURAT JKRWPP/TARIKH (a)	AMAUN (RM)	NO. RUJUKAN WARAN/TARIKH (b)	AMAUN (RM)	
1.	Penyaluran Peruntukan Separuh Tahun Pertama 2025 (HKPC)	JKRWPP091.039/01 JLD.19(34)/ 10.12.2024	3,000,000	91000029/ 08.01.2025	3,000,000	20
2.	Penyaluran Peruntukan Separuh Tahun Kedua 2025 (HKPC)	JKRWPP091.039/01 JLD.20(39)/ 29.08.2025	1,470,000	91000150/ 10.09.2025	1,468,989	7
<b>JUMLAH KESELURUHAN (RM)</b>					<b>4,468,989</b>	

**Pendapat Audit : Penyaluran peruntukan kepada Agensi Pelaksana adalah teratur. Waran Peruntukan Kecil telah dikemukakan oleh KUSKOP kepada Pegawai Pengawal Jabatan Teknik dalam tempoh 7 hingga 20 hari dalam tahun 2025.**

#### 4.3.5.3. Pemantauan

- a. BKP memantau tahap perkhidmatan pembersihan bangunan KUSKOP melalui mesyuarat berkala bersama pihak JKRWPP dan kontraktor. Selain itu, BKP turut melaksanakan pemantauan di lapangan untuk menentukan tahap kebersihan di bangunan KUSKOP serta menangani aduan yang diterima daripada pengguna.
- b. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
  - i. Pada tahun 2025, Pegawai Inspektorat Fasilitas serta Penolong Jurutera BKP telah menghadiri 11 Mesyuarat Pengurusan Fasilitas dan Penyenggaraan Bagi Blok E4/5 KUSKOP (MPFP) bersama pihak JKRWPP dan kontraktor. Antara perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:
    - Laporan Pengurusan Aset;
    - Pembentangan Analisis Jurang Peruntukan 2024/2025;
    - Laporan *Ascertained Performance Deduction* (APD);
    - Laporan Penyenggaraan Bulanan (Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan, Laporan Kemajuan Kerja Fizikal (self-finding);
    - Perkara-perkara berbangkit; dan
    - Hal-hal lain.
  - ii. Bagaimanapun, jadual pemantauan di lapangan dan laporan pemantauan tidak disediakan untuk melaporkan hasil pemantauan tersebut.

**Pendapat Audit : Pemantauan BKP terhadap pengurusan kontrak pembersihan bangunan KUSKOP adalah kurang teratur. BKP telah melaksanakan pemantauan terhadap pengurusan kontrak pembersihan bangunan KUSKOP melalui MPFP. Bagaimanapun, pemantauan di lapangan tidak dilaksanakan secara berkala dan tidak dilaporkan. Risiko kepada pembayaran bagi kerja yang tidak sempurna atau tidak mengikut spesifikasi.**

*Tindakan pemantauan di lapangan kerja-kerja Planned Preventive Maintenance (PPM) secara harian, bulanan dan mingguan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor disahkan oleh Facility Management Inspector yang dilantik oleh JKR.*

*BKP telah memohon supaya Laporan PPM diserahkan untuk pengesahan BKP pada setiap minggu berbanding setiap bulan sebelum ini supaya pemeriksaan secara rawak dan mengejut dapat dilaksanakan melalui pelaporan tersebut.*

*Computerized Maintenance Management System (CMMS) telah diwujudkan oleh pihak kontraktor dan akan membantu kerja-kerja pemantauan kontrak pembersihan di KUSKOP.*

#### **4.3.6 RUMUSAN DAN SYOR KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, kontrak pembersihan bangunan KUSKOP (pelantikan Agensi Pelaksana, penyaluran peruntukan dan pemantauan) telah diurus dengan teratur. Bagaimanapun terdapat kelemahan dalam pemantauan yang perlu ditambah baik. Sehubungan itu, pihak Audit mencadangkan supaya pihak BKP mengambil tindakan penambahbaikan dengan memperkasa mekanisme/tatacara pemantauan di lapangan dengan penyediaan jadual dan sistem pelaporan bagi pengesahan prestasi kerja kontraktor.

## 5. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

### 5.1 PENGAUDITAN PENILAIAN KENDIRI PENGURUSAN KEWANGAN KUSKOP DAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR TAHUN 2025

#### 5.1.1 LATAR BELAKANG

Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK) adalah satu pendekatan menyemak dan menilai secara atas talian sama ada Pusat Tanggungjawab (PTJ) melaksanakan kawalan dalaman dengan cekap.

Perbendaharaan Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menjalinkan perkongsian strategik bagi pelaksanaan Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (PKPK) oleh UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Modul Self-Assessment Audit (SAA) di dalam Sistem Integrated Audit Report And Feedback Management (iAREF).

PKPK dijalankan terhadap lapan (8) elemen pengurusan kewangan iaitu:



Pemarkahan bagi tahap penarafan Pengurusan Kewangan adalah seperti berikut:


	90 hingga 100 (Cemerlang)
	80 hingga 89.9 (Baik)
	70 hingga 79.9 (Memuaskan)
	60 hingga 69.9 (Kurang Memuaskan)
	59.9 ke bawah (Tidak Memuaskan)

### 5.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif PKPK adalah untuk memastikan semua PTJ KUSKOP dapat membuat penilaian terhadap pengurusan kewangan di bawah seliaan masing-masing pada setiap tahun secara sistematik melalui Modul SAA dalam Sistem iAREF.


### 5.1.3 KOMPONEN PENILAIAN

Dua (2) peringkat komponen penilaian iaitu:



### 5.1.4 SKOP PENGAUDITAN

Skop bagi PKPK adalah seperti berikut:



Pengesahan oleh Juruaudit meliputi empat (4) elemen utama seperti berikut:



Pengesahan oleh Juruaudit — 4 Elemen :

- ✓ Pengurusan Perolehan
- ✓ Kawalan Perbelanjaan
- ✓ Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah dan Deposit
- ✓ Pengurusan Aset dan Stor


Pemilihan elemen dibuat berdasarkan pencapaian markah 100% bagi tahun 2025 berbanding tahun 2023 dan berdasarkan peningkatan markah serta tahap risiko tinggi elemen tersebut. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan bagi tahun 2023 dan 2025 adalah seperti dalam Jadual 59.

**JADUAL 59**  
**TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN BAGI**  
**TAHUN 2023 DAN 2025**

BIL.	JENIS KAWALAN	JUMLAH MARKAH (%)	
		2023	2025
1.	Pengurusan Perolehan	95.6	100.00
2.	Kawalan Perbelanjaan	91.8	100.00
3.	Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit	75.9	100.00
4.	Pengurusan Aset dan Stor	97.0	98.73

Nota: Perbandingan markah dibuat di antara tahun 2025 dan 2023 kerana pada tahun 2024 penilaian hanya dibuat terhadap dua kawalan iaitu Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.

### 5.1.5 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 5.1.6 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Oktober hingga November 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 5.1.6.1. Penilaian Kendiri Oleh Auditi

- a. Set soalan PKPK telah dihantar melalui Sistem iAREF kepada dua (2) PTJ KUSKOP iaitu BKEW dan PKK pada 15 Oktober 2025 dan tarikh akhir untuk PTJ mengemukakan jawapan adalah pada 7 November 2025.
- b. Tarikh akhir untuk PTJ mengemukakan jawapan set soalan PKPK telah dilanjutkan sehingga 17 November 2025 kerana Sistem iAREF tidak dapat diakses oleh pengguna bermula pada 24 Oktober hingga 1 November 2025 bagi aktiviti penyenggaraan sistem. Selain itu, BKEW telah diluluskan pelanjutan masa untuk menjawab dan mengemukakan jawapan set soalan PKPK sehingga 19 November 2025.
- c. Pihak PKK telah mengemukakan jawapan set soalan PKPK pada 17 November 2025 manakala BKEW tidak mengemukakan jawapan set soalan PKPK pada tarikh pelanjutan kedua iaitu pada 19 November 2025. Kegagalan BKEW mengemukakan jawapan dalam tempoh yang ditetapkan adalah kerana tiada penyelarasan antara BKEW (PTJ) dan Auditi Penyedia di BKEW, BKP, BPTM dan BPSM.

#### 5.1.6.2. Prestasi Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan

Berdasarkan laporan PKPK yang dijana melalui Sistem iAREF, tahap pematuhan pengurusan kewangan PKK pada tahun 2025 adalah Cemerlang (97.59%). Butirannya adalah seperti dalam Jadual 60.

**JADUAL 60**  
**TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN**

BIL.	ELEMEN KAWALAN	MARKAH (%)
1.	Kawalan Pengurusan	4.88/5
2.	Kawalan Bajet	5/5
3.	Kawalan Terimaan	13.55/15
4.	Pengurusan Perolehan	25/25
5.	Kawalan Perbelanjaan	20/20
6.	Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit	5/5
7.	Pengurusan Aset dan Stor	14.81/15
8.	Pengurusan Kenderaan	9.35/10
<b>JUMLAH</b>		<b>97.59</b>

Sumber : Laporan Penilaian Kendiri Sistem iAREF

### 5.1.6.3. Pengesahan Penilaian Kendiri Oleh Juruaudit

- a. UAD telah melaksanakan pengesahan terhadap laporan PKPK yang dijana melalui Sistem iAREF di PKK pada 24 hingga 28 November 2025.
- b. Tahap pematuhan pengurusan kewangan bagi empat (4) elemen di PKK pada tahun 2025 adalah 99.42% (Cemerlang). Butiran terperinci seperti dalam Jadual 61.

**JADUAL 61**  
**TAHAP PEMATUHAN PENGURUSAN KEWANGAN MENGIKUT KAWALAN**

BIL.	ELEMEN KAWALAN	WAJARAN PEMARKAHAN (a)	MARKAH (%)		BEZA (c-b)
			PKPK (b)	SEMAKAN AUDIT (c)	
1.	Pengurusan Perolehan	25	25	25	-
2.	Kawalan Perbelanjaan	20	20	20	-
3.	Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah dan Deposit	5	5	4.81	0.19
4.	Pengurusan Aset dan Stor	15	14.81	14.81	-
<b>JUMLAH</b>		<b>65</b>	<b>64.81</b>	<b>64.62</b>	<b>0.19</b>
<b>MARKAH PEMATUHAN*</b>		<b>99.42%</b>			

Nota: (\*) – Markah Pematuhan = Jumlah Markah Semakan Audit/Wajaran Pemarkahan

### 5.1.7 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif PKPK untuk memastikan semua PTJ KUSKOP dapat membuat penilaian terhadap pengurusan kewangan di bawah seliaan masing-masing pada setiap tahun secara sistematik melalui Modul SAA dalam Sistem iAREF kurang berjaya dicapai. Ini adalah disebabkan daripada dua PTJ, hanya PKK mengemukakan jawapan set soalan dalam tempoh masa ditetapkan manakala BKEW tidak mengemukakan jawapan set soalan dalam tempoh yang ditetapkan. Berdasarkan semakan UAD terhadap empat elemen berisiko, PKK memperolehi markah pematuhan sebanyak 99.42% (Cemerlang).

### 5.1.8 SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif PKPK dapat dicapai, adalah disyorkan kepada pihak BKEW untuk melaksanakan penyelarasan antara auditi penyedia dan auditi pengesah serta memastikan jawapan set soalan dikemukakan dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada UAD.

## 6. PENGAUDITAN KEWANGAN

### 6.1 PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

#### 6.1.1 LATAR BELAKANG

Arahan Pembayaran merupakan dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/ perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Pada tahun 2024 KUSKOP telah membuat bayaran berjumlah RM685.6 juta melalui 4,336 Arahan Pembayaran.

#### 6.1.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN


Pengauditan dijalankan untuk memastikan semua peraturan kewangan yang ditetapkan bagi pengurusan pembayaran telah dipatuhi.

#### 6.1.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dilaksanakan terhadap Arahan Pembayaran bagi tempoh Januari hingga Disember 2024 yang dipilih secara rawak. Sebanyak 103 Arahan Pembayaran berjumlah RM1.22 juta melibatkan bayaran Pengiklanan dan Pemantauan Media Sosial, Elaun Lebih Masa, Tuntutan Perjalanan dan Gaji MySTEP telah disemak.

	BIL. SAMPEL	JUMLAH (RM)
Pengiklanan dan Pemantauan Media Sosial	21	RM1,001,335
Elaun Lebih Masa	38	RM61,010
Tuntutan Perjalanan	36	RM148,305
Gaji MySTEP	8	RM11,212

### 6.1.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 6.1.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada 3 hingga 27 Mac 2025 mendapati perkara seperti berikut:

#### 6.1.5.1. Bayaran Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Sosial

Pembayaran telah dibuat bagi perkhidmatan mengurus 80 content Whatsapp Channel berjumlah RM8,000 iaitu melebihi 10 content dan bayaran berjumlah RM1,000 berbanding SST. Semakan selanjutnya mendapati tiada dokumen yang menyokong tambahan kuantiti bagi perkhidmatan tersebut.

**Pendapat Audit : Bayaran penyiaran pengiklanan melalui media sosial tidak teratur kerana perkhidmatan telah dilaksanakan melebihi kuantiti yang telah ditetapkan dalam SST.**

*Kutipan semula lebih bayaran sebanyak RM1,000.00 daripada pihak pembekal telah diselesaikan sepenuhnya.*

#### 6.1.5.2. Bayaran Personel MySTEP

- a. 6 kontrak Personel MySTEP telah ditandatangani oleh pegawai yang tidak diturunkan kuasa oleh Menteri di bawah Akta Kontrak 1949.

*Tindakan pembetulan telah diambil dengan menandatangani semula perjanjian kontrak MySTEP.*

- b. KUSKOP ada menyediakan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP. Bagaimanapun, Sasaran Pencapaian Output tersebut tidak mendapat kelulusan Pegawai Pengawal.

*Satu kertas pertimbangan perwakilan kuasa berkenaan perolehan MySTEP KUSKOP yang lebih jelas akan diangkat kepada YBhg. Dato' Sri KSU untuk persetujuan.*

- c. Bayaran upah Personel MySTEP telah terlebih bayar sebanyak RM1,245.43. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 62.

**JADUAL 62**  
**BAYARAN UPAH PERSONEL MySTEP TERLEBIH BAYAR**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	TELAH BAYAR (RM) (a)	BAYARAN MAKSIMUM (RM) (b)	PERBEZAAN (RM) (a-b)
12001473 / 10.06.2024	<b>RM2,100.00</b>	25 / 31 X RM2,100 = <b>RM1,693.55</b>	<b>406.45</b>
12003085 / 07.10.2024	<b>RM1,798.73</b>	22 / 30 X RM1,900 = <b>RM1,393.33</b>	<b>405.40</b>
12003512 / 06.11.2024	<b>RM1,991.64</b>	23 / 31 X RM2,100 = <b>RM1,558.06</b>	<b>433.58</b>
<b>JUMLAH</b>			<b>1,245.43</b>

*Hanya terdapat satu kes terlebih bayar, iaitu bayaran upah bagi bulan Mei 2024 berjumlah RM91.27. Kutipan balik jumlah tersebut telah diselesaikan sepenuhnya.*

- d. Pembayaran upah Personel MySTEP bagi bulan Mei 2024 melalui Arahan Pembayaran bernombor 12001473 bertarikh 10 Jun 2024 berjumlah RM1,858.75 mendapati pencapaian Personel MySTEP tidak dinyatakan pada Borang Penilaian Pencapaian Output. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pegawai berkenaan telah mencapai sasaran output yang ditetapkan.

*Berdasarkan output yang dikemukakan oleh Personel MySTEP bayaran yang sepatutnya dibayar pada bulan Mei 2024 adalah berjumlah RM2,018.73.*

**Pendapat Audit : Bayaran Personel MySTEP tidak teratur kerana asas upah bulanan tidak menjadi teras terhadap perkiraan upah.**

### **6.1.5.3. Kerja Lebih Masa (KLM)**

- a. Elaun Lebih Masa (ELM) telah terlebih bayar sejumlah RM697.72 melalui 8 Arahan Pembayaran kerana KLM melebihi waktu yang dinyatakan dalam arahan KLM dan aturcara program yang berkaitan. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 63.

**JADUAL 63**  
**ELAUN LEBIH MASA TERLEBIH BAYAR**

NO. / TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	TARIKH DAN MASA DALAM SURAT ARAHAN KLM	JUMLAH BAYARAN ELM YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR	
		PENGIRAAN AUDIT	JUMLAH
12000601 / 11.03.2024	22 hingga 26.02.2024 8.00 AM - 10.00 PM	10.00 PM – 11.30PM 1.5 jam X RM14.68 = RM22.02	RM52.83
		10.00 PM – 11.45PM 1.75 jam X RM17.61 = RM30.81	
12000626 / 12.03.2024	22 hingga 26.02.2024 8.00 AM - 10.00 PM	10.00 PM – 11.30PM 1.5 jam X RM11.61 = RM17.41	RM59.78
		10.00 PM – 11.15PM 1.25 jam X RM11.61 = RM14.51	
		10.00 PM – 12.00AM 2 jam X RM13.93 = RM27.86	
12000647 / 13.03.2024	22 hingga 26.02.2024 8.00 AM – 10.00PM	10.00 PM – 12.00PM 2 jam X RM29.74 = RM59.48	RM59.48
12001508 / 11.06.2024	24 dan 25.05.2024 8.00 AM - 10.00 PM	10.00 PM – 11.45PM 1.75 jam X RM22.71 = RM39.74	RM87.42
		10.00 PM – 11.45PM 1.75 jam X RM27.25 = RM47.68	
12001830 / 09.07.2024	28.06.2024 9.00 AM - 6.00PM	6.00 PM – 11.30 PM 4 jam X RM16.40 = RM65.60 1.5 jam X RM18.22 = RM27.33	RM92.93
12001970 / 15.07.2024	16.06.2024 8.00 AM – 6.00PM	13 jam X RM14.96 = RM194.48	RM194.48
12002290 / 12.08.2024	03 dan 04.07.2024 8.00 AM – 10.00 PM	10.00 PM – 11.00PM 1 jam X RM16.54 = RM16.54	RM49.62
	05.07.2024 9.00 AM – 10.00 PM	10.00 PM – 11.00PM 1 jam X RM16.54 = RM16.54	
12003539 / 07.11.2024	12 dan 13.10.2024 8.00 AM – 6.00PM	6.00 PM – 10.00 PM 4 jam X RM13.49 = RM53.96	RM101.18
		6.00 PM – 9.30 PM 3.5 jam X RM13.49 = RM47.22	
<b>JUMLAH</b>			<b>RM697.72</b>

*Proses semakan dokumen tuntutan sebelum pembayaran telah diperketat. Proses tuntutan bayaran balik telah dilaksanakan dan 8 kutipan bayaran balik telah berjaya diperoleh.*

- b. 3 pembayaran ELM berjumlah RM1,631.57 tidak disokong dengan arahan KLM. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 64.

**JADUAL 64**  
**PEMBAYARAN TIDAK DISOKONG DENGAN ARAHAN KLM**

NO. / TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	WAKTU KERJA LEBIH MASA / JUMLAH	CATATAN
12003836 / 22.11.2024	19.10.2024 (Sabtu) 10.15 AM – 9.15PM (10 jam) Jumlah = RM124.80	Tiada arahan KLM bagi tugas memantau kerja-kerja <i>internal cleaning</i> dan kerja-kerja <i>troubleshooting</i> kerosakan penyaman udara di aras 6 Pejabat YBTM.

**JADUAL 64**  
**PEMBAYARAN TIDAK DISOKONG DENGAN ARAHAN KLM**

NO. / TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	WAKTU KERJA LEBIH MASA / JUMLAH	CATATAN
	20.10.2024 (Ahad) 4.00PM – 1.15AM (8.25 jam) Jumlah = RM107.96	Tiada arahan KLM bagi tugas sebagai pemandu ganti untuk mengambil pegawai KUSKOP di KLIA menggunakan kenderaan Jabatan.
12004165 / 03.12.2024	01 - 5.11.2024 (50.25 jam) Jumlah = RM995.37	Tiada arahan KLM bagi tugas mengiringi YBhg. Dato' Sri KSU di sekitar Pulau Pinang bersama Pegawai Khas menghadiri Program HPPK di Pulau Pinang dan lawatan kerja bersama TEKUN di Kedah.
12004136 / 03.12.2024	09.11.2024 (Sabtu) 10.00AM – 10.00PM (11 jam) Jumlah = RM209.33	Berdasarkan memo arahan bertugas No. Ruj. MEDAC.100-12/1/3 JLD 2 (70), pegawai hanya bertugas sebagai jawatankuasa jamuan iaitu memastikan jamuan santapan untuk VVIP berjalan dengan lancar. Majlis perasmian yang melibatkan jamuan makan YBTM hanya pada 08.11.2024
	10.11.2024 (Ahad) 12.00PM – 11.00PM (10 jam) Jumlah = RM194.11	

*3 tuntutan melibatkan arahan kerja lebih masa yang tidak lengkap serta tempoh tugas yang tidak munasabah masih dalam proses penyelesaian bersama pegawai berkaitan.*

- c. Laporan iHadir yang menyokong tuntutan ELM tidak lengkap kerana tiada rekod waktu keluar semasa menjalankan KLM.

*Laporan kehadiran pegawai berkenaan telah dilengkapi sepenuhnya, dan tempoh pelaksanaan tugas telah disahkan oleh penyelia yang bertanggungjawab.*

- d. Tiada kelulusan diperoleh daripada Unit Pentadbiran Am (UPA), KUSKOP bagi Pegawai Keselamatan (PK) yang menjalankan tugas KLM untuk menggantikan PK yang tidak dapat bertugas. PK hanya memaklumkan mengenai penggantian kepada UPA, KUSKOP melalui emel pada penghujung bulan atau bulan berikutnya.

*Penggantian kerja lebih masa telah dilaksanakan terlebih dahulu dan kelulusan rasmi hanya diperoleh daripada penyelia selepas tugas disempurnakan.*

*SOP kelulusan kerja lebih masa dan penggantian tugas kawalan keselamatan telah ditambah baik.*

**Pendapat Audit : Bayaran ELM tidak teratur kerana tempoh KLM melebihi arahan KLM, tidak disokong dengan arahan KLM dan Laporan iHadir. Selain itu, penggantian PK untuk KLM tidak mendapat kelulusan UPA.**

#### 6.1.5.4. Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri

- a. Tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian semasa bertugas rasmi telah terlebih bayar sebanyak RM102.50. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 65.

**JADUAL 65**  
**ELAUN MAKAN/HARIAN TERLEBIH BAYAR**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	ULASAN AUDIT
12003451 / 30.10.2024	<b>Elaun Makan terlebih bayar sebanyak RM40.</b> Elaun Makan pada 30.09.2024 tidak layak dibayar kerana berdasarkan iHadir pegawai bergerak ke Kedah pada 1.10.2024 pada pukul 10.29 pagi dan tiba di Kedah pada pukul 7.50 malam.
12003914 / 36.11.2024	<b>Elaun Harian terlebih bayar sebanyak RM20.</b> Elaun Harian pada 12.10.2024 tidak layak dibayar kerana pegawai menjalankan tugas rasmi dalam lingkungan jarak 10 kilometer dari Ibu Pejabat.
12004238 / 04.12.2024	<b>Elaun Harian terlebih bayar sebanyak RM42.50.</b> Elaun Harian pada 08.11.2024 tidak layak dibayar kerana makan tengah hari disediakan oleh pihak penganjur pada pukul 12.00 tengah hari.

*Kutipan bayaran balik telah berjaya diperolehi sepenuhnya.*

- b. Dokumen sokongan tidak disertakan bersama 9 Arahkan Pembayaran menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan yang dibuat oleh pegawai mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 66.

**JADUAL 66**  
**DOKUMEN SOKONGAN TIDAK LENGKAP**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTA BERSAMA ARAHAN PEMBAYARAN
12000138 / 15.01.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 7, 26 dan 27 Disember 2023.
12001479 / 10.06.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 10 hingga 12 Mei 2024 dan 23 hingga 25 Mei 2024.
12002514 / 28.08.2024	Tiada surat jemputan dan Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 1, 12 hingga 15 Ogos 2024.
12002579 / 02.09.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 29 Jun 2024 hingga 1 Julai 2024 dan 9 hingga 11 Julai 2024.
12002586 / 02.09.2024	Tiada resit/bukti pembayaran tol berjumlah RM156.44.
12003476 / 05.11.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 3 hingga 15 Oktober 2024.
12004048 / 02.12.2024	Tiada salinan surat arahan bertugas rasmi dan Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 12 November 2024.

**JADUAL 66**  
**DOKUMEN SOKONGAN TIDAK LENGKAP**

<b>NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN</b>	<b>DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTA BERSAMA ARAHAN PEMBAYARAN</b>
12004089 / 03.12.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 11 dan 12 November 2024.
12004121 / 03.12.2024	Tiada Borang Permohonan Bertugas Rasmi/Kursus Di Luar Pejabat pada 1 hingga 3, 22 hingga 25 dan 28 November 2024.

*Dokumen sokongan yang belum dikemukakan sebelum ini telah dikumpulkan semula daripada pegawai berkaitan.*

- c. 14 resit pembayaran berjumlah RM11,128.49 untuk 4 Arahan Pembayaran tidak dibuat perakuan pembayaran. Butiran terperinci seperti dalam Jadual 67.

**JADUAL 67**  
**RESIT PEMBAYARAN TIDAK DIPERAKU**

<b>NO. &amp; TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN</b>	<b>NO. RUJUKAN RESIT PEMBAYARAN</b>	<b>AMAUN (RM)</b>
12000138 & 15.01.2024	003564	763.20
	010000	91.00
	66M6NQ	2,031.30
	923100075598	90.00
	66P4G4	926.78
	923100075604	90.00
12000456 & 01.03.2024	1189163057	183.85
	2400782	221.94
	1189181281	437.00
	1189188089	457.08
	151687467	36.67
12000456 & 04.03.2024	84132	330.00
	54E3QU	4,894.67
12000456 & 22.04.2024	24-8202	575.00
<b>JUMLAH</b>		<b>11,128.49</b>

*Resit pembayaran telah diperakui oleh pegawai berkaitan, kecuali seorang pegawai yang telah bertukar keluar.*

- d. Pengesahan Kenyataan Tuntutan Elaun Perjalanan Dalam Negeri Bulan Mei 2024 bagi Arahan Pembayaran bernombor 12001545 bertarikh 12 Jun tidak disahkan oleh Ketua Jabatan sebaliknya disahkan oleh Penolong Setiausaha Gred M44.

*Pegawai terlibat telah diberi peringatan melalui emel bertarikh 26 Mei 2025 agar memastikan pematuhan terhadap keperluan tersebut pada masa akan datang.*

- e. Arahan Pembayaran bernombor 12000138 bertarikh 15.01.2024 bagi pembayaran tuntutan perjalanan bulan Disember 2023 berjumlah RM4,253.78 tidak dicap/ditebuk 'Telah Bayar'.

*Tindakan pembedulan telah diambil dengan menebuk cap 'Telah Bayar' pada dokumen arahan pembayaran tersebut.*

**Pendapat Audit : Bayaran tuntutan perjalanan adalah tidak teratur kerana dokumen sokongan yang dikemukakan tidak lengkap, resit pembayaran tidak diperaku dan pengesahan tuntutan tidak dibuat oleh Ketua Jabatan.**

#### **6.1.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan Arahan Pembayaran adalah kurang teratur dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ketidakpatuhan ini melibatkan bayaran penyiaran pengiklanan media sosial yang dilaksanakan melebihi kuantiti yang ditetapkan dalam SST serta bayaran Personel MySTEP yang tidak berasaskan kadar upah bulanan yang sepatutnya. Bayaran ELM juga didapati terlebih bayar dan tidak disokong dengan dokumen berkaitan. Selain itu, bayaran tuntutan perjalanan turut didapati tidak teratur berikutan dokumen sokongan yang tidak lengkap, resit pembayaran tidak diperaku serta tuntutan tidak disahkan oleh Ketua Jabatan.

#### **6.1.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan adalah disyorkan kepada pihak BKEW untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- a. Semua pembayaran dibuat secara teratur, munasabah dan berpatutan;
- b. Kelulusan daripada Pegawai Pengawal diperolehi bagi penetapan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP; dan
- c. Kutipan balik terhadap Bayaran Upah Personel MySTEP yang terlebih bayar diambil.

## 6. PENGAUDITAN KEWANGAN

### 6.2 PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR

#### 6.2.1 LATAR BELAKANG

Arahan Pembayaran merupakan dokumen kewangan (Kew.330E/330) yang diperakukan oleh PTJ kepada Pejabat Perakaunan untuk membuat bayaran. Dokumen ini disokong dengan butir-butir penuh mengenai setiap tuntutan, pendahuluan, perolehan bekalan/ perkhidmatan atau kerja yang telah disempurnakan. Pada tahun 2024 PKK telah membuat bayaran berjumlah RM8.50 juta melalui 2,375 Arahan Pembayaran.

#### 6.2.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN


Pengauditan dijalankan untuk memastikan semua peraturan kewangan yang ditetapkan bagi pengurusan pembayaran telah dipatuhi.

#### 6.2.3 SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan telah dilaksanakan terhadap Arahan Pembayaran bagi tempoh Januari hingga Disember 2024 yang dipilih secara rawak. Sebanyak 111 Arahan Pembayaran berjumlah RM128,560.24 melibatkan bayaran Elaun Lebih Masa, Tuntutan Perjalanan dan Gaji MySTEP telah disemak.

	BIL. SAMPEL	JUMLAH (RM)
Elaun Lebih Masa	50	RM50,403
Tuntutan Perjalanan	50	RM74,445
Gaji MySTEP	11	RM3,712

## 6.2.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



## 6.2.5 PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada 3 hingga 21 Februari 2025 mendapati perkara seperti berikut:

### 6.2.5.1. Bayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri

- a. Tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian semasa bertugas rasmi telah terlebih bayar sebanyak RM188.50. Butiran lanjut seperti di Jadual 68.

**JADUAL 68**  
**TUNTUTAN ELAUN MAKAN/HARIAN TERLEBIH BAYAR**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	ULASAN AUDIT
12000028/ 09.01.2024	Elaun Harian terlebih bayar sebanyak <b>RM55</b> . Elaun Harian pada 20 dan 21 Disember 2023 tidak layak dibayar kerana pegawai menjalankan tugas rasmi dalam lingkungan jarak kurang 25 km dari Ibu Pejabat.
12000031/ 09.01.2024	Elaun Harian terlebih bayar sebanyak <b>RM55</b> . Elaun Harian pada 20 dan 21 Disember 2023 tidak layak dibayar kerana pegawai menjalankan tugas rasmi dalam lingkungan jarak kurang 25 km dari Ibu Pejabat.
12000242/ 04.03.2024	Elaun Harian terlebih bayar sebanyak <b>RM22.50</b> . Elaun Harian pada 16 dan 18 Februari 2024 tidak layak dibayar kerana pegawai menjalankan tugas rasmi di luar Ibu Pejabat kurang 8 jam.
12001407/ 16.08.2024	Elaun Makan terlebih bayar sebanyak <b>RM56</b> . Elaun Makan pada 16 Julai 2024 hanya layak dibayar 60% sahaja kerana makan tengah hari disediakan. Manakala pada 19 Julai 2024, pegawai tidak layak dibayar sebarang elaun kerana makan tengah hari telah disediakan dan kurang 24 jam.

*Kutipan balik bagi baucar bayaran 12000028, 12000031 dan 12000242 telah dibuat terhadap pegawai yang terlibat.*

*Bagaimanapun, bagi baucar bayaran 12001407, PKK mendapati elaun makan layak dibayar kepada pegawai kerana pegawai bertugas sebagai urusetia kursus dan penganjur hanya menyediakan makanan untuk peserta kursus yang terlibat sahaja.*

- b. Pegawai yang menghadiri latihan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya pada 6 hingga 7 Mac 2024 tidak menginap di Putrajaya sebaliknya menginap di Quill Residences Suites KLCC, Kuala Lumpur. Jarak perjalanan terdekat lokasi penginapan dengan lokasi latihan adalah sejauh 36 kilometer (sehalu). Pegawai tersenut telah menuntut tambang pengangkutan awam iaitu Teksi/E-hailing berjumlah RM430.69 dan dibayar sejumlah RM367.10 bagi perjalanan menghadiri kursus serta perjalanan pergi dan balik dari KLIA ke Quill Residences Suites KLCC. Bagaimanapun, bayaran berjumlah RM367.10 tidak dapat diperincikan oleh Seksyen Kewangan PKK. Butiran lanjut seperti di Jadual 69.

**JADUAL 69  
TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM**

TARIKH	PERJALANAN	BOOKING ID	JUMLAH (RM)
05.03.2024	KLIA ke Quill Suites KLCC	A-64CJRS5WWJHQ	72.53
06.03.2024	Quill Suites KLCC ke JPN Putrajaya	A-64FOD2PWWEM3	66.00
	JPN Putrajaya ke Quill Suites KLCC	Tiada Maklumat	66.00
07.03.2024	Quill Suites KLCC ke JPN Putrajaya	A-64IVOV8WWFF2	88.00
	JPN Putrajaya ke Putrajaya Sentral	A-64KJPK4WWIL5	18.50
	Putrajaya Sentral ke KL Sentral (ERL)	Tiada Maklumat	14.00
	KL Sentral ke Quill Suites KLCC	Tiada Maklumat	29.50
09.03.2024	Quill Suites KLCC ke KLIA	A-64RDQ93G2JIT	76.16
<b>JUMLAH</b>			<b>430.69</b>

*PKK mengambil maklum berkaitan perkara ini dan satu kawalan dalaman akan dikeluarkan bagi memastikan isu ini tidak berulang.*

- c. Dokumen sokongan tidak disertakan bersama 2 Arahan Pembayaran menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan yang dibuat oleh pegawai mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Butiran lanjut seperti di Jadual 70.

**JADUAL 70  
DOKUMEN SOKONGAN TIDAK LENGKAP**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	DOKUMEN SOKONGAN YANG TIDAK DISERTA BERSAMA ARAHAN PEMBAYARAN
12000362/ 12.03.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bil/resit yang lengkap dan maklumat terperinci yang diperakui oleh pegawai bagi tuntutan tiket kapal terbang berjumlah RM676.62.</li> </ul>
12000540/ 04.04.2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>Borang kebenaran berkursus di luar pejabat bagi menghadiri latihan secara <i>hands-on</i> Sistem Pengurusan SKWAK di Putrajaya.</li> <li>Surat kebenaran Ketua Jabatan bagi menggunakan kenderaan sendiri melebihi 240km.</li> </ul>

*Senarai Semak Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri PKK berkaitan dokumen sokongan yang terlibat telah dikemas kini.*

- d. Semua dokumen sokongan bagi Arahan Pembayaran bernombor 12001732 bertarikh 3 Oktober 2024 tidak disahkan oleh pegawai yang dibenarkan. Dokumen sokongan disemak dan diperakui oleh Penolong Pegawai Tadbir Gred N29.

*Satu memo peringatan kepada pegawai telah dikeluarkan bagi memastikan pegawai terbabit cakna terhadap peraturan yang berkuatkuasa dan untuk memastikan perkara ini tidak berulang.*

**Pendapat Audit : Bayaran Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri tidak teratur kerana bayaran telah dibuat bagi jarak dan tempoh yang tidak mencukupi, tiada langkah penjimatan bagi tuntutan tambang pengangkutan awam dan dokumen sokongan tidak lengkap serta tidak diperakui oleh pegawai yang dibenarkan.**

#### 6.2.5.2. Bayaran Personel MySTEP

- a. PKK ada menyediakan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP. Bagaimanapun pelaksanaan Sasaran Pencapaian Output tersebut tiada kelulusan daripada Pegawai Pengawal.

*Pihak BPSM, KUSKOP sedang mengangkat kelulusan Pegawai Pengawal bagi penetapan Sasaran Output Perkhidmatan Personel MyStep.*

- b. Bayaran upah Personel MySTEP melalui Arahan Pembayaran bernombor 12002067 bertarikh 14 November 2024 telah terlebih bayar sebanyak RM1,076.67. Butiran lanjut seperti di Jadual 71.

**JADUAL 71  
BAYARAN UPAH PERSONEL MySTEP TERLEBIH BAYAR**

NO. /TARIKH ARAHAN PEMBAYARAN	TELAH BAYAR (RM) (a)	BAYARAN MAKSIMUM (RM) (b)	PERBEZAAN (RM) (a-b)
12002067 / 14.11.2024	<b>RM1,360</b>	5 / 30 x RM1,700 <b>= RM283.33</b>	<b>1,076.67</b>

*Bagi pembayaran bernombor 12002067, ia merujuk kepada penemuan oleh Naziran Bahagian Akaun (BA) Tahun 2024 yang mendapati terdapat gaji terkurang bayar kepada Personel MyStep berkenaan, di mana gaji sepatutnya dibayar berdasarkan output bagi bulan tersebut.*

**Pendapat Audit : Bayaran Personel MySTEP tidak teratur kerana asas upah bulanan tidak menjadi teras terhadap perkiraan upah.**

#### **6.2.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan Arahan Pembayaran adalah kurang teratur dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Ketidapatuhan ini melibatkan bayaran tuntutan perjalanan telah dibuat bagi jarak dan tempoh yang tidak mencukupi, tiada langkah penjimatan bagi tuntutan tambang pengangkutan awam dan dokumen sokongan tidak lengkap serta tidak diperakui oleh pegawai yang dibenarkan. Selain itu, bayaran Personel MySTEP tidak teratur kerana asas upah bulanan tidak menjadi teras terhadap perkiraan upah.

#### **6.2.7 SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan adalah disyorkan kepada pihak PKK untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- a. Semua pembayaran dibuat secara teratur, munasabah dan berpatutan;
- b. Peraturan dalaman disediakan bagi menentukan lokasi dan jarak penginapan yang dibenarkan semasa pegawai menghadiri kursus;
- c. Kelulusan daripada Pegawai Pengawal diperolehi bagi penetapan Sasaran Pencapaian Output bagi Perkhidmatan Personel MySTEP; dan
- d. Kutipan balik terhadap Bayaran Upah Personel MySTEP yang terlebih bayar diambil.

## 6. PENGAUDITAN KEWANGAN

### 6.3 PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP) BAGI DATA CUT-OFF 31 DISEMBER 2024

#### 6.3.1 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM Bilangan 4 Tahun 2024 bertarikh 27 Disember 2024 telah meluluskan Strategi Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Laibiliti Tahun 2025. Sehubungan itu, pihak UAD KUSKOP dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan verifikasi ke atas data aset dan liabiliti Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebelum data tersebut dihantar ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk dibawa masuk sebagai data baki awal.

#### 6.3.2 OBJEKTIF PENGAUDITAN


Objektif pengesahan data baki awal aset dan liabiliti adalah untuk mengesahkan baki awal bagi tujuan perakaunan akruan.

#### 6.3.3 SKOP PENGAUDITAN

Skop bagi pengesahan data baki awal aset dan liabiliti bagi *cut-off* 31 Disember 2024 melibatkan 39 aset berjumlah RM4,231,262.50 dan 8 liabiliti pajakan kewangan berjumlah RM433,329.34.



### 6.3.4 METADOLOGI PENGAUDITAN



### 6.3.5 PENGESAHAN DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

Pengesahan data baki awal aset dan liabiliti telah dilaksanakan berdasarkan templete yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun, KUSKOP pada 5 dan 30 Mei 2025. Pihak UAD telah melaksanakan pemeriksaan fizikal terhadap 28 sampel aset dan mengesahkan status dan kewujudan aset tersebut. Secara keseluruhannya, pihak UAD telah mengesahkan baki awal 39 aset berjumlah RM4,231,262.50 dan 8 liabiliti pajakan kewangan berjumlah RM433,329.34.

### 6.3.6 RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Proses pengesahan data baki awal aset dan liabiliti adalah baik. Pengumpulan data dan pemantauan telah dilaksanakan dengan teratur terhadap rekod-rekod berkaitan aset dan liabiliti.



**BAHAGIAN IV**

**KEBERKESANAN**

**JAWATANKUASA**

**AUDIT**

## 7. MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

### 7.1 PENUBUHAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit (JKA) KUSKOP ditubuhkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. Objektif penubuhan JKA ialah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara supaya tindakan pencegahan dan pembetulan diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

Mesyuarat JKA merupakan salah satu mekanisma terbaik dalam usaha meningkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan keahliannya adalah seperti berikut:



### 7.2 PELAKSANAAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Mesyuarat JKA KUSKOP telah diadakan sebanyak tiga kali pada tahun 2025 dan sekali pada tahun 2026. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut:

	MESYUARAT JKA	TARIKH
01	BILANGAN 1/2025	14 APRIL 2025
02	BILANGAN 2/2025	01 JULAI 2025
03	BILANGAN 3/2025	22 OKTOBER 2025
04	BILANGAN 4/2025	3 FEBRUARI 2026

### 7.3 STATUS ISU AUDIT

Sepanjang tahun 2025, bilangan isu berbangkit yang dibentangkan dan diambil tindakan semasa Mesyuarat JKA adalah seperti di Jadual 72.

**JADUAL 72**  
**STATUS ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA AUDIT**

TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU DI JKA	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
		TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
<b>Mesyuarat JKA Bil. 1 Tahun 2025</b>				
• Pengauditan Arahan Pembayaran di Pusat Khidmat Kontraktor	7	-	-	7
<b>Mesyuarat JKA Bil. 2 Tahun 2025</b>				
• Pengesahan Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)	7	-	-	7
• Pengauditan Pengurusan Keselamatan Bangunan KUSKOP	13	-	-	13
• Pengauditan Arahan Pembayaran KUSKOP	7	-	1	6
<b>Mesyuarat JKA Bil. 3 Tahun 2025</b>				
• Pengurusan Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Industri Halal Di Bahagian Pembangunan Francais Dan Vendor	24	-	3	21
<b>Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2025</b>				
• Pengauditan Program Pembangunan Premis Tamu Desa	9	-	8	1
• Pengauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan KUSKOP	1	-	1	-

**JADUAL 72**  
**STATUS ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT**  
**JAWATANKUASA AUDIT**

TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU DI JKA	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
		TIADA TINDAKAN	DALAM TINDAKAN	SELESAI
• Pengauditan Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan KUSKOP dan PKK	3	-	-	3
• Pengauditan Pelaksanaan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (CODE) – Institut Koperasi Malaysia (IKMa)	14	-	12	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>85</b>	<b>-</b>	<b>25</b>	<b>60</b>

Nota : Status Isu Audit setakat 28 Februari 2026

#### 7.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Audit KUSKOP telah berjaya mencapai matlamat dan objektif penubuhannya kerana selain daripada pembentangan isu yang ditemui, mesyuarat turut berfungsi sebagai satu medium untuk bertukar pandangan serta mendapatkan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus dan pengurusan kewangan.

Sehubungan itu, Auditi telah dan sedang melaksanakan tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam. Tindakan yang diambil bukan sahaja terhad kepada isu yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit, tetapi turut merangkumi semua isu yang dinyatakan dalam Pemerhatian Audit. Bagi memastikan pemantauan yang sistematik, minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit telah dimuat naik dalam Sistem Pemantauan Audit Dalam (SiPAD) selaras dengan ketetapan semasa bagi tujuan makluman dan rekod kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia.

The background features an abstract geometric pattern. It consists of various shades of purple hexagons, some solid and some outlined, connected by thin grey lines that form a network or circuit-like structure. The pattern is more dense on the right side of the page and fades towards the left.

BAHAGIAN V

**PENINGKATAN  
PENGETAHUAN  
BERTERUSAN**

## 8. PENINGKATAN PENGETAHUAN BERTERUSAN

### 8.1 KURSUS/LATIHAN ANJURAN UNIT AUDIT DALAM

#### BENKEL PENILAIAN KENDIRI PENGURUSAN KEWANGAN

Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri, iaitu pada 28 hingga 30 April 2025 bertempat di Cameron Highlands, Pahang dan pada 3 hingga 5 Ogos 2025 bertempat di Langkawi, Kedah. Pelaksanaan bengkel ini bertujuan meningkatkan kefahaman dan kompetensi pegawai KUSKOP dalam melaksanakan penilaian kendiri pengurusan kewangan di bawah seliaan masing-masing secara sistematik melalui Modul Self Assessment Audit (SAA) dalam Sistem iAREF. Hasil pelaksanaan bengkel ini, pegawai yang terlibat didapati lebih berkeupayaan memahami keperluan kawalan dalaman, mengenal pasti kelemahan pengurusan kewangan serta melaksanakan penilaian secara lebih teratur dan berasaskan bukti, sekali gus menyumbang kepada peningkatan tahap pematuhan, akauntabiliti dan kualiti pengurusan kewangan secara keseluruhan.



## 8.2 KURSUS/LATIHAN YANG DIHADIRI PEGAWAI

Sepanjang tahun 2025, semua pegawai telah mematuhi minima lima hari berkursus. Latihan yang telah dihadiri oleh pegawai UAD merangkumi kursus, seminar, bengkel atau ceramah yang telah dianjurkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Audit Negara, Jabatan Akauntan Negara, KUSKOP dan agensi luar. Butiran lanjut kursus yang telah dihadiri oleh pegawai UAD sepanjang tahun 2025 adalah seperti di Jadual 73.

**JADUAL 73**  
**KURSUS YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI UAD**

BIL.	KURSUS YANG DIHADIRI	TARIKH KEHADIRAN
<b>PUAN ROSMASNI BINTI MD ISA</b>		
1.	Kursus Pengurusan Kepimpinan (KCA W12)	3 – 4 Februari 2025
2.	Kursus Analisis Bukti Digital (KCA W12)	14 – 16 April 2025
3.	Kursus Pengauditan Pengurusan Aktiviti (Projek)	10 – 12 Jun 2025
<b>PUAN NORHAZLIN BINTI MOHD HANAPI</b>		
1.	<i>Continuous Professional Development</i> (CPD) Siri 1/2025 - AI For Everyone Understanding The Present And Future Of Artificial Intelligence	24 Januari 2025
2.	Kursus Pengauditan Perolehan Kerajaan	15 – 16 Januari 2025
3.	Bengkel Sistem Pemantauan Audit Dalam	5 - 6 Februari 2025
4.	Perkongsian Ilmu (PI) Siri 2/2025 – <i>Translating Vision Into Reality The Role Of The Strategic Leader</i>	10 Februari 2025
5.	Taklimat Garis Panduan Pengauditan Audit Dalam	13 Februari 2025
6.	Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan Untuk Kegunaan KUSKOP	28 – 30 April 2025
7.	PI Siri 5/2025 – Perkongsian Pengalaman Bertugas Di Sektor Awam	20 Mei 2025
8.	Kursus Keselamatan Perlindungan Untuk Pegawai Keselamatan (PPKJ)	7 – 8 Julai 2025
9.	Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah Dan Pembangunan Strategi Pembanterasannya (OACS)	14 – 17 Julai 2025
10.	CPD Siri 7/2025 – Garis Panduan Sewaan ICT KUSKOP	21 Julai 2025
11.	Kursus <i>Advanced English For Entrepreneurship</i>	23 - 25 Julai 2025
12.	Kursus Pengurusan Media	8 September 2025
13.	Kursus Digital <i>Leadership: Artificial Intelligence (AI)</i>	17 – 19 September 2025
<b>ENCIK SYARIFFUDDIN BIN SHARIF</b>		
1.	Kursus Pengauditan Perolehan Kerajaan	15 – Januari 16-01-2025
2.	Kursus Penulisan Laporan Ketua Audit Negara	24 – 27 Februari 2025
3.	Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan Untuk Kegunaan KUSKOP	28 – 30 April 2025
4.	Transformasi Produktiviti Pegawai Awam Melalui Penggunaan AI	21 - 23 Mei 2025
5.	Persidangan Juruaudit ASEAN 2025	27 - 28 Mei 2025
6.	Kursus Asas Pengauditan Prestasi Audit Dalam 2025	12 Jun 025
7.	Kursus Asas Pengauditan Kawalan Am ICT Audit Dalam Tahun 2025	23 Jun 2025
8.	Kursus Pemikiran Strategik (KCA W10)	24 – 26 Jun 2025
9.	<i>Basic Occupational First Aid With CPR &amp; AED Training</i>	29 – 30 September 2025
10.	Kursus Pengauditan ICT KCA W10	28 – 30 Oktober 2025
<b>CIK NOOR AZRIANA FARHANIM BINTI MOHAMAD NAZRI</b>		
1.	<i>Learn @ Lunch Session</i> Bil. 1/2025	15 Januari 2025
2.	Bengkel Latihan Dalaman Sektor Audit Kewangan Mengenai Pengauditan Terus Penyata Kewangan	14 Februari 2025
3.	Kursus Pegawai Perhubungan ( <i>Liaison Officer</i> )	22 – 24 April 2025

BIL.	KURSUS YANG DIHADIRI	TARIKH KEHADIRAN
4.	Persidangan Juruaudit ASEAN 2025	27 – 28 Mei 2025
5.	Majlis Perjumpaan Ketua Audit Negara Bersama UAD	24 September 2025
6.	Program Sejahtera Emosi, Teguh Integriti	25 September 2025
7.	Hari Terbuka Psikologi Dan Integriti Tahun 2025	25 September 2025
<b>ENCIK AHMAD FIQRIE BIN MD NOOR</b>		
1.	Bengkel Penambahbaikan Laporan Ketua Audit Negara Bertemakan Keterjaminan Makanan	23 – 24 Januari 2025
2.	Bengkel Penulisan Dan Koordinasi Laporan Ketua Audit Negara Bagi Pengauditan Bertema Keterjaminan Makanan	17 – 18 April 2025
3.	Persidangan Juruaudit ASEAN 2025	27 – 28 Mei 2025
<b>PUAN SITI NORFADZILAH BINTI ISMAIL</b>		
1.	CPD Siri 1/2025 – <i>AI For Everyone understanding The Present And Future Of Artificial Intelligence</i>	24 Januari 2025
2.	CPD Siri 2/2025 – Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi Dan Kad Kredit Korporat	19 Februari 2025
3.	Kursus Pengurusan Dan Perakaunan Aset (SPPA & IGFMAS) Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP)	25 – 27 Februari 2025
4.	CPD Siri 3/2025 – Etiket Pakaian Dan Penampilan Pegawai Awam	6 Mac 2025
5.	Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan Untuk Kegunaan KUSKOP	28 – 30 April 2025
6.	CPD Siri 5/2025 – Program Pembangunan Keusahawanan Halal KUSKOP	26 Mei 2025
7.	Persidangan Juruaudit ASEAN 2025	27 – 28 Mei 2025
8.	Kursus Pengauditan Pengurusan Kewangan Audit Dalam Tahun 2025	4 – 5 Jun 2025
9.	Kursus Keselamatan Perlindungan Untuk Pegawai Keselamatan (PPKJ)	7 – 8 Julai 2025
10.	PI Siri 7/2025 – Kesedaran Berkaitan Isu Dan Cabaran Perakaunan Aset Kerajaan	14 Julai 2025
11.	Kursus Pengurusan Dan Perakaunan ABT	26 – 28 Ogos 2025
12.	CPD Siri 10/2025 – Isu-Isu Pengauditan	8 Oktober 2025
13.	Webinar Jabatan Audit Negara (JAN) Siri 2 Tahun 2025 Yang Bertajuk "Toleh Kanan Toleh Kiri: Mana Tatakelola?"	14 November 2025
14.	PI Siri 11/2025 . Keselamatan ICT (Tanggungjawab Kita Bersama)	15 Disember 2025
<b>ENCIK ZAMANI SHAH BIN ZAINAL</b>		
1.	Kursus Penggunaan Aplikasi Canva	13 – 15 Mei 2025
2.	Kursus Teknik Analisis Data (MS EXCEL)	26 – 28 Ogos 2025
3.	Kursus Pengurusan Elaun Dan Kemudahan Sektor Awam	14 – 16 Oktober 2025
<b>CIK SITI ZAHARAH BINTI AB RAHMAN</b>		
1.	Bicara Psikologi Siri 1/2025: Perjalanan 365 Hari, Bermula Sekarang	20 Januari 2025
2.	CPD Siri 1/2025 - <i>AI For Everyone Understanding The Present And Future Of Artificial Intelligence</i>	24 Januari 2025
3.	PI Siri 1/2025 – Program Pembangunan Vendor – Konsep Dan Pelaksanaan	28 Januari 2025
4.	PI Siri 2/2025 – <i>Translating Vision Into Reality The Role Of The Strategic Leader</i>	10 Februari 2025
5.	Kursus Profesionalisma Diri Unggul	14 – 16 Februari 2025
6.	CPD Siri 2/2025 – Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi Dan Kad Kredit Korporat	19 Februari 2025
7.	CPD Siri 3/2025 – Etiket Pakaian Dan Penampilan Pegawai Awam	6 Mac 2025
8.	Program Kesejahteraan Kewangan: Kebankrapan Dalam Kalangan Penjawat Awam	13 Mac 2025
9.	PI Siri 3/2025 – <i>Leadership Transform Desert To Miracle</i>	11 April 2025
10.	PI Siri 5/2025 – Perkongsian Pengalaman Bertugas Di Sektor Awam	20 Mei 2025
11.	PI Siri 7/2025 – Kesedaran Berkaitan Isu Dan Cabaran Perakaunan Aset Kerajaan	14 Julai 2025
12.	Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan Untuk Kegunaan KUSKOP	3 – 5 Ogos 2025
13.	CPD Siri 8/2025 – Kemudahakan Pembiayaan Kenderaan Penjawat Awam	26 Ogos 2025
14.	CPD Siri 8.1/2025 - Dasar Tapisan Keselamatan - CGSO	26 Ogos 2025
15.	Program Sejahtera Emosi, Teguh Integriti	25 September 2025

BIL.	KURSUS YANG DIHADIRI	TARIKH KEHADIRAN
16.	CPD Siri 10/2025 – Isu – Isu Pengauditan	8 Oktober 2025
17.	PI Siri 9/2025 - <i>Learn.. Unlearn.. Relearn: Aston UK Experience</i>	15 Oktober 2025
18.	CPD Siri 11/2025 – Nilai – Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Awam	10 November 2025
19.	Program Ceramah Penghayatan Nilai Islam	18 November 2025
20.	PI Siri 10/2025 – Kepimpinan Diri Melalui Pengajaran Dari Zoomorfisme	27 November 2025
21.	CPD Siri 12/2025 - Pengenalan Akrab KUSKOP	19 Disember 2025
22.	PI Siri 12/2025 - Pengurusan Hal Ehwal Kabinet & Parlimen	23 Disember 2025



The background features a complex geometric pattern of purple hexagons in various shades and sizes, some appearing as 3D cubes. These are interconnected by a network of thin grey lines that form a grid-like structure with some irregularities.

BAHAGIAN VI

**PERKARA AM**

## 9. PERKARA AM

### 9.1 IMPAK PENGAUDITAN AUDIT DALAM TERHADAP ORGANISASI

Pegawai Unit Audit Dalam (UAD) telah melaksanakan beberapa jenis pengauditan secara profesional dan bebas. Pemerhatian Audit telah dilaporkan secara objektif kepada Auditi serta dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) secara berkala. Hasil dari pengauditan tersebut, beberapa penjimatan dan tindakan penambahbaikkan telah dibuat oleh Auditi. Selain itu, Pemerhatian Audit yang dikeluarkan juga menyumbang kepada penambahbaikkan proses kerja kementerian serta agensi. Impak pengauditan Audit Dalam kepada Kementerian pada tahun 2025 adalah seperti dalam Jadual 74.

**JADUAL 74**  
**IMPAK PENGAUDITAN AUDIT DALAM TERHADAP KEMENTERIAN PADA TAHUN 2025**

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	PENEMUAN AUDIT	KUTIPAN AMAUN TERLEBIH BAYAR (RM)	PENAMBAHBAIKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN/ TADBIR URUS/ PROSEDUR KERJA	PENJIMATAN KEPADA KEMENTERIAN/ JABATAN (RM)
1.	Pengauditan Pengurusan Program Pemerikasaan Bekalan (SCOPE) Di Suruhanjaya Koperasi Malaysia	Peralatan yang diluluskan tidak dibeli/tidak digunakan/dipindah keluar dari premis koperasi.	-	Garis Panduan SCOPE baharu telah diperaku oleh KSU pada 30 April 2025 untuk diguna pakai.	-
2.	Pengauditan Program Pemerikasaan Bekalan (SCOPE)	Bayaran telah disalurkan tetapi projek belum dilaksanakan.	Kutipan bayaran balik bagi projek yang belum dilaksanakan berjumlah <b>RM15,000</b> telah dibuat.	-	-
3.	Pengesahan Program Pemerikasaan Bekalan (SCOPE)	Berdasarkan ketetapan kelulusan 90% harga kenderaan, jumlah kelulusan sepatutnya adalah RM133,415 (RM148,239 x 90%). Berdasarkan perkiraan Audit, SKM telah melebihi jumlah sepatutnya ditetapkan dengan perbezaan kelulusan berjumlah RM14,736 (RM148,151 – RM133,415).	-	-	SKM hanya membuat pembayaran sebanyak RM133,011.95 iaitu penjimatan geran sebanyak <b>RM15,139</b> .
4.	Pengauditan Arahan Pembayaran Pusat Khidmat Kontraktor	Tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian telah terlebih bayar sebanyak RM188.50.  Pegawai berkursus menginap melebihi 25km daripada tempat berkursus dan menyebabkan bayaran tambang pengangkutan awam sebanyak RM367.10.	Kutipan balik sebanyak <b>RM132.50</b> bagi Elaun Makan/Elaun Harian semasa bertugas rasmi terlebih bayar telah dibuat.	-	-
			-	Senarai Semak Tuntutan Perjalanan Dalam Negeri dan kawalan dalaman telah dikemaskini.	-

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	PENEMUAN AUDIT	KUTIPAN AMAUN TERLEBIH BAYAR (RM)	PENAMBAHBAIKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN/ TADBIR URUS/ PROSEDUR KERJA	PENJIMATAN KEPADA KEMENTERIAN/ JABATAN (RM)
5.	Pegauditan Pembayaran Kementerian Pembangunan Usahawan Koperasi Arahan Dan	Bayaran perkhidmatan mengurus content Whatsapp Channel melebihi 10 content dan bayaran berjumlah RM1,000 berbanding SST.	Kutipan balik bagi bayaran Penyiaran Pengiklanan Melalui Media Sosial berjumlah <b>RM1,000</b> telah dibuat.	-	-
		Bayaran upah Personel MySTEP telah terlebih bayar sebanyak RM1,245.43.	Kutipan balik bagi bayaran upah Personel MySTEP berjumlah <b>RM91.27</b> telah dibuat.	-	-
		ELM telah terlebih bayar sejumlah RM697.72 melalui 8 Arahan Pembayaran kerana KLM melebihi waktu yang dinyatakan dalam arahan KLM dan aturcara program yang berkaitan.	Kutipan balik bagi Elaun Lebih Masa berjumlah <b>RM697.72</b> telah dibuat.	-	-
		Dokumen sokongan tidak disertakan bersama Arahan Pembayaran menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada tuntutan yang dibuat oleh pegawai mematuhi peraturan kewangan yang telah ditetapkan.	Kutipan balik bagi tuntutan Elaun Makan/Elaun Harian semasa bertugas rasmi berjumlah <b>RM102.50</b> telah dibuat.	-	-
		Pembayaran ELM berjumlah RM1,631.57 tidak disokong dengan arahan KLM.	-	SOP kelulusan kerja lebih masa dan penggantian tugas kawalan keselamatan telah ditambah baik.	-
6.	Pegauditan Pengurusan Keselamatan Bangunan KUSKOP	Tiada mekanisme pemantauan bagi rondaan yang dibuat petugas RELA. Alat watchman clock iaitu peranti yang digunakan untuk mengesan dan merekod aktiviti rondaan anggota keselamatan bagi memastikan lawatan dibuat mengikut jadual rosak dan tidak dapat digunakan.	-	Perolehan <i>watchman clock</i> telah selesai dipasang di enam <i>checkpoint</i> pada 27 November 2025 dan kini digunakan oleh Anggota RELA bagi menambah baik proses pemantauan serta rondaan di bangunan KUSKOP.	-
7.	Pegauditan Pengurusan Kontrak Pembersihan Bangunan KUSKOP	Jadual pemantauan di lapangan dan laporan pemantauan tidak disediakan oleh BKP untuk melaporkan hasil pemantauan tersebut.	-	Sistem Aduan ( <i>Work Order</i> ) dan Borang <i>Customer Satisfaction Survey (CSS)</i> telah diwujudkan oleh pihak kontraktor bagi pemantauan perkhidmatan <i>Housekeeping</i> dan <i>Pest Control</i> . Aplikasi tersebut telah digunapakai mulai 10 Februari 2026.	-

## 9.2 PENGLIBATAN PEGAWAI AUDIT DALAM DI ORGANISASI

### 9.2.1 KHIDMAT NASIHAT PEGAWAI AUDIT DALAM

Selain daripada UAD menjalankan fungsi sebagai juruaudit dalaman, pegawai UAD juga dijemput memberi ceramah/taklimat. Antara pegawai yang terlibat adalah seperti dalam Jadual 75.

**JADUAL 75**  
**CERAMAH YANG DISAMPAIKAN OLEH PEGAWAI AUDIT DALAM**

NAMA	TAJUK CERAMAH	TEMPAT
Puan Rosmasni Binti Md Isa	<i>Sustainable Development Goals Auditing</i>	Bandar Enstek, Negeri Sembilan DBKL, Kuala Lumpur
Encik Mohd Iskandar Bin Amran	Bengkel Pengauditan Projek	Dungun, Terengganu
Syariffuddin Bin Sharif	<i>Continuous Professional Development (CPD) Siri 10/2025 – Isu-Isu Pengauditan</i>	Dalam Talian

### 9.2.2 PENGLIBATAN PEGAWAI AUDIT DALAM KEPADA KEMENTERIAN

Pada tahun 2025, Unit Dalam Dalam, KUSKOP telah menerima penarafan 5 bintang daripada Bahagian Kawalan Kewangan Dan Strategik Korporat, Kementerian Kewangan bagi Penilaian Susulan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Audit Dalam Kementerian/Jabatan Persekutuan.

Selain itu, pegawai UAD terlibat di dalam program/aktiviti anjuran peringkat KUSKOP dan secara tidak langsung juga memberikan sumbangan dan pencapaian sepanjang tahun 2025. Penglibatan tersebut adalah seperti dalam Jadual 76.



**JADUAL 76**  
**PENGLIBATAN PEGAWAI AUDIT DALAM PERINGKAT KEMENTERIAN**

PROGRAM	NAMA	SUMBANGAN
Audit Kendiri Pengurusan Organisasi	Syariffuddin Bin Sharif	Ketua Juruaudit
Puspanita KUSKOP		Juruaudit
<i>Organisational Anti-Corruption Strategy</i>	Puan Norhazlin Binti Mohd Hanapi	Ahli
Bengkel Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan	Puan Norhazlin Binti Mohd Hanapi	Urusetia
	Syariffuddin Bin Sharif	
	Zamani Shah Bin Zainal	
	Siti Zaharah Binti Ab Rahman	

### 9.3 KEKANGAN DAN CABARAN YANG DIHADAPI

Pegawai Audit Dalam memainkan peranan penting dalam membantu memantapkan pengurusan kewangan KUSKOP melalui pengauditan berkesan. Dalam melaksanakan pengauditan sepanjang tahun 2025, UAD KUSKOP berdepan dengan beberapa cabaran bagi memastikan pengauditan dapat dilaksanakan dengan lancar dan hasil pengauditan memenuhi jangkaan atau kehendak pihak berkepentingan. Antara cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

#### Kekurangan Kepakaran

Pegawai UAD tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas serta kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pengauditan prestasi dan pengauditan ICT. Keadaan ini menyukarkan pelaksanaan audit secara menyeluruh dan berkesan, terutamanya bagi penilaian aspek kecekapan, keberkesanan serta pematuhan sistem ICT yang kompleks.

#### Kekurangan Aset

UAD tidak mempunyai kamera berspesifikasi tinggi untuk digunakan semasa menjalankan pengauditan. Gambar diambil menggunakan telefon bimbit pegawai yang mana kualiti gambar adalah rendah dan UAD juga tidak mempunyai projector untuk digunakan semasa sesi perbincangan/mesyuarat yang diadakan.

#### Ketersediaan Dokumen

Sesetengah Auditi lewat mengemukakan dokumen untuk tujuan pengauditan walaupun senarai dokumen yang ingin disemak telah dimaklumkan lebih awal sebelum pengauditan dimulakan. Kelewatan mengemukakan dokumen menyebabkan tempoh masa pengauditan terjejas dan secara tidak langsung memberi kesan kepada kualiti pengauditan.

9.4 AKTIVITI-AKTIVITI AUDIT DALAM

## Aktiviti Pengauditan



Lawatan Fizikal Pengauditan Keselamatan Bangunan KUSKOP Di Putrajaya  
April 2025



Lawatan Fizikal Pengauditan Program CODE Di Johor, Selangor, Kedah dan Pulau Pinang  
Jun - Julai 2025

# Aktiviti Pengauditan



## Aktiviti Pengauditan



## Mesyuarat



## Aktiviti Sukan & Muhibah

